

BAB ENAM

PEMIKIRAN KEKREATIFAN

6.1 Pengenalan

Pemikiran merupakan unsur penting yang membezakan manusia dengan kehidupan-kehidupan lain sama ada dari aspek fizikal, sosial atau spiritual. Selain itu, pemikiran juga dikatakan dapat mencetuskan kemajuan yang selari dengan keperluan yang semakin bertambah dan berbeza. Dalam hal ini, kemahiran bahasa bertindak sebagai alat untuk merangsang perkembangan minda dan mencorakkan kemahiran berfikir seseorang. Hasil kesusasteraan yang menjadi platform kepada penguasaan bahasa yang dinamik, memainkan peranan penting mencorakkan perkembangan pemikiran khususnya Pemikiran kreatififan (Abd.Rahim Abd Rashid, 1999:94).

Pemikiran Kreatififan merupakan satu satu komponen dalam sistem pemikiran yang memainkan peranan penting dalam perkembangan budaya sesebuah masyarakat. Pandangan ini turut dikongsi oleh sarjana bernama T.I. Lubart (1999: 342) seperti berikut:-

“Beyond the conception of creativity, culture influences the manifestation of creativity in terms of the forms and domains of creativity, the limits of creativity to certain social groups, and the effect of language on creativity. Cultures encourage creativity in some situations and some topics, but discourage it for others”

Menurut T.I.Lubert, walaupun budaya yang didukung oleh sesuatu masyarakat menggalakkan elemen kreativiti dalam sesetengah keadaan dan beberapa topik, tetapi adakalanya ia tidak menggalakkan perkembangan elemen kreativiti kerana terikat dengan peraturan masyarakat yang sedia ada.

Menyedari akan kepentingan Pemikiran Kreativiti, Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan tahun 2010 sebagai tahun inovatif dan kreatif sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan negara. Bagi merealisasikan hasrat negara sebagai negara maju menjelang 2020, negara memerlukan modal insan berfikiran kritis dan kreatif, teguh dan berdaya saing (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011: ix-xi). Kenyataan di atas mencerminkan kepentingan Pemikiran Kekreatifan yang dapat diterapkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran khususnya melalui kajian kesusasteraan.

Bab keenam ini memuatkan kajian tentang Pemikiran Kekreatifan MTA berdasarkan KTK. Pengkaji menstrukturkan kerangka bab ini seperti berikut:-

- 6.1 Pendefinisian konsep Pemikiran Kekreatifan.
- 6.2 Pemikiran Kekreatifan berdasarkan Teori SPB4K.
- 6.3 Pemikiran Kekreatifan dalam KTK.
- 6.4 Analisis Pemikiran Kekreatifan MTA berdasarkan KTK

Bidang kajian Pemikiran Kekreatifan adalah sangat luas. Oleh itu, pengkaji menyempitkan perbincangan tentang konsep Pemikiran Kekreatifan kepada dua skop yang utama iaitu pemikiran lateral dan Pemikiran Kekreatifan seperti mana yang dihuraikan dalam Teori SPB4K. Pembahagian komponen kedua-dua pemikiran tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Konsep Pemikiran Kereatifan dan pemikiran lateral
- ii. Gaya-gaya dan kemahiran dalam Pemikiran Kekreatifan
- iii. Kemahiran dan fasa dalam Pemikiran Kekreatifan

- iv. Teori dan ciri-ciri Pemikiran Kekreatifan
- v. Enam topi pemikiran dan enam kasut tindakan
- vi. Alat-alat CoRT dan Konsep PO
- vii. Lima Prinsip Revolusi Positif

Pemahaman terhadap kedua-dua konsep iaitu Pemikiran Kekreatifan dan pemikiran lateral ini adalah penting sebelum usaha mendekati kajian terhadap pemikiran MTA dibuat menerusi penelitian KTK dalam bahagian seterusnya.

6.1.1 Konsep Pemikiran Kekreatifan

Konsep Pemikiran Kekreatifan dibincang dan dibahas secara ilmiah oleh para sarjana lebih daripada dua abad. Perbincangan tersebut adalah berdasarkan pengalaman, pemerhatian, latar disiplin keilmuan yang dimiliki melalui kajian, membongkarkan perbezaan pandangan terhadap konsep Pemikiran Kekreatifan (Jamal Badi & Mustapha Tajdin. 2007). Pemikiran Kekreatifan didefinisikan sebagai kebolehan mewujudkan sesuatu yang baru sama sekali. Definisi ini menggambarkan kehebatan Pemikiran Kekreatifan dan perlakuan manusia sehingga dapat mencapai apa sahaja yang diidamkan. Namun demikian, bagi sesetengah sarjana, kenyataan seumpama ini menyangkal kekuasaan Tuhan serta sifat kelemahan yang sememangnya terdapat pada umat manusia (Mohd. Azhar Abd. Hamid, 2004: 251).

Menurut Edward de Bono (2002: 2), Pemikiran Kekreatifan didefinisikan sebagai '*being different*' iaitu seseorang itu menunjukkan kelainan. Terdapat banyak pernyataan

tentang konsep Pemikiran Kekreatifan yang diutarakan oleh para sarjana, yang dapat disimpulkan seperti berikut:-

- i. Kreatif sebagai gaya hidup.
- ii. Kreatif sebagai proses intelektual.
- iii. Kreatif sebagai penghasilan objek- produk.
- iv. Kreatif sebagai aktiviti imaginasi.

(Mohd. Azhar Abd. Hamid 2004: 166-174).

Istilah kreatif berasal daripada bahasa Latin dan Greek, yang berbunyi '*creare*'. yang membawa maksud 'membuat' atau 'memenuhi'. Pemikiran Kekreatifan ialah pertembungan manusia secara sedar dengan dunianya. Ia merupakan satu keadaan yang menyebabkan manusia berinteraksi untuk menghasilkan ataupun mewujudkan sesuatu yang tidak wujud sebelumnya (Som Nor & Mohd Dahalan Mohd Ramli, 2002:244).

Maimunah Osman (2004: 51), menjelaskan bahawa Pemikiran Kekreatifan adalah keupayaan untuk menjana idea-idea baru dan bersifat asli bersifat positif, membina dan bukan menghapuskan sesuatu idea . Jenis pemikiran ini melibatkan keupayaan minda untuk memberi beberapa alternatif, melihat sesuatu daripada pelbagai sudut, perspektif yang lebih luas dan tidak terkongkong dengan kebiasaan. Oleh itu, Pemikiran Kekreatifan merealisasikan idea yang tiada, kepada ada dengan memberi makna dan nilai tambah baru kepada sesuatu kerja atau perkara (Maimunah Osman, 2005: 1-3).

Pemikiran Kekreatifan merupakan salah satu domain dalam kemahiran berfikir yang menekankan penggunaan Hoka. Hoka bertumpu kepada ciri-ciri pemikiran seperti

imaginasi, fantasi, intuitif, tak sistematik, subjektif dan spatial (J.A. Philips, 1999: 90). Pemikiran Kekreatifan melibatkan penghasilan lukisan, sajak, muzik, kesenian dan sebagainya. Terdapat beberapa istilah yang digunakan oleh para sarjana untuk menggambarkan konsep Pemikiran Kekreatifan disebabkan penemuan yang berbeza dalam sesuatu kajian. Antara istilah yang diperkaitkan dengan Pemikiran Kekreatifan yang dicipta oleh para sarjana dapat diwakilkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual: 6.1: Jenis-Jenis Teori Pemikiran


Jenis Teori Pemikiran	Pengasas Teori
Pemikiran Cuba Jaya	Thorndike (1911)
Pemikiran Produktif	Otto sel'z (1927)
Pemikiran Inovasi	Alva Edison (1931)
Pemikiran Imajinatif dan Intuitif	Alex Osborn (1953)
Pemikiran Lateral	Edward de Bono (1967)
Pemikiran Bercapah	Guildford (1967)
Pemikiran Paralel	Edward de Bono (1970)
Pemikiran Reka Cipta	John Barell (1975)
Pemikiran Gila-gila	William Blake (1981)
Pemikiran Fleksibel dan Generik	Perkins (1984)
Pemikiran Radian	Tony Buzan (1990)

Diubahsuai daripada, Mohd. Azhar Abd.Hamid (2004: 179)

6.1.1.1 Gaya Pemikiran Kekreatifan

Terdapat beberapa cara dan pendekatan mikro yang dapat digunakan untuk menjana idea Pemikiran Kekreatifan. Pemikiran Kekreatifan dari segi matlamatnya adalah untuk memperolehi dan menghasilkan pelbagai idea, saranan, konsep, teori, produk dan sebagainya. Dalam hal ini, pemahaman terhadap konsep Pemikiran Kekreatifan dapat dihalusi dengan memahami beberapa komponen seperti, gaya pemikiran, kemahiran, fasa-fasa, teori-teori dan sebagainya.

Terdapat beberapa gaya pemikiran yang bersangkutan paut dengan Pemikiran Kekreatifan. Ianya dapat digambarkan seperti berikut:-




Rajah 6.1: Gaya Pemikiran Kekreatifan

Diubahsuai daripada, Mohd. Azhar Abd. Hamid (2004: 258-263)

6.1.1.2 Kemahiran Pemikiran Kekreatifan

Bagi menguasai sesuatu gaya pemikiran khususnya dalam Pemikiran Kekreatifan, seseorang perlu menguasai beberapa kemahiran yang menjadi landasan dalam pembentukan Pemikiran Kekreatifan. Interaksi antara kemahiran-kemahiran dengan

pengetahuan dan sikap membolehkan seseorang memahami alam sekelilingnya kerana berfikir merupakan satu proses mental. Pemikiran Kekreatifan memberi penekanan kepada beberapa kemahiran seperti meramal, membuat inferens, menjanakan idea, menghubungkan, mengitlakkan, mensintesis, membuat gambaran mental dan hipotesis (D.Mukerjea, 2003: 31). Pemikiran Kekreatifan turut memiliki beberapa lagi kemahiran yang dapat dipecahkan kepada kemahiran makro dan kemahiran mikro (Kamarudin Husin, 2003:50-51). Kedua-dua kemahiran makro dan mikro dapat digambarkan seperti berikut:-




Rajah 6.2: Kemahiran Makro dan Mikro Dalam Pemikiran Kekreatifan

Diubahsuai daripada, Kamarudin Husin (2003:51).

6.1.1.3 Teknik Pemikiran Kekreatifan

Pemikiran Kekreatifan dapat dijana dengan pengaplikasian beberapa teknik yang dihasilkan oleh para pemikir kreatif tempatan dan Barat. Aion Mohd dan Abdullah Hassan menggariskan beberapa teknik yang boleh digunapakai untuk menjana Pemikiran Kekreatifan. Teknik-teknik tersebut dapat digambarkan seperti berikut:-



Rajah 6.3 Teknik-Teknik Menjana Pemikiran Kekreatifan

Diubahsuai daripada, Aion Mohd dan Abdullah Hassan (2001:18)

Edward de Bono (2000: 63) pula, mencipta empat teknik untuk menghasilkan idea-idea bersifat lateral atau kreatif iaitu teknik mencabar, alternatif, pernyataan secara rawak dan provokasi. Penguasaan empat teknik yang disebutkan di atas menjadi platform penting dalam proses Pemikiran Kekreatifan dan ianya yang dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 6.2 Teknik Menjana Idea Kreatif Oleh Edward de Bono

Teknik	Pengaplikasian
Alternatif <i>(alternatives)</i>	Teknik ini merupakan satu cara memikirkan cara-cara, idea dan tindakan lain yang boleh diambil untuk melakukan perkara yang sama.
Mencabar	Teknik ini membolehkan seseorang mempersoalkan perkara-perkara atau idea-idea yang sedia ada bagi mengenal pasti sekiranya wujud pilihan lain yang lebih baik.
Penyertaan Secara Rawak <i>(Random Entry)</i>	Teknik ini digunakan untuk menghasilkan idea baru dalam masa yang singkat. Teknik ini boleh digunakan apabila mengalami kebuntuan idea ataupun didesak untuk berbuat sedemikian.
Provokasi <i>(Provocation)</i>	Teknik ini digunakan untuk menjana idea-idea yang mungkin tidak masuk akal pada awalnya.

Diubahsuai daripada, E.D. Bono (1990: 63-65)

6.1.1.4 Fasa-Fasa Pemikiran Kekreatifan

Terdapat empat fasa-fasa yang perlu dilalui sebagai satu cara mendapatkan idea yang alternatif dan meluaskan idea. Antara fasa-fasa dalam pemikiran Kekreatifan ialah penyediaan, pemeraman, penyinaran atau pencetusan dan pengesahan yang dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 6.3: Fasa-Fasa Dalam Pemikiran Kekreatifan

Fasa-Fasa	Perkembangan Fasa
1. Penyediaan	Fasa untuk menyediakan asas iaitu mengumpul segala kajian, maklumat, data dan pendapat secara spesifik.
2. Pemeraman	Fasa ini merehatkan fikiran dan membiarkan pemikiran yang separa tidak sedar (<i>subconscious mind</i>) mengawal diri seseorang. Hal ini bermakna seseorang itu cuba lari daripada masalah dan menumpukkan aktiviti mental yang berlaku pada peringkat tidak disedari.
3. Penyinaran atau Pencetusan	Pengalaman seseorang dikejutkan oleh idea yang tercetus secara tiba-tiba kerana mendapat ilham.
4. Pengesahan	Fasa ini merupakan fasa menilai idea berpandukan kriteria yang disediakan untuk mengesahkan kebolehgunaannya.

Diubahsuai daripada, Yew Kam Keong, (2002: 27).

Menurut Yusuf Al-Aqsar (2005: 31), terdapat dua tahap dalam Pemikiran Kekreatifan yang bertujuan untuk menemui apa yang tidak diketahui dan tersembunyi di dalam pemikiran dan mengadakan peta minda sebagai petunjuk pemikiran, iaitu:-

- a. Tahap Pertama- Melahirkan kemungkinan-kemungkinan dan pandangan kepada setiap perkara dengan cara yang berbeza-beza.
- b. Tahap Kedua- Berusaha menghukum fikiran-fikiran dan mengembangkannya menjadi sesuatu yang berfaedah dengan menggunakan ilmu logik, klasifikasi pemikiran, kiasan, analisis dan membandingkan di antara pemikiran lain.

Pemikiran Kekreatifan dapat dikuasai dengan mengaplikasikan beberapa teknik. Antara teknik yang dapat digunakan ialah sumbangsaran, peniruan, peta minda dan analisis inventeri masalah. Selain itu, penguasaan beberapa kemahiran seperti menjanakan kemungkinan idea, mencipta analogi dan mencipta metafora juga dapat memastikan seseorang menguasai Pemikiran Kekreatifan. Faktor pembentukan Pemikiran Kekreatifan ialah tindak balas terhadap rangsangan persekitaran dan berkeupayaan menjana sesuatu idea yang baru berdasarkan pengalaman lalu yang telah melalui satu proses pembaikan yang berterusan.

6.1.1.5 Teori-Teori Pemikiran Kekreatifan

Menurut M.A.Teresa (1983: 3-4), sehingga kini belum terdapat suatu teori yang benar-benar mantap bagi Pemikiran Kekreatifan. Antaranya teori-teori yang sedia ada yang mempunyai perkaitan dengan Pemikiran Kekreatifan dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 6.4: Teori-Teori Pemikiran Kekreatifan

Teori Pemikiran Kreatif	Penjelasan
Teori Psikoanalisis (Segment Freud)	Kreativiti bermula apabila wujud konflik dalam minda tidak sedar ' <i>id</i> ' iaitu nilai atau moral tidak dihiraukan oleh naluri untuk mencapai kepuasan . Penyelesaian yang dikehendaki akan menyebabkan bahagian pemikiran sedar ' <i>ego</i> ' menghasilkan tingkah laku kreatif. Menurut teori ini, tingkahlaku kreatif khususnya dalam bidang sastera dan seni adalah tukar ganti atau kesinambungan daripada pemikiran kanak-kanak. Menurut Freud kanak-kanak melahirkan pemikiran kreatif melalui permainan dan fantasi, manakala orang dewasa menerusi penulisan, lukisan, muzik, dan sebagainya.
Teori Neopsikoanalisis (Guilford dan Spearman)	Teori ini adalah pengubahsuaian daripada teori psikoanalisis yang menyatakan bahawa pemikiran kreatif adalah hasil daripada pemikiran prasedar. Pemikiran prasedar akan terbuka dan menerima rangsangan apabila menerima ' <i>ego</i> ' berada dalam keadaan yang tenang. Dalam hal ini, pemikiran prasedar adalah sumber kreativiti kerana ia bebas untuk menggabung, membanding dan menyusun semula idea.
Teori Behaviorisme (Rogers, Maslow, Fromm, Erickson dan lain-lain)	Teori ini menganggap semua manusia mempunyai kebolehan kreatif yang boleh diperolehi menerusi fenomenologi dalam tafsirannya terhadap tingkah laku manusia. Dalam hal ini, teori ini menitikberatkan dua pemboleh ubah utama iaitu tingkah laku dan motivasi. Unsur motivasi akan menggerakkan tingkahlaku untuk lebih kreatif. Terdapat lima bentuk motivasi iaitu, motivasi intrinsik, motivasi instrumental, motivasi eksternal, motivasi internal dan motivasi matlamat dalaman.
Teori Gestalt (Carl Jung, Paiget dan Whitehead)	Teori ini menekankan proses penyelesaian masalah secara menyeluruh dengan minda dalam keadaan yang harmoni dan tenang serta proses imaginasi dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Apabila tingkah laku lazim dan tradisional bertembung dengan tingkah laku aneh dan luar tradisi akan mewujudkan konflik dalam pemikiran. Namun demikian, pertarungan ini akhirnya menghasilkan pendamaian dan suasana yang harmoni yang dapat menjana pemikiran kreatif.
Teori Perkaitan (Mednick, Pavlov, Hull, Thorndike, Watson, Skinner dan lain-lain)	Teori ini menjelaskan bahawa pemikiran ialah perkaitan idea yang datang daripada pengalaman dan bergantung kepada undang-undang kekerapan, kebaruan dan kejelasan. Teori ini menekankan pembinaan idea baru berdasarkan idea lama, menerusi proses cuba jaya dan hubungan rangsangan dengan gerak balas. Dalam hal ini, semakin jauh unsur-unsur yang berhubung untuk membentuk susunan atau hubungan baru itu, semakin menunjukkan meningkatnya peringkat kebolehan berfikir secara kreatif.

<p>Teori Sosiobiologi (Francis Galton)</p>	<p>Teori ini mengaggaskan bahawa kreativiti merupakan elemen genetik. Teori ini banyak bergantung kepada premis budaya dan masyarakat. Ia juga berpendapat bahawa individu kreatif berfikir secara ‘gila-gila’ disebabkan mereka ‘sakit’. Dalam hal ini, teori ini seolah-olah menghubungkan individu kreatif dengan ‘kuasa ghaib’ yang memberi idea-idea kreatif yang luar biasa menerusi mimpi, ilusi, dan iluminasi.</p>
<p>Teori Stenberg</p>	<p>Teori ini meletakkan enam pemboleh ubah sebagai syarat berkreativiti. Menurut teori ini jika salah satu daripada pemboleh ubah tidak dipenuhi, maka akan terdapat kecacatan dalam paradigma kreatif seseorang. Pemboleh ubah tersebut adalah kepintaran (kepintaran sintetikal, analitikal dan praktikal), pengetahuan, gaya berfikir, personaliti, motivasi (instrinsik dan ekstrinsik) dan keadaan persekitaran.</p>
<p>Teori Kepintaran Berganda (Howard Gardner)</p>	<p>Gardner memperkenalkan tujuh kepintaran yang dimiliki oleh seseorang. Antara kepintaran yang dimaksudkannya ialah kepintaran linguistik, logik matematik, ruang, kinestetik, muzik, interpersonal dan intrapersonal. Gardner juga memperkenalkan lima bentuk pemikiran iaitu <i>disciplined mind</i>, <i>synhesizing mind</i>, <i>creating mind</i>, <i>respectual mind</i> dan <i>ethical mind</i>.</p>
<p>Teori Dua Belahan Otak (Roger Wolcott Sperry)</p>	<p>Menurut teori ini otak terbahagi kepada dua hemisfera iaitu hemisfera otak kanan (Hoka) dan hemisfera otak kiri (Hoki). Dalam hal ini, Hoka dikaitkan dengan pemikiran kreatif manakala Hoki dikaitkan dengan pemikiran kritis dan logik.</p>
<p>Teori HBDT (Ned Hermann)</p>	<p>Menurut teori ini otak dibahagikan kepada empat kuadran iaitu otak kiri atas dan bawah serta otak kanan atas dan bawah. Dalam hal ini, otak kanan atas berkecenderung kepada sesuatu yang bersifat kreatif di mana perah otak, metafora, ilustrasi, gambar, peta minda sintesis dan holistik merupakan kecenderungan bahagian ini.</p>

Diubahsuai daripada, Mohd .Azhar Abd. Hamid (2004: 179-204)

6.1.1.6 Ciri-Ciri Pemikiran Kekreatifan

Pemikiran Kekreatifan ditakrifkan sebagai mencipta dan mengembangkan idea atau hasil yang bersifat baru, membina dan mempunyai nilai estetik. Sesuatu idea dikatakan bersifat kreatif jika ianya bersifat asli, baru, berguna, praktikal, fleksibal dan dapat dipasarkan. Secara kesimpulannya, Pemikiran Kekreatifan dikatakan mempunyai ciri-ciri berikut.

- i. Berfikiran terbuka.
- ii. Menghasilkan idea baru dan konsep.
- iii. Mengutamakan cara lain untuk melihat sesuatu yang difikirkan.
- iv. Memberi tumpuan untuk mengubah idea yang sedia ada,
- v. Mencari alternatif baru bagi mengganti idea penyelesaian yang digunakan.
- vi. Memberi perhatian kepada bakal kemungkinan yang akan dihadapi,
- vii. Sedia menerima kritikan.
- viii. Sedia berhadapan dengan risiko.
- ix. Berkeinginan tinggi.
- x. Tidak dahagakan ganjaran dalam sebarang bentuk pujian atau pengiktirafan.
- xi. Didorong oleh motivasi dalaman.
- xii. Mampu mengkritik atau memuji diri sendiri.
- xiii. Berani mengambil sebarang keputusan.
- xiv. Bertanggungjawab terhadap sebarang risiko dan keputusan.
- xv. Berpendirian teguh dan mempunyai peribadi yang stabil.
- xvi. Suka meneroka dan menjelajah bagi mendapatkan idea yang baru.
- xvii. Mempunyai semangat inkuiri dan perasaan ingin tahu yang tinggi.

- xviii. Berkecenderung akan hal-hal yang kompleks dan misteri.
- xix. Meminati seni dan berjiwa halus.

(Abdullah Hassan, 1996:72)

6.1.2 Pemikiran Lateral

Pemikiran lateral yang dikaitkan dengan Pemikiran Kekreatifan dalam Teori SPB4K, membawa maksud idea yang berkembang dari satu idea utama kepada beberapa cara penyelesaian yang bersifat generatif (E.D. Bono, 1995: 37). Hubungan antara Pemikiran Kekreatifan dan pemikiran lateral dijelaskan oleh Edward de Bono (1996:8), seperti berikut:-

“Creativity takes place when we somehow make the jump from main track to the side track. This called lateral thinking. It is a matter of moving laterally across pattern”.

Menurut Edward de Bono, Pemikiran Kekreativitian berlaku apabila kita entah membuat lompatan dari trek utama ke trek sebelah. Ia adalah suatu perkara yang bergerak secara sisi merentasi corak dan dikenali sebagai pemikiran lateral.

Pengasas pemikiran lateral ialah Edward de Bono. Pemikiran lateral diasaskan pada tahun 1967 digunakan untuk memisahkan diri daripada idea yang sekian lama dipercayai betul dan baik (E.D. Bono, 1990: 48). Walaupun pemikiran lateral menggunakan teknik spesifik untuk menjana idea-idea baru, namun ia boleh mencetuskan provokasi minda yang dianggap sebagai idea gila-gila dan kurang menyenangkan (Nasruddin Yunos et all, 2012:169).

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2003: 11) yang mengungkap pandangan Edward de Bono menyatakan bahawa, “*kita tidak dapat menggali lubang-lubang baru di tempat yang lain kalau kita asyik menggali lubang supaya lebih dalam lagi*”. Pemikiran lateral dapat membawa satu jalan penyelesaian bagi menyelesaikan sebarang masalah kerana tidak lagi berpegang kepada cara pemikiran lama.

Pemikiran lateral merupakan sejenis pemikiran yang menjana idea dan persepsi baru bagi menganjak keluar dari belunggu pemikiran biasa (E.D. Bono, 1990:8). Pemikiran lateral berfokus dalam proses pembinaan idea dan konsep. Ia adalah sejenis Pemikiran Kekreatifan yang berasaskan kepada kemungkinan dan perubahan. Pemikiran lateral cuba lari daripada cengkaman idea lama dengan mencabar konsep-konsep yang diterima pakai selama ini. Ia juga sanggup menanggukkan penilaian dan tidak berminat kepada perkara-perkara yang jelas. Pemikiran lateral berbeza dari segi berfikir dengan jenis-jenis pemikiran yang lain yang hanya mengutamakan kebenaran sahaja (Munir Shuib & Azlena Zainal, 2003:74). Terdapat beberapa teknik dan pendekatan dalam pemikiran lateral. Edward de Bono memperkenalkan teknik Enam Topi Berfikir, Enam Kasut Tindakan, Alat-Alat CoRT I dan CoRT IV yang dikenali sebagai konsep PO dan Lima Prinsip Revolusi Positif bagi menjana idea baru menerusi pemikiran lateral (E.D. Bono, 1996).

6.1.2.1 Enam Topi Pemikiran

Pemikiran lateral merupakan sejenis kaedah berfikir secara selari iaitu secara paralel. Dalam pemikiran ini, setiap idea yang berlainan diletakkan secara selari untuk dilihat kelebihan setiap idea tersebut. Bagi berfikir secara paralel, Edward de Bono mencipta satu teknik berfikir yang digelar sebagai Enam Topi Berfikir. Kaedah ini

menggunakan enam topi metaforikal di mana setiap topi mempunyai warna yang berlainan yang melambangkan gaya pemikiran yang berbeza (E.D. Bono, 1996: 44-49). Keenam-enam idea diletakkan secara selari walaupun menunjukkan kelainan. Kesemua idea tersebut diterima, tidak dipertikaikan; dibandingkan; dinilai atau dibuktikan dari segi benar atau salah. Ia mengambil kira kelebihan setiap satu idea yang dihasilkan (E.D. Bono, 1990: 18).

Teknik enam topi berfikir membantu pemikir memfokuskan pemikirannya hanya pada satu perkara pada satu masa. Kaedah ini berbeza dengan pemikiran tradisional kerana ianya mempertimbangkan setiap idea yang disalurkan. Dengan menggunakan keenam-enam topi pada satu masa, seseorang dapat memaksimumkan keupayaan otak kerana dapat membantu individu melihat sesuatu situasi secara berfokus dan seluas-luasnya (E.D. Bono, 2004: 91). Kaedah Enam Topi Berfikir memberikan satu dimensi baru dalam cara kita berfikir, di mana seseorang boleh menukar cara berfikir sesuai dengan tujuan berfikir. Topi-topi ini boleh digunakan secara individu ataupun secara kumpulan dalam perbualan seharian, sesi mesyuarat, forum ataupun dalam sesi *brain storming* (Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 1997:58). Edward de Bono mencadangkan dua cara bagaimana topi ini harus diguna iaitu, kegunaan sekali-sekala dan kegunaan sistematik.

Kaedah penggunaan enam topi berfikir membawa pelbagai kebaikan kepada seseorang. Ia membantu seseorang untuk berfokus dalam cara berfikir secara kritikal serta dapat memahami faktor emosi dan intuisi supaya dapat menghasilkan idea yang lebih sistematik (Rokiah Awang et al, 2008:33). Enam topi tersebut terdiri daripada warna putih, merah, hijau, kuning, hitam dan biru yang mempunyai caranya yang tersendiri dan ciri-ciri tertentu dalam proses berfikir yang dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 6.5: Enam Topi Berfikir

Topi	Gaya Pemikiran	Jenis Tindakan
Putih	<p>Pemikiran Objektif</p> <p>Putih ialah lambang suci. Topi putih melambangkan pemikiran neutral. Pemikiran jenis ini bersifat objektif yang mementingkan fakta dalam proses mencari maklumat.</p>	<p>Berfikir secara neutral dan objektif, berdasarkan data–data yang ada.</p> <p>Soalan asas yang patut direnungkan: Apa yang kita ketahui?; tidak ketahui? dan perlu kita ketahui? Menjauhi diri daripada pendapat, pandangan, intitusi dan idea-idea baru. Apa yang ada di topi ini adalah fakta yang dipercayai dan disahkan.</p>
Merah	<p>Pemikiran Emotif dan Nilai</p> <p>Merah ialah lambang rasa ghairah dan nafsu. Topi merah melambangkan pemikiran emosional. Jenis pemikiran ini dibuat berdasarkan perasaan dan emosi sewaktu berfikir.</p>	<p>Seseorang yang berfikir secara emosional tidak perlu memberikan alasan logik atau data konkrit dan konsistensi dengan sesi sebelumnya. Topi ini mengambil kira perasaan dan gerak hati.</p>
Hijau	<p>Pemikiran Kreatif</p> <p>Warna hijau ialah lambang kreatif. Topi hijau mengembangkan pemikiran kreatif yang menjana idea-idea baru atau memperkembangkan idea-idea yang sedia ada secara logik atau sebaliknya.</p>	<p>Berfikir akan idea–idea dan konsep baru secara kreatif dan bebas tanpa batasan. Topi hijau berfokuskan untuk mencari alternatif–alternatif baru, baik dari segi pemecahan masalah ataupun cara melihat persoalan. Topi ini memberikan pendekatan baru bagi melihat suatu masalah. Ia tidak perlu mengikuti jalur normal dan umum.</p>
Kuning	<p>Pemikiran Konstruktif</p> <p>Warna kuning ialah lambang hari yang cerah. Topi kuning melambangkan pemikiran konstruktif dan positif. Pemikiran jenis ini megutamakan kebaikan, kepentingan dan keistimewaan sesuatu idea.</p>	<p>Berfikir secara positif, optimis dan berani mengambil kesempatan yang ada. Ia dibuat berdasarkan ilmu logik dan alasan. Topi kuning fokuskan kepada keuntungan yang akan diraih, situasi yang menguntungkan, dan kesempatan baik yang tercipta. Bagi topi kuning semua idea boleh diperbaiki.</p>
Hitam	<p>Pemikiran Kritikal dan Negatif</p> <p>Hitam ialah lambang malam yang gelap. Topi hitam menjadi lambang kepada pemikiran negatif. Pemikiran ini menekankan keburukkan, kesilapan, kelemahan dan kecacatan. Bagi topi ini, segalanya tiada harapan.</p>	<p>Berfikir secara kritis, waspada dan berhati-hati, tentang kemungkinan yang membawa kepada kegagalan. Topi hitam pertanyakan segalanya dari sisi yang berlawanan. Apabila memakai topi ini seseorang dikehendaki mencari kesalahan, kesuakaran, risiko dan bahaya yang bakal dihadapi. Topi ini berguna untuk menghasilkan pelan kecemasan, darurat dan memperbaiki sistem keselamatan.</p>
Biru	<p>Pemikiran Kawalan</p> <p>Biru melambangkan langit dan berkedudukan di atas sekali. Topi biru berperanan mengawasi dan mengawal topi-topi lain yang bekerja.</p>	<p>Fokus untuk mencipta struktur dan jadual, mendefinisikan masalah, mengatur proses, memberi arahan dan mengorganisasi penggunaan topi warna lain. Kuncinya adalah disiplin dan fokus. Pengerusi mesyuarat atau ketua perbincangan, merupakan orang yang paling layak memakai topi ini.</p>

Diubahsuai daripada, E.D Bono, (1990) dan (2004: 89-105).

6.1.2.2 Enam Kasut Tindakan

Kaedah pemikiran Enam Kasut Tindakan yang dicipta oleh Edward de Bono, merupakan satu pendekatan lanjutan daripada pendekatan Enam Topi Berfikir. Enam Kasut Tindakan ialah lambang enam stail mengambil tindakan (E.D. Bono, 1996: 1). Seseorang boleh menggunakan satu kasut atau lebih daripada satu kasut di dalam sesuatu keadaan. Setiap kasut mempunyai warna yang berlainan yang melambangkan gaya pemikiran yang berbeza yang membawa kepada jenis tindakan yang berbeza-beza. Antara enam warna kasut tindakan tersebut ialah biru, kelabu, perang, kuning, merah jambu dan ungu yang dapat diperjelaskan seperti berikut:-


Jadual 6.6: Enam Kasut Tindakan

Warna Kasut	Gaya Pemikiran	Jenis Tindakan
Kasut Biru	Secara formal, biasa, mudah, ringkas seperti kerja-kerja rutin.	Kasut ini ialah lambang membuat kerja-kerja rutin. Oleh itu, tidak perlu banyak berfikir tetapi hanya perlu mematuhi rutin yang sudah dicipta terdahulu supaya dapat mengelakkan bahaya.
Kasut Kelabu	Secara kajian, penyelidikan, cari bukti, maklumat dan idea baru.	Kasut ini lambang kekaburan. Keadaan yang masih kurang jelas dan penuh dengan kekaburan, menghalang seseorang mengambil sesuatu tindakan pada satu masa. Oleh itu, kasut ini digunakan untuk mencari maklumat-maklumat yang dapat menjelaskan perkara-perkara yang dihadapi sebelum dapat memilih jenis tindakan yang sepatutnya diambil.
Kasut Perang	Secara nyata, praktikal, biasa, lasak, tak formal, fleksibel dan berkesan.	Kasut ini lambang tindakan pragmatik, iaitu gabungan antara nilai-nilai, prinsip dan yang baik. Seseorang yang menggunakan kasut ini, bertindak secara praktikal, mudah dan berkesan.
Kasut Kuning	Secara bahaya, amaran, ancaman, kecemasan, tindakan segera, keberanian, risiko dan krisis.	Kasut kuning ialah lambang tindakan keadaan cemas, bahaya dan amaran. Apabila menggunakan kasut ini, perlu memastikan punca kecemasan dan seterusnya ramalkan akan bahaya yang boleh menimpa. Selain itu, perlu memikirkan perkara-perkara yang boleh memburukkan lagi keadaan supaya dapat mengatur strategi dan tindakan-tindakan alternatif yang boleh diambil dengan tidak panik.
Kasut Merah Jambu	Secara penuh mesra, kasih sayang, lemah lembut, penyayang, keikhlasan, prihatin dan berperikemanusiaan.	Kasut merah jambu ialah lambang kelembutan, kasih sayang dan belas kasihan yang boleh diguna pakai dalam keadaan yang melibatkan perasaan kemanusiaan. Dalam hal ini, kasut ini lebih mementingkan unsur kemanusiaan daripada emosi dan dipakai sebaik sahaja ada manusia terlibat.
Kasut Ungu	Berkuasa, kepimpinan, dan bertanggungjawab	Ungu ialah lambang kuasa rasmi. Kasut ini digunakan untuk membuat sesuatu tindakan berdasarkan tanggungjawab rasmi dan kuasa.

Diubahsuai daripada, E.D. Bono (1996: 1-2).

6.1.2.3 Perkaitan Antara Enam Topi Berfikir Dengan Enam Kasut Tindakan

Walaupun kedua-dua pendekatan iaitu Enam Topi Pemikiran dan Enam Kasut Tindakan digunakan pada masa yang berbeza-beza, namun kedua-dua konsep dapat menunjukkan satu perkaitan yang unik. Perkaitan antara konsep Konsep Enam Topi Pemikiran dan Enam Kasut Tindakan dapat dijelaskan menerusi rajah seperti berikut:-



Rajah 6.4: Perkaitan Antara Enam Topi Pemikiran dan Enam Kasut Tindakan.

Diubahsuai daripada, Mohd Yusof Hasan (2002:150)

6.1.2.4 Alat-Alat CoRT

Edward de Bono memperkenalkan beberapa alat untuk membantu pengaplikasian Pemikiran Lateral. Edward de Bono mengumpamakan seorang pemikir dengan seorang tukang kayu, di mana seorang tukang menggunakan sejumlah alatan dalam proses menghasilkan perabot manakala seorang pemikir memerlukan kerangka untuk menghala tuju fikiran (Ainon Mohd Abdullah Hassan, 1997:28). Dalam penyelesaian masalah (*Problem Solving*) dan pengambilan keputusan (*Decision Making*) terdapat program pemikiran CoRT iaitu '*Cognitive Research Trust*' yang mengandungi beberapa formula-formula. Program ini mempunyai enam bahagian iaitu:-

- | | | |
|------|----------|--------------------------------------|
| i. | CoRT I | Keluasan Persepsi |
| ii. | CoRT II | Organisasi Proses Berfikir |
| iii. | CoRT III | Interaksi, argumen, pemikiran kritis |
| iv. | CoRT IV | Pemikiran Kreatif |
| v. | CoRT V | Maklumat dan perasaan |
| vi. | CoRT VI | Tindakan |

(E.D. Bono, 1991: 184)

Dalam bidang pendidikan, CoRT I dan CoRT IV dapat digunakan untuk melatih kemahiran berfikir secara kreatif. CoRT I merupakan asas bagi program CoRT dan bertujuan memperluaskan pandangan seseorang supaya lebih bersifat kreatif (E.D.Bono, 1996: 49-52). Alat CoRT I yang terdiri daripada komponen PMI, CAF, AGO, APC, C&S, FIP dan OPV yang dicadangkan oleh Edward de Bono dapat diperjelaskan seperti berikut:-


Jadual 6.7: Alat-alat CoRT I dan Jenis Tindakan

Alat-Alat CoRT	Penjelasan	Jenis Tindakan
<p>1. PMI <i>(Plus Minus Interesting)</i></p>	<p>Merupakan satu cara melihat idea dari segi tiga perspektif iaitu;</p> <p>P : Senaraikan semua yang baik M: Senaraikan semua yang buruk I : Senaraikan semua yang tidak baik dan tidak buruk tetapi difikirkan menarik</p>	<p>PMI digunakan untuk meluaskan sudut pandangan. PMI membantu mengarahkan minda kesemua arah yang penting dan bertindak sebagai alat membuat penilaian.</p>
<p>2. CAF <i>(Consider All Factors)</i></p>	<p>Merupakan satu cara memikir yang mengambil kira faktor –faktor lain yang tidak dipedulikan pada masa awal. Cara ini melihat dan meneliti pemikiran orang lain supaya dapat melihat faktor-faktor yang tertinggal.</p>	<p>CAF digunakan untuk meluaskan pandangan dan membantu mengarahkan minda kesemua arah yang penting. CAF mengelakkan daripada terlupa memikirkan semua perkara yang penting.</p>
<p>3. C&S <i>(Consequences & Sequel)</i></p>	<p>Merupakan satu cara yang memikirkan kesan dan akibat yang mungkin berlaku ekoran daripada sesuatu keputusan atau tindakan. Cara ini mempertimbangkan kesan dan akibat secara menyeluruh dan spesifik.</p>	<p>C&S digunakan untuk membuat ramalan sebelum mengambil sebarang keputusan atau tindakan. C&S boleh digunakan bersama-sama dengan CAF dan OPV dan merupakan sebuah alat yang membantu kita melihat jauh ke depan sebelum penilain dibuat</p>
<p>4. AGO <i>(Aims, Goals, Objectives)</i></p>	<p>Alat ini bertujuan untuk mengalakan perhatian kepada tujuan seseorang melakukan sesuatu. Segala tindak tanduk dan perlakuan seharusnya ditujukan ke arah mencapai matlamat dengan berasaskan objektif yang jelas.</p>	<p>AGO digunakan untuk meluaskan pandangan. Ianya dapat menolong dalam usaha membuat fokus yang betul semasa berfikir, sentiasa ingat tujuan asal kita berfikir dan membantu kita tidak lari daripada matlamat yang hendak dicapai</p>

<p>5. FIP (<i>First Important Priorities</i>)</p>	<p>Alat ini memberi penumpuan kepada perkara-perkara penting yang patut diutamakan. Oleh itu, proses untuk memilih idea, faktor-faktor objektif dan akibat yang mustahak terhadap sesuatu benda diberi keutamaan oleh alat ini.</p>	<p>FIP membantu berfikir secara berfokus dan hanya mengambil kira perkara-perkara yang penting sahaja dengan mengingatkan apakah yang diberi keutamaan. FIP dapat mengelakkan daripada memikirkan perkara-perkara yang tidak penting dan tidak patut diutamakan. FIP mempunyai kaitan dengan AGO, FIP membantu mencapai AGO.</p>
<p>6. OPV (<i>Other Point of View</i>)</p>	<p>Alat OPV merupakan sebuah cara yang melihat dan mengetahui fikiran dan pandangan orang lain terhadap sesuatu situasi yang wujud. Setiap individu berkemungkinan menggunakan alat CoRt yang berbeza-beza dapat memberi pilihan kepada sesuatu tindakan.</p>	<p>OPV digunakan untuk meluaskan sudut pandangan. Ia mengambil kira kesan pemikiran kita terhadap orang lain. Oleh itu, perlu dikenalpasti orang-orang yang terlibat dalam idea kita dan memikirkan apakah yang mereka fikirkan berkenaan idea kita. OPV membantu kita memahami sudut pandangan orang lain dengan merasa apa yang dirasakan oleh mereka.</p>
<p>7. APC (<i>Alternatives, Possibilities, Choices</i>)</p>	<p>Alat APC merupakan sebuah proses yang sengaja mencari pilihan supaya dapat mengubah keadaan sedia ada. Alat ini membuka ruang kepada terbitan idea baru yang mungkin lebih mudah dilaksanakan sekiranya ada usaha untuk mencarinya.</p>	<p>APC digunakan untuk berfikir secara selari dan memikirkan beberapa perkara secara serentak. APC menghendaki lihat perkara yang sama daripada pelbagai sudut pandangan dan fikirkan beberapa tindakan yang dapat dibuat. APC disarankan mencari cara-cara lain untuk menjelaskan mengapa sesuatu perkara terjadi dan mencipta rekabentuk lain untuk mencapai objektif yang sama.</p>

Diubahsuai daripada, (E.D. Bono, 1987:19-36 dan 68-70).

Ketujuh-tujuh alat CoRT I yang diperjelaskan dalam jadual di atas dapat dikemukakan dalam bentuk rajah seperti berikut:-



Rajah 6.5 Alat-Alat CoRT I

Diubahsuai daripada, Mohd. Azhar Abd. Hamid (2005: 109)

Alat-alat CoRT I berfungsi memandu dan mengawal emosi serta tindakan dalam sebarang perkara yang melibatkan tindakan, rancangan, peraturan dan keputusan yang sudah, sedang dan akan diambil.

6.1.2.5 Konsep PO

CoRT IV memperkenalkan satu konsep yang baru yang dikenali sebagai 'PO' yang melatih seseorang mencambahkan idea-idea baru dengan satu perkataan. Edward de Bono (1990: 132-153) dalam usaha menjelaskan Pemikiran Lateral menghasilkan satu teknik baru iaitu provokasi minda yang dikenali sebagai konsep PO. Konsep PO adalah ringkasan

perkataan *'Provocative Operation'* yang dikembangkan daripada istilah *'Hypothesis'* (hipotesis), *Suppose* (andaian), *Possible* (kemungkinan) dan *Poetry* (puisi) (E.D. Bono, 1987: 58-59).

Ayat-ayat PO tidak masuk akal dan tidak perlu betul kerana ayat itu semata-mata ayat provokasi. Provokasi tersebut hanya merupakan batu loncatan dan bukan idea. Fungsi PO ialah sebagai batu loncatan yang membolehkan minda dapat melompat keluar daripada pola-pola rutin sehingga boleh menjana idea baru sama sekali (E.D. Bono, 1973: 13). Konsep PO boleh digunakan di awal atau di hujung idea gila-gila. Ia bertujuan memberitahu sesiapa yang mendengar idea tersebut jangan mencemuh, mengutuk, mentertawakan atau membantah idea tersebut. Sebaliknya idea tersebut difikirkan sehingga dapat menerbitkan idea-idea lain daripadanya (E.D. Bono, 1990:132).


Konsep PO bermakna *'apa yang mengikuti selepas ini adalah provokasi semata-mata'*. Ayat provokasi mengandungi idea-idea provokatif yang terdiri daripada lima sumber provaksi (E.D. Bono, 1973: 130-135) iaitu:-

- i. Provokasi tak sengaja
- ii. Penyongsangan
- iii. Lari
- iv. Angan-angan kosong
- v. Gila-gila

Dalam kehidupan seharian, seseorang takut untuk mengemukakan ayat-ayat provokasi kerana takut digelar gila atau bodoh. Namun demikian, dalam pemikiran lateral, provokasi merupakan suatu keperluan asas (Ainon Mohd Abdullah Hassan, 1997:22)

6.1.2.6 Lima Prinsip Revolusi Positif

Satu lagi pendekatan yang digunakan untuk menjelaskan pemikiran lateral ialah pendekatan yang dikenali sebagai Lima Prinsip Revolusi Positif. Pendekatan Lima Prinsip Revolusi mengikut lima jari di tapak tangan yang menekankan pemikiran positif ke arah cara hidup yang lebih sejahtera, selamat dan bahagia (E.D. Bono, 1992: 9). Edward de Bono turut menyarankan penglibatan wanita, warga tua, pemuda dan pemudi, media, perniagaan, seni, kesatuan pekerja, parti-parti politik dan kumpulan revolusi yang lain bagi melancarkan rovolusi positif tersebut. Konsep Lima Prinsip Revolusi Positif dapat digambarkan dalam rajah seperti berikut:-




Rajah 6.6 Lima Prinsip Revolusi Positif

Diubahsuai daripada, E.D. Bono (1992: 12)

6.1.3 Perkaitan Antara Pemikiran Kekreatifan, Pemikiran Lateral Dan Pemikiran Paralel

Menurut Edwar de Beno, Pemikiran Kekreatifan termasuk dalam pemikiran paralel dan pemikiran lateral termasuk dalam Pemikiran Kekreatifan. Pemikiran paralel bermaksud berfikir secara selari di mana individu meletakkan idea mereka secara selari bersama-sama dengan idea individu lain (E.D. Bono, 1995:36). Pemikiran paralel bukan setakat Pemikiran Kekreatifan sahaja kerana idea-idea yang difikirkan secara paralel tidak semestinya idea-idea kreatif. Kemungkinan idea yang dihasilkan itu adalah cadangan yang logikal, hipotesis atau sebarang maklumat sahaja (Nasruddin Yunos et all, 2012: 196-197). Perkaitan antara pemikiran paralel, dengan Pemikiran Kekreatifan dan pemikiran lateral dapat digambarkan seperti berikut:-



Rajah 6.7 Perkaitan Antara Pemikiran Kekreatifan, Pemikiran Lateral dan Pemikiran Paralel

Sumbet: Rajah disediakan berdasarkan maklumat Teori SPB4K

6.1.4 Kesimpulan

Pemikiran Kekreatifan boleh dikatakan bermula sejak manusia pertama wujud dan terus bergerak dan menjana pemikiran manusia dalam pelbagai bidang kehidupan. Menurut Edward de Bono (1990: 12-13),

“Lateral thinking is not magic new system. There have always been instances where people have used lateral thinking to produce some result. There have always been people who tended naturally towards lateral thinking”.

Menurut Edward de Bono, pemikiran lateral bukan merupakan satu sistem yang bersifat magis. Beliau berpandangan sedemikian kerana sentiasa ada manusia yang cenderung secara semulajadi ke arah pemikiran lateral yang menghasilkan hasil baru. Oleh yang demikian, manusia sejak zaman pra sejarah lagi, mengaplikasikan Pemikiran Kekreatifan dalam kegiatan harian mereka. Menurut Yusuf Al-Aqsar (2005: 1-2), Pemikiran Kekreatifan penting untuk kemajuan dan perkembangan manusia, sehingga boleh mencipta kebudayaan yang kita ada sekarang. Edward de Bono (1990: 9) dalam bukunya *Lateral Thinking* menjelaskan hubungan budaya dengan pemikiran seperti berikut:-

“Culture is concerned with establishing ideas. Education is concerned with communicating those established ideas. Both are concerned with improving ideas by bringing them up to date. Its more than the method of science; it’s the method of human knowledge to generate new ideas.”

Menurut Edward de Bono, budaya adalah berkenaan dengan mewujudkan idea dan pendidikan adalah berkenaan dengan berkomunikasi dengan idea yang telah dikitiraf. Dalam hal ini, Pemikiran Kekreatifan dapat menyediakan satu medan dalam pembentukan idea-idea baru yang boleh mencorakkan pemikiran sesebuah masyarakat.


6.2 Pemikiran Kekreatifan Berdasarkan Teori SPB4K

Cabang keempat dalam Teori SPB4K ialah Pemikiran Kekreatifan yang merupakan lanjutan daripada pemikiran lateral yang dibincangkan dalam Teori SPB4L. Menurut Mohd Yusof Hasan (2007: 125), Teori SPB4K menggunakan pemikiran lateral yang diasas dan disusun oleh Edward de Bono sebagai asas kepada Pemikiran Kekreatifan. Oleh yang demikian, perbincangan terhadap konsep Pemikiran Kekreatifan dalam Teori SPB4K lebih membincangkan mengenai pemikiran lateral yang digariskan oleh Edward de Bono.

Pemikiran lateral merupakan sebuah proses berfikir yang keluar dan menerokai sudut-sudut baru, iaitu berfikir dengan lebih kuat dan bertungkus-lumus. Menurut Edward de Bono (1970: 26), pemikiran lateral digunakan untuk lari daripada idea-idea lama yang digunakan sebagai idea yang baik supaya dapat melepaskan diri daripada cengkaman persepsi yang lapuk. Pemikiran lateral, mahu pun kreatif dapat menghasilkan idea yang tidak tersekat dan lebih bersifat fleksibel (B.Mahaletcimi, 2010:160). Pemikiran Kekreatifan digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah manusia dan untuk mengambil keputusan dalam kehidupan seharian (Mohd Yusof Hasan, 2007:13).

Pemikiran Kekreatifan dikaitkan dengan otak kanan yang menerbitkan idea-idea kreatif. Pemikiran Kekreatifan tercetus daripada otak kanan yang digelar sebagai Hoka, bersifat kearah fiksyen, subjektif dan rekaan (Mohd Yusof Hasan, 2012:151). Hoka bersifat menjana idea tentang bentuk, corak, pola, ruang, lukisan, rentak, muzik, imej, visual, gambar, imaginasi, kreativiti, dan global. Hoka dikhususkan untuk tugas-tugas sintesis, iaitu menggabungkan bahagian-bahagian tertentu untuk membentuk sesuatu yang baru

(J.A. Philips, 1999:30). Hubungan antara Pemikiran Kekreatifan dengan Hoka dapat digambarkan dalam rajah seperti berikut:-



Rajah 6.8: Hubungan Antara Hoka Dengan Pemikiran Kekreatifan


Sumber: Rajah disediakan berdasarkan maklumat Teori SPB4K

Pemikiran Kekreatifan yang terdiri dalam jurusan sastera berkaitan dengan bidang kesenian. Ianya mengaplikasikan gabungan pemikiran imaginatif dan inovatif, (Ghazali Bin Din, 2010:24). Antara bidang-bidang kesenian yang terkandung dalam Pemikiran Kekreatifan ialah seni lukis, seni lakon, seni drama, seni tarian, seni musik, seni grafik, seni arca dan sebagainya.

Menurut Mohd Yusof Hasan (2008: 22-23), pemikiran lateral boleh digunakan untuk menyelesaikan beberapa masalah hidup manusia secara perbadi atau dalam kumpulan dalam pelbagai lapangan hidup seperti politik, ekonomi dan sosial. Namun demikian, kaedah-kaedah Pemikiran Kekreatifan ini hanya dapat digunakan untuk ilmu Agli iaitu *acquired knowledge* dalam kalangan manusia untuk penyelesaian masalah sahaja dan tidak boleh digunakan untuk ilmu Naqli iaitu *reveled knowledge* .

6.2.1 Kerangka Model Pembinaan Pemikiran Kekreatifan Dalam Teori SPB4K

Teori SPB4K, membincangkan pemikiran lateral dengan membincangkan teknik dan pendekatan yang digunakan oleh Edward de Bono dalam penghasilan Pemikiran Lateral. Antaranya pendekatan-pendekatan seperti Enam Topi Berfikir, Enam Kasut Tindakan, Lima prinsip Revolusi Positif dan alat-alat CoRT I dan CoRT IV yang dikenali sebagai teknik konsep PO, diperjelaskan oleh pengakaji di bahagian awal bab ini. Kerangka model yang menjana pembinaan Pemikiran Kekreatifan Teori SPB4K dapat digambarkan dalam rajah seperti berikut:-



Rajah 6.9: Kerangka Model Pembinaan Pemikiran Kekreatifan Dalam Teori SPB4K

Diubahsuai daripada, Mohd Yusof Hasan (2007:126)

6.2.2 Ciri-Ciri Pemikiran Lateral/ Kekreatifan

Teori SPB4K, merumuskan bahawa pemikiran lateral ataupun Pemikiran Kekreatifan mempunyai ciri-ciri tertentu seperti berikut:-


- i. Bersifat generatif kerana dapat menerbitkan banyak dan kepelbagaian idea supaya mencari pilihan untuk mencapai sesuatu matlamat.
- ii. Tidak mengira sama ada idea itu betul atau salah. Oleh itu, Pemikiran Lateral tidak menolak apa-apa idea.
- iii. Tidak berminat pada jawapan betul atau salah, ya atau tidak, dan Logik atau Tak Logik. Ia berminat mencari kemungkinan; bukan untuk membuat penilaian.
- iv. Tidak suka mempertahankan sesuatu idea, walaupun idea tersebut betul atau salah, kerana berangapan idea tersebut masih boleh diperbaiki.

6.2.3 Pengaplikasian Pemikiran Kekreatifan Dalam Kesusasteraan

Dalam bidang penyelidikan kesusasteraan, Teori SPB4K menggunakan dua kaedah sebagai bahan penganalisisan, iaitu kaedah instrinsik dan kaedah ekstrinsik (Ani Omar, 2011:260). Bagi mendedahkan Pemikiran Kekreatifan dalam teks sastera, kaedah instrinsik digunakan untuk mengkaji teknik dan kestailan, manakala kaedah ekstrinsik digunakan untuk mengkaji nilai estetika dan keindahan.

6.3 Pemikiran Kekreatifan Dalam Kesusasteraan Tamil Klasik

KTK memuatkan pelbagai pemikiran MTA yang merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial. Salah satu cabang pemikiran yang mendasari budaya MTA, khasnya dalam bidang sosial ialah Pemikiran Kekreatifan. Berdasarkan perbincangan dalam Teori SPB4K, pengkaji dalam usaha menganalisis Pemikiran Kekreatifan dalam KTK, menjalankan kajian semasa berdasarkan skop bidang-bidang seperti berikut:-



Rajah 6.10: Bidang Kajian Pemikiran Kekreatifan Dalam Kalangan MTA

Sumber: Rajah disediakan berdasarkan maklumat Teori SPB4K dan KTK

6.3.1 Seni Muzik MTA

KTK mendedahkan beberapa maklumat tentang bidang seni muzik seperti jenis-jenis alat muzik, hubungan alat muzik dengan sumber alam, penggunaan alat muzik, keunikan alat muzik, kewujudan pemuzik dan kewujudan penyair yang dapat diperjelaskan satu persatu seperti berikut:-

6.3.1.1 Jenis Alat-Alat Muzik MTA

Komponen penting dalam bidang seni muzik dalam kalangan MTA ialah kewujudan pelbagai jenis alat muzik yang terdiri daripada alat muzik yang dipalu seperti gendang (*paṛai*), yang dituip seperti seruling (*kuḷal*) dan yang digesel seperti biola (*yāl*). Kewujudan alat muzik tersebut dapat dikategorikan mengikut bahan pembuatannya iaitu ada yang diperbuat daripada kulit, kayu dan jalinan tali.

KTK mendedahkan akan kewujudan tiga belas jenis alat muzik yang diperbuat daripada kulit yang dihuraikan dalam kesemua lapan teks KTK khasnya dalam teks *Puṛanāṇūru* dan *Akanāṇūru*. Alat muzik *muracu* dan *muḷavam* didapati mendominasi dari segi maklumat berbanding alat muzik yang lain. Butiran-butiran mengenai kewujudan alat muzik yang diperbuat daripada kulit dapat dimaktubkan seperti berikut:-

Jadual 6.8: Alat Muzik Yang Diperbuat Daripada Kulit MTA

Alat muzik	Baris
<i>Ākuḷi</i>	<i>Malai</i> - 3, 140 <i>Puram</i> - 64: 1, 152: 14-16 , 371: 19, 114: 16
<i>Kiṇai</i>	<i>Ciru</i> - 186 <i>Nar</i> - 108: 4 <i>Akam</i> - 226: 15, 249: 3, 301: 10, 375: 4 <i>Patirru</i> - 90 <i>Pari</i> - 8: 81 <i>Puram</i> - 70: 3, 76: 8, 78: 12, 79:3, 111:4, 373: 31, 374: 6, 375: 5-12, 377: 4-14, 378: 8, 379: 7-11, 381: 20, 382: 19, 383: 3, 384: 10, 387: 4, 388: 3, 388: 11, 392: 5, 393: 20, 394: 7, 395: 21, 396: 14, 397: 10, 399: 14-25, 400: 8, 263: 1-2 <i>Kali</i> - 51: 13, 59: 13
<i>Ellari</i>	<i>Malai</i> - 10 <i>Puram</i> - 152: 16, 114: 165
<i>Ciru paṅai</i>	<i>Malai</i> - 321 <i>Maturai</i> - 605-606
<i>Taṭṭai</i>	<i>Kurun</i> - 193, 223 <i>Puram</i> - 49: 43 <i>Nar</i> - 206: 5 <i>Maturai</i> - 305
<i>Taṭāri</i>	<i>Poru</i> - 70 <i>Puram</i> - 294: 4, 368: 15, 369: 21, 371: 18, 372: 1, 376: 4, 381: 12, 385: 4, 390: 8, 395: 25, 398: 12
<i>Taṅṅumai</i>	<i>Malai</i> - 471 <i>Akam</i> - 40: 14, 63: 18, 87: 8, 106: 12-13, 174: 4, 215:3, 204: 10, 297: 6 <i>Kurinchi</i> - 215: 3 <i>Kali</i> - 102: 34 <i>Kurun</i> - 390: 5 <i>Nar</i> - 130: 2, 298: 3, 310: 10, 347: 6, 350: 1 <i>Patirru</i> - 51, 84: 15 <i>Puram</i> - 39: 7, 270: 8, 293: 2, 348: 1 <i>Ain</i> - 215:3
<i>Tuṭi</i>	<i>Pattina</i> - 265 <i>Perum</i> - 124 <i>Poru</i> - 125, 210 <i>Maturai</i> - 320 <i>Malai</i> - 458 <i>Akam</i> - 19: 4, 35: 3, 62: 7, 79: 3, 89: 14, 159: 9, 196: 3, 261: 15, 372: 12 <i>Kali</i> - 11: 8 <i>Nar</i> - 77: 2 <i>Pari</i> - 7: 28, 21: 69 <i>Puram</i> - 170: 6, 260: 14, 269: 6, 285: 2, 287: 1, 291: 1, 369: 26, 370: 6, 385: 7
<i>Toṅṅaka ciru paṅai</i>	<i>Tiru</i> - 197 <i>Nar</i> - 104: 5 <i>Kurun</i> - 378: 4
<i>Patalai</i>	<i>Kurun</i> - 59: 1

	<p><i>Patirru</i>- 41: 3 <i>Malai</i>- 11 <i>Puram</i>- 64, 152: 17, 103: 1</p>
<i>Parai</i>	<p><i>Poru</i>- 171 <i>Maturai</i>- 262, 523 <i>Malai</i>- 236, 321, 344 <i>Akam</i>- 23: 2, 76: 5, 151: 10, 178: , 194: 8, 22: 3, 281; 13, 231: 3, 364: 3, 388: 2-5, 32: 5-6 <i>Ain</i>- 81 <i>Kali</i>- 56, 92; 21, 104: 29, 143: 15, 149: 1 <i>Kurun</i>- 7: 4, 15: 1 <i>Nar</i>- 46: 7, 83: 4 <i>Patirru</i>- 21: 10, 70: 24 <i>Pari</i>- 6: 24, 10: 7, 22: 14 <i>Puram</i>- 68: 14, 126: 8, 225: 10, 229: 14, 262: 2, 279: 7, 371: 5, 371: 20, 395: 7, 396: 4-6, 398: 30</p>
<i>Muracu</i>	<p><i>Kurinchi</i>- 49, 51 <i>Tiru</i>- 121 <i>Nedu</i>- 115 <i>Pattina</i>- 157 <i>Perum</i>- 33 <i>Poru</i>- 54 <i>Maturai</i>- 88, 232, 234, 263, 349, 362, 622, 732 <i>Mullai</i>- 79 <i>Akam</i>- 24: 15, 36: 21, 44: 4, 84: 2, 116: 17, 124: 14, 127: 3, 137: 5, 175: 2, 188: 13, 227: 14, 246: 11, 251: 9, 278: 2, 312: 10, 334: 2, 335: 10, 347: 5, 354: 2 <i>Ain</i>- 426, 443, 448, 450, 455 <i>Kali</i>- 99: 14, 100: 6, 104, 109: 2, 105, 132 <i>Kurun</i>- 270, 328, 365, 380 <i>Nar</i>- 39: 8, 58: 6, 93: 11, 197: 10, 395: 6 <i>Patirru</i>- 2: 1: 14, 2; 12: 17, 2; 15-20, , 2: 17: 15, 2: 19: 7, 2: 31: 4, 2: 31: 18, 2: 25: 10, 2: 30: 3, 2: 30, 2: 31: 3, 2: 31, 2: 33: 10, 2: 34: 10, 2: 39: 5, 2: 40: 3, 2: 41: 19, 2: 44, 2: 50: 10, 2: 2: 54: 13, 2: 64: 1, 2; 66: 4, 8: 6, 8: 76: 3, 9: 17, 9: 84: 2, 9: 88: 15 <i>Pari</i>- 4: 19, 7: 6, 7: 16, 8: 13, 19: 45, 21: 38, 22: 4, 22: 15 <i>Puram</i>- 17: 39, 25: 7, 26: 7, 29: 8, 35: 4, 36: 12, 50: 12, 60: 10, 62: 9, 63: 7, 72: 8, 73; 3, 93: 1, 99: 9, 109: 2, 112: 4, 119; 6, 126: 19, 127: 10, 137: 1, 143: 9, 158: 1, 174: 6, 179: 9, 197: 5, 211: 5, 229: 18, 238: 18, 241: 4, 270: 2, 288: 4, 310: 5, 304: 9, 350: 4, 315: 5, 362: 3, 366: 1, 369: 5, 371: 13, 372: 27, 387: 19, 388: 14, 394: 8, 397: 5</p>
<i>Muḷavam</i>	<p><i>Pattina</i>- 157, 22: 153, 293 <i>Perum</i>- 47 <i>Poru</i>- 109 <i>Maturai</i>- 99, 114, 327, 396, 585, 605 <i>Malai</i>- 3, 143, 350, 370, 382, 511, 532 <i>Akam</i>- 35: 14, 61: 15, 66: 22, 76: 1, 82: 3, 91: 13, 136: 7, 145: 16, 155: 14, 172: 11, 186: 11, 222: 4, 318: 6, 328: 2, 336: 16, 346: 14, 352: 6, 386: 6, 397: 3, 155: 13-15 <i>Kali</i>- 44: 4, 70: 10 <i>Nar</i>- 67: 11, 100: 10, 139: 5, 176: 9, 220; 6, 315: 8, 320; 1, 360: 1, 378; 2 <i>Patirru</i>- 29: 12, 30; 20, 31: 20, 41: 3, 43: 30, 52: 14, 61: 9, 81: 19 <i>Pari</i>- 5: 15, 7: 16, 7: 76, 8: 99, 12: 49, 17: 10, 20: 73, 21: 36, 22: 36 <i>Puram</i>- 15: 23, 50: 12, 65: 1, 68: 17, 85: 7, 88: 6, 103: 2, 128: 2, 164: 12, 194: 2, 236: 1, 248: 8, 368: 17, 375: 4, 152: 14</p>

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Selain alat-alat muzik yang diperbuat daripada kulit, terdapat juga maklumat mengenai beberapa lagi alat muzik yang digunakan oleh MTA yang dapat dipaparkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.9 Alat-Alat Muzik MTA

Aspek	Baris
<i>Yāl</i>	<i>Puram</i> - 150: 14, 152: 16 <i>Perum</i> - 5-15, 23-24, 177-179, 180-182, 462 <i>Ciru</i> - 34-35 <i>Ain</i> - 215: 1-3, 407:1-2, 478:5 <i>Pari</i> - 8: 22, 77-80 <i>Nar</i> - 30, 380, 244: 3-4, 139: 4-10 <i>Maturai</i> - 605-606 <i>Poru</i> - 109 <i>Kali</i> - 10-11 <i>Nar</i> - 30: 2 <i>Akam</i> - 186:10, 212;6
<i>Kūḷal</i>	<i>Akam</i> - 10: 13, 219: 14-16, 225: 5-8, 245: 16 <i>Ain</i> - 425: 1-2, 215: 1-3 <i>Pari</i> - 8: 22-23, 22: 40-41, 77: 80 <i>Kali</i> - 33: 22-25, 119: 8 <i>Nar</i> - 69:7-9, 364:9-11, 371:7-8 <i>Kurun</i> - 151: 3
<i>Matāri</i>	<i>Pari</i> - 12:41
<i>Vayir</i>	<i>Tiru</i> - 120 <i>Maturai</i> - 185 <i>Nedu</i> - 99
<i>Kōṭu</i>	<i>Akam</i> - 94: 10-11 <i>Malai</i> - 5-6
<i>Tūmpu</i>	<i>Akam</i> - 109: 9 <i>Malai</i> - 6 <i>Puram</i> - 152: 15, 114: 15
<i>Caṅku</i>	<i>Mullai</i> - 92 <i>Kurun</i> - 15:1 <i>Maturai</i> - 194 <i>Akam</i> - 201:5
<i>Ūtukompu</i>	<i>Malai</i> - 5: 7 <i>Akam</i> - 91: 10-11 <i>Puram</i> - 152: 15
<i>Mattaḷam</i>	<i>Perum</i> - 144
<i>Uṭukkai</i>	<i>Poru</i> - 70-71

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Walaupun terdapat pelbagai jenis alat muzik, alat muzik *yāl* (biola) dianggap sebagai bapa kepada segala alat muzik (*Poru*- 55-63), dihuraikan dalam laman teks KTK,

menjadikan antara alat muzik yang dominan dalam budaya MTA. Terdapat beberapa maklumat tambahan tentang diskripsi alat muzik *yāl*, iaitu:-

- a. Terdapat dua jenis *yāl* yang digelar mengikut saiznya iaitu *ciriya yāl* (*Poru*- 109, *Puram*- 308: 1-2, *Nar*- 30: 2, 380: 7, *Ain*- 427:1, *Akam*- 279:11, 321:10 dan *Ciru*- 34-35, 221-229) dan *periya yāl* (*Perum*- 462). Ada *yāl* yang terdiri daripada 21 jaring.
- b. Ada maklumat tentang cara para pemuzik memegang dan memainkan alat muzik *yāl*. (*Nar*- 335: 9-10, *Poru*- 23-24 dan *Ciru*- 34-37).
- c. Rupa bentuk *yāl* (*Poru*- 4-24 dan *Perum* 5-15).
- d. Cara pembuatan alat muzik *yāl* dengan menggunakan sumber-sumber sekitar iaitu daripada kayu pokok (*Puram*- 302: 5-6, 308: 1-3 dan *Perum*- 181-182).
- e. Alat muzik *yāl* digunakan untuk membawa irama *Kuriñci* (*Perum*- 182).

Selain alat muzik *yāl*, terdapat juga beberapa maklumat mengenai alat muzik *kuḷal* (seruling) yang diperbincangkan dalam lima teks KTK dengan membawa maklumat-maklumat seperti berikut:-

- a. Cara pembuatan *kuḷal* dengan menggunakan buluh dengan bantuan sumber api (*Akam*- 82, 225 dan *Perum*- 177-179)
- b. Alat *Kuḷal* membawa irama *Pālai* (*Perum*- 181-182).

6.3.1.2 Hubungan Alat Muzik Dengan Sumber Alam

Kehidupan MTA yang berkait rapat dengan alam sekitar menyebabkan mereka membina alat muzik yang dapat menyerupai bunyi yang didengari setiap hari daripada sumber alam semulajadi. MTA membandingkan bunyian semula jadi dengan bunyi alat muzik ataupun sebaliknya. Perbandingan tersebut dapat dimaktubkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.10: Perbandingan Bunyi Sumber Alam Dengan Bunyi Alat Muzik MTA

Alat muzik	Bunyi Semulajadi	Baris
Muzik <i>parai</i>	Bunyi tiupan angin di air terjun	<i>Akam</i> - 321: 2-3
	Aliran air di air terjun	<i>Puram</i> - 229: 14
	Bunyi katak (<i>tērai</i>)	<i>Akam</i> - 364: 3
Muzik <i>mulavu</i>	Bunyi buluh	<i>Pari</i> - 22: 4
Muzik <i>tuṭi</i>	Bunyi <i>kuṭiñai</i>	<i>Akam</i> - 19: 4-5
Muzik <i>yāl</i>	Bunyi kumbang, serangga	<i>Pari</i> - 21: 35 <i>Kali</i> - 34: 16, 29: 16-17 <i>Akam</i> - 81:6, 317:12-13, 355:4-5
	Bunyi pergeseran kenderaaan	<i>Nar</i> - 244: 3-4
	Kejadian hujan dan suasana kegembiraan	<i>Mullai</i> - 86-88 <i>Nar</i> - 139: 4-10 <i>Akam</i> - 374: 7-9 <i>Ain</i> - 407: 1-4, 402: 1-4, 410: 1-5
Muzik <i>kuḷal</i>	Bunyi yang dihasilkan oleh tumbuhan buluh akibat tiupan angin	<i>Akam</i> - 81:2, 219:14-16, 225:5-8, 245:16
	Bunyi burung <i>kuyil</i>	<i>Kali</i> - 33: 22-25
	Bunyi serangga dan kumbang	<i>Kali</i> - 119: 8 <i>Pari</i> - 22: 40-41, 8: 22-23

	Suasana kepiluan akibat perpisahan.	<i>Akam-</i> 74: 14-17 <i>Nar-</i> 69: 7-9, 364: 9-11 <i>Kali-</i> 101: 139
Muzik tuipan tanduk (<i>ūtukompu</i>)	Bunyi burung merak	<i>Akam-</i> 177: 10-11
Muzik <i>tūmpu</i>	Bunyi kematian gajah	<i>Akam-</i> 111: 8-9
Muzik <i>vayir</i>	Bunyi burung <i>nārai</i>	<i>Akam-</i> 40: 14-15
Muzik <i>mattaḷam</i>	Bunyi air terjun	<i>Akam-</i> 81: 3-4

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.1.3 Penggunaan Alat Muzik

Salah satu maklumat yang dapat dikesan dalam KTK ialah maklumat tentang penggunaan alat muzik oleh MTA dalam kehidupan seharian mereka. Muzik bukan hanya digunakan semata-mata sebagai alat hiburan dalam kalangan MTA, malah digunakan untuk pelbagai tujuan dalam kehidupan seharian seperti upacara keagamaan, aktiviti pertanian, penternakan, peperangan dan lain-lain aktiviti harian. Alat muzik gendang yang terdiri daripada *muracu* dan *parai*, serta alat muzik lain seperti *kulal* dan *yāl* didapati dominan dari segi penggunaan yang dapat dikesan dalam kesemua lapan belas teks KTK. Penggunaan alat muzik untuk tujuan-tujuan tertentu dapat diperjelaskan seperti berikut:-

Jadual 6.11: Penggunaan Alat Muzik MTA

a. Bidang Keagamaan		
Upacara <i>veriyātal</i>	<i>Maturai</i> 611-616 <i>Akam</i> - 98: 11-17, 98: 14 <i>Nar</i> - 34: 3-4, 322: 9-12 <i>Kurun</i> - 263: 1-3	Semasa upacara <i>veriyātal</i> dijalankan oleh Si <i>Vēlan</i> , beberapa alat-alat muzik gendang dimainkan bagi menaikkan semangat.
Upacara penyembahan tuhan	<i>Tiru</i> - 119-125 <i>Pari</i> - 18: 51-52 <i>Maturai</i> - 460 <i>Patirru</i> - 41: 3-6	Pemujaan terhadap Tuhan diadakan dengan alat muzik <i>kompū</i> , <i>cañku</i> dan gendang <i>muracu</i> .
b. Bidang Pertanian		
Alat muzik <i>peruñkompū</i>	<i>Akam</i> - 94: 9-11	Pengawal di kawasan pertanian membunyikan <i>peruñkompū</i> untuk mengusir babi hutan dari kawasan pertanian.
Alat gendang <i>parai</i>	<i>Akam</i> - 194: 8-9, 204:10	Para petani membunyikan alat gendang <i>parai</i> ketika proses membersihkan tanah pertanian untuk mengusir ular.
<i>Alat kuñir, taddai dan talal, kanai, ngeli, añar, kiñai dan tañnumai</i>	<i>Kurunchi</i> - 43-44 <i>Akam</i> - 188: 11-12 <i>Nar</i> - 393: 4-5, 119: 3, 350	Terdapat pelbagai alat muzik yang membuat bunyi bising untuk menghalau haiwan perosak daripada kawasan pertanian.
Alat <i>tañnumai</i>	<i>Akam</i> - 204: 10-12	Penggunaan alat <i>tañnumai</i> untuk mengusir burung yang datang untuk memakan hasil tanaman.
Alat gendang	<i>Maturai</i> - 261-262 <i>Malai</i> - 470-471 <i>Akam</i> - 40: 13-14	Gendang <i>ari parai</i> dan <i>tañnumai</i> dimainkan semasa aktiviti penuaian hasil bijirin bagi menghalau haiwan perosak.
c. Peperangan		
Pengistiharan Kemenangan	<i>Puram</i> - 270: 8-11, 279: 1, 89: 7-9, 289: 5-10 <i>Patirru</i> - 30: 43-44, 66: 4-5 <i>Akam</i> - 44: 1-4 <i>Pari</i> - 10: 78 <i>Maturai</i> - 230-232 <i>Mullai</i> - 79 <i>Perum</i> - 33 <i>Poru</i> - 54	Penggunaan gendang <i>muracu</i> dan <i>tañnumai</i> untuk mengistiyarkan permulaan peperangan dan kemenangan dalam peperangan.

Kemaraan tentera	<i>Puram</i> - 288:4, 150: 1-5 <i>Patirru</i> - 34: 10, 68: 3-4, 69: 3-4, 84: 1-2	Gendang <i>muracu</i> disusun di atas kenderaan rata (<i>chariot</i>) dibunyikan dengan kuat untuk menaikkan semangat tentera yang mara ke medan peperangan.
Isyarat permulaan dan penghabisan peperangan	<i>Mullai</i> - 92	Alat muzik <i>valai</i> atau <i>cañku</i> dibunyikan untuk menandakan permulaan dan penamatan peperangan.
Memberikan motivasi dan menaikkan semangat	<i>Puram</i> - 288: 1-4, 150: 1-5, 382, 362, 50, 35, 62, 112, 304 <i>Maturai</i> - 185, 732-734 <i>Patirru</i> - 39: 4-7, 34: 10 68: 3-4, 69: 3-4, 84: 1-2	Alat gendang <i>muracu</i> dan <i>vayir</i> di medan peperangan dibunyikan untuk memberikan motivasi kepada anggota tentera di kem tentera dan menaikkan semangat para tentera di medan peperangan. Ia sekaligus memberikan isyarat kepada rakyat tentang kejadian peperangan dalam sesebuah negara.
Menakutkan musuh	<i>Poru</i> - 171	Gendang <i>parai</i> mengeluarkan bunyi yang menakutkan pihak musuh.
Tanda kemenangan	<i>Maturai</i> - 126-129 <i>Puram</i> - 26: 7, 179: 4 <i>Ain</i> - 432: 1-3	Rampasan gendang <i>muracu</i> milik musuh dianggap sebagai kemenangan di pihak lawan. Para tentera akan memainkan alat gendang <i>parai</i> untuk menandakan kemenangan.
Misi penyelamatan	<i>Nedu</i> - 184-186 <i>Puram</i> - 28, 29	Gendang <i>tuṭip parai</i> digunakan untuk menghalau burung helang dan serigala yang ke medan peperangan untuk makan mayat perajurit yang terkorban. Muzik <i>yāl</i> dimainkan dengan irama <i>Kāñci</i> dan <i>Vilari</i> bagi tujuan yang sama.
Ubat penawar luka	<i>Puram</i> - 281: 2-9	Alat muzik <i>yāl</i> , <i>palliyam</i> dan <i>icai maṇi</i> dimainkan untuk menghilangkan rasa sakit para tentera yang mengalami kelukaan di meadan peperangan.
	<i>Puram</i> - 281: 1-5, 296: 1-3	Para pengamal perubatan menggunakan daun pokok <i>vēmpu</i> , mendendangkan lagu <i>Kāñci</i> dan membuat asap dengan menggunakan bahan-bahan herba (<i>aiyavi</i>) untuk mengubati luka ahli tentera yang tercedera.

d.Bidang Penternakan

Penternakan lembu dan kambing	<i>Akam-</i> 354: 3-5, 54: 10-12 <i>Perum-</i> 179-182	Para penggembala memainkan seruling ketika lembu dan kambing meragut rumput dengan memainkan irama <i>Mullaip paṇ</i> . Muzik tersebut dijadikan sebagai hubungan simbolik yang mengeratkan kemesraan antara ternakan dengan penggembala.
Menjaga dan memandu ternakan	<i>Akam-</i> 225: 7-8	Para penggembala meniup alat muzik <i>kuḷal</i> untuk memandu ternakan pulang ke kandangnya selepas memakan rumput.
e. Aktiviti – Aktivit Harian		
Proses perkahwinan	<i>Kali-</i> 102: 33-34	Alat muzik <i>taṇṇumai</i> dimainkan semasa tarian <i>Kuravaik kūttu</i> semasa upacara perkahwinan dijalankan.
Pesta dan sambutan perayaan	<i>Nar-</i> 348: 3-4, 138: 9-11 <i>Ain-</i> 171: 1-3 <i>Pattina-</i> 154-158 <i>Maturai-</i> 329	Alat muzik seperti <i>muḷavu</i> , seruling, <i>muracu</i> dan <i>yāl</i> dimainkan dengan persembahan tarian semasa pesta dan perayaan diadakan.
Memaklumkan aktiviti	<i>Puram-</i> 194: 1-2 <i>Kali-</i> 102: 9-14 <i>Akam-</i> 136:7	Alat muzik berbeza, dengan irama yang berbeza, dimainkan bersesuaian dengan upacara seperti perkahwinan dan kematian.
Upacara <i>Ēru taḷuvutal</i>	<i>Kali-</i> 102: 13-14, 104: 29-31	Beberapa alat muzik khususnya gendang dimainkan semasa proses <i>Ēru taḷuvutal</i> (menundukkan lembu jantan) dijalankan.
Aktiviti Rompakkan	<i>Nar-</i> 298: 2-3 <i>Akam-</i> 63: 17-19, 87: 7-10, 79: 14-15 <i>Perum-</i> 123-124, 143-145 <i>Pattina-</i> 265	Para perompak memainkan alat muzik yang buat bunyi bising dan seram bersesuaian dengan aktiviti seharian mereka untuk menakutkan orang lain. Mereka memainkan alat muzik <i>tuṭi</i> semasa merompak.
Aktiviti Pemburuan	<i>Akam-</i> 318: 13-15 <i>Kali-</i> 22	Penggunaan alat tiupan <i>kompu</i> dibuat untuk mengumpul para pemburu dan anjing yang tersesat ketika aktiviti memburu.
Panduan kapal	<i>Maturai-</i> 80	Gendang <i>muracu</i> dibunyikan semasa kapal masuk dan meninggalkan pelabuhan.

Keselamatan penduduk	<i>Malai- 274-277</i> <i>Kali- 56: 32-33</i>	Pergerakkan gajah-gajah liar ke tapak sumber air dimaklumkan kepada orang awam dengan paluan gendang <i>parai</i> .
	<i>Patirru- 22: 28</i>	Gendang <i>parai</i> dibunyikan untuk memaklumkan para petani supaya turun beramai-ramai menghalang pemecahan benteng akibat kejadian banjir.
Membangunkan raja	<i>Puram- 225: 11-14</i>	Alat <i>cañku</i> (cengkerang) dituip dengan merdu untuk kejutkan raja dari tidur.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.1.4 Keunikkan Seni Muzik

Terdapat juga beberapa maklumat mengenai keunikkan alat muzik dalam KTK. Bunyi alat muzik tertentu digambarkan dapat mengembirakan atau menakutkan sesuatu kehidupan dan dapat melembutkan hati seseorang. Keadaan ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan manusia tetapi turut melibatkan hidupan lain. Selain itu, muzik juga digunakan untuk menghilangkan rasa penat lelah khususnya ketika bekerja di bendang dan lain-lain tempat. Butiran-butiran tersebut yang dapat di kesan dalam KTK dapat disenaraikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.12: Keunikkan Seni Muzik MTA

a. Muzik Menakutkan Hidupan		
Bunyi <i>Tañnumai</i>	<i>Akam- 297: 16-17,</i> <i>40: 13-14</i>	Burung helang, burung <i>nārai</i> dan ayam jantan berterbangan meninggalkan kawasan dalam ketakutan apabila mendengar bunyi paluan <i>tañnumai</i> .
	<i>Nar- 298: 4-5</i>	Para perompak membunyikan <i>tañnumai</i> untuk menakutkan orang awam sebelum merompak.

Bunyi <i>Ciru parai</i>	<i>Akam-</i> 40: 13-14 <i>Nar-</i> 104:4-5	Burung nuri terbang ketakutan apabila mendengar paluan bunyi <i>ciru parai</i> .
Bunyi <i>mukil</i> (buluh)	<i>Akam-</i> 232: 2-3	Gajah ketakutan apabila mendengar bunyi <i>mukil</i> hasil daripada tiupan angin kerana menyangka ianya menyerupai bunyi harimau mengaum.
Gendang <i>parai</i>	<i>Nar-</i> 304: 8-10	Gajah liar patuh kepada bunyi muzik <i>yāl</i> dan akan mati serta merta apabila mendengar bunyi kuat gendang <i>parai</i> .

b. Muzik Melembutkan Hati

Raja dalam kelapangan	<i>Ain-</i> 425: 1-2	Para pemuzik memainkan muzik bermelodi rendah apabila raja berada dalam suasana lapang hati.
Perempuan yang dalam kemarahan	<i>Pari-</i> 10: 56-58	Bunyi <i>yāl</i> dapat melembutkan hati perempuan yang marah dan akhirnya mendampingi anak dengan penuh kemesraan.
Perompak yang mengancam keamanan	<i>Poru-</i> 20-22	Muzik <i>yāl</i> dapat melembutkan hati perompak sehingga mereka meletakkan senjata dan meninggalkan perbuatan keji mereka.
Mententeramkan hati wira dan wirawati	<i>Ain-</i> 407: 1-4, 408: 1-5	Muzik daripada alat <i>yāl</i> oleh <i>Pāṇar</i> dapat melembutkan hati wira dan wirawati yang sentiasa berada dalam keseimbangan ketika dilamun cinta.
Gajah liar	<i>Kali-</i> 2: 26-27	Gajah liar patuh kepada bunyi muzik <i>yāl</i> .
Muzik merdu	<i>Akam-</i> 219: 13-16	Rusa yang kehilangan ketakutan terhadap serigala (<i>cennāy</i>) apabila mendengar muzik merdu.

c. Muzik Menghilangkan Penat Lelah

Aktiviti Pertanian	Baris
Bernyanyi ketika proses mengairi bendang	<i>Maturai-</i> 89-90
Menyanyi lagu <i>Vaḷḷai</i> atau <i>Ulakkai</i> ketika menumbuk padi	<i>Malai-</i> 342 <i>Kali-</i> 7: 10 <i>Akam-</i> 286:2
Bernyanyi lagu <i>Ērmaṅkaḷam</i> ketika membajak sawah.	<i>Akam-</i> 266: 17-18
Bernyanyi lagu irama <i>Pañcūram</i> ketika memetik bunga	<i>Ain-</i> 311: 1

Terdapat juga beberapa lagi maklumat mengenai seni muzik iaitu mengenai irama, rentak dan jenis lagu yang dapat dikesan dalam KTK. Rentak muzik yang dimainkan mengikut lagu (*Pari*- 10: 56, 12: 40-44), manakala irama lagu yang dibawa bertukar mengikut masa dan tema yang dibawa oleh lagu tersebut. Terdapat beberapa irama yang dapat dikesan dalam KTK yang menggambarkan kepakaran MTA dalam bidang muzik yang dapat dipaparkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.13: Kepelbagaian Irama Dalam Seni Muzik MTA

Jenis irama	Baris	Jenis irama	Baris
<i>Kuṛiñci paṇ</i> Irama malam (<i>Yamam paṇ</i>)	<i>Akam</i> - 102: 6 <i>Perum</i> - 182 <i>Malai</i> - 358-359 <i>Nar</i> - 255:2	<i>Mullai paṇ</i> Irama petang (<i>Mālai paṇ</i>)	<i>Poru</i> - 218-220 <i>Ain</i> - 408:1
(<i>Marutam paṇ</i>) Irama subuh (<i>vidiyal paṇ</i>)	<i>Puram</i> - 149: 2 <i>Maturai</i> - 657-664 <i>Malai</i> -470, 534-535 <i>Perum</i> - 182	Irama senja (<i>Ēṛpāṭu paṇ</i>)	<i>Puram</i> - 144: 1-3, 147: 2, 149:3 <i>Akam</i> - 214: 13-15, 149: 2-4 <i>Kali</i> - 143: 38-41 <i>Maturai</i> - 604-620
Irama <i>Pālai</i> Irama tengahari (<i>Naṇpakal paṇ</i>)	<i>Perum</i> - 180 <i>Ciru</i> - 34-35 <i>Patirru</i> - 57: 7-9, 65: 14-17 <i>Pari</i> - 7: 77-78 <i>Akam</i> - 385: 4-5	Irama pagi (<i>Cevvāḷippan</i>)	<i>Puram</i> - 149: 1-2 <i>Akam</i> - 14:15, 212:6, 314:12
(<i>Viḷari paṇ</i>) <i>Iraṅkar paṇ</i> Irama kesedihan	<i>Puram</i> - 220: 1-2, 260:2, 291:4	<i>Nattapāṭai paṇ</i>	<i>Ciru</i> - 34-35
<i>Kāmaram</i> <i>Cīkāmaram paṇ</i>	<i>Ciru</i> - 27	<i>Naivāḷam paṇ</i>	<i>Ciru</i> - 36-37
<i>Kāñcippaṇ</i>	<i>Puram</i> - 296: 1		

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Terdapat buku panduan tentang irama lagu bagi tujuan penguasaan kepakaran dalam muzik (*Akam-* 352: 13-15). Pendedahan tentang irama muzik membolehkan penduduk *Neytal* dapat menyanyikan irama penduduk *Kuriñci* manakala penduduk *Mullai* dapat menyanyikan irama *Marutam* (*Poru-* 218-220).

Terdapat juga maklumat mengenai beberapa jenis lagu yang dinyanyikan dalam kalangan MTA yang dapat menggambarkan kepakaran MTA dalam bidang seni muzik. Antara lagu yang menjadi pilihan MTA ialah lagu *Vallāip pāṭṭu* (*Akam-* 256: 1-5, *Kurun-* 89:1) yang dinyanyikan ketika menumbuk padi dan lagu *ūcal pāṭṭu* (*Kali-* 131: 25-30) yang dinyanyikan ketika bermain ayunan.

6.3.1.5 Pemuzik (*Pāṇar*)

Seni muzik tidak berkembang tanpa kewujudan pakar-pakar pemuzik. Terdapat pelbagai maklumat mengenai kewujudan masyarakat pemuzik yang digelar sebagai *Pāṇar* yang memiliki kepakaran memainkan pelbagai alat muzik, bersyair, berlakon, menari dan sebagainya. KTK mendedahkan kehidupan senang dan susah golongan ini secara terperinci dalam teks *Perum Pāṇār̥ruppaṭai*, *Ciru Pāṇār̥ruppaṭai*, dan *Malaiṭaṭukaṭām*. Maklumat mengenai golongan *Pāṇar* dapat disenaraikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.14: Maklumat Mengenai Golongan Pemuzik MTA

Ciri-ciri	Baris	Keterangan
<i>Pāṇar</i>	<i>Puram</i> - 47:1-11, 69:1-4 <i>Pari</i> - 18: 19-21 <i>Ain</i> - 402:2, 407:1, 408:1 <i>Akam</i> - 331:10-11 <i>Perum</i> - 16-21	Golongan pemuzik menghabiskan masa mereka dengan bernyanyi, memainkan alat muzik dan drama. Kebanyakan daripada mereka hidup dalam keadaan serba kekurangan dengan bergantung kepada ehsan dan belas kasihan daripada raja dan golongan kaya. Para <i>Pāṇar</i> dihormati oleh semua dan tidak mengadaikan maruah dengan merayu dan meminta belas kasihan.
Memberikan penghormatan	<i>Perum</i> - 462	Para pemuzik memberi penghormatan kepada alat muzik <i>yāl</i> sebelum mula memainkannya.
Kepenatan bekerja	<i>Maturai</i> - 626	Pemuzik tidur nyenyak pada waktu malam selepas mengadakan persembahan di pesta.
Jenis-jenis <i>Pāṇar</i>	<i>Puram</i> - 29: 1-5, 69: 1-4, 335: 7-8, 115, 242: 2-5 <i>Ain</i> - 408, 475 <i>Kurun</i> - 127: 4-6 <i>Perum</i> - 285: 83-87	Terdapat beberapa jenis <i>Pāṇar</i> yang dikenali mengikut jenis alat muzik <i>yāl</i> yang mengikut saiz yang boleh dimainkan. Terdapat dua jenis <i>yāl Pāṇar</i> iaitu <i>Ciru Pāṇar</i> dan <i>Perum Pāṇar</i> yang memainkan <i>yāl</i> yang bersaiz kecil dan besar.
Kebolehan kaum wanita	<i>Nedu</i> - 72-73	Terdapat pemuzik dalam kalangan wanita yang boleh memainkan <i>yāl</i> mengikut irama yang mereka minati.
	<i>Tiru</i> - 240-242	Alat muzik dapat dimainkan oleh golongan wanita mengikut irama <i>Kurīñci</i> .
	<i>Tiru</i> - 212	Nyanyian merdu bagaikan bunyi <i>yāl</i> dipersembahkan oleh kaum wanita.
Tempat tinggal	<i>Maturai</i> - 342	Tempat tinggal para pemuzik di taman bunga bersebelahan di lembah sungai <i>Vaiyai</i> .
Sumbangan <i>Pāṇar</i>	<i>Kurun</i> - 328: 5-8 <i>Puram</i> - 291 <i>Ain</i> - 1, 480, 478, 479 <i>Akam</i> - 56	Golongan <i>Pāṇar</i> memainkan alat muzik untuk menaikkan semangat tentera atau untuk menyelamatkan tentera yang tercedera di medan peperangan. Mereka juga memberikan nasihat kepada ketua keluarga yang melanggar prinsip-prinsip institusi kekeluargaan, melalui lagu-lagu mereka.

Mengharapkan ihsan orang lain	<i>Malai</i> - 151-157 <i>Ciru</i> - 7-12, 38, 173-177 <i>Perum</i> - 23-24, 192-195, 274-282, 339-345	Para pemuzik berjalan jauh mencari dermawan yang dapat mengurangkan masalah kesempitan hidup. Mereka sering diberi makanan dan minuman oleh penduduk setempat sebagai menghargai sumbangan mereka dalam bidang kesenian. Sebagai balasan mereka menghiburkan hati penduduk dengan mengadakan persembahan.
Cara hidup susah	<i>Ciru</i> 38-39, 129-140 <i>Perum</i> - 16-21 <i>Puram</i> - 103: 1-4, 160: 1-8, 164: 1-10, 173: 1-12	Masyarakat pemuzik hidup bergantung ehsan orang awam. Walaupun hidup dalam kemiskinan tetapi sanggup berkongsi makanan dengan kumpulan masyarakatnya yang lain.
<i>Porunar</i>	<i>Puram</i> - 394: 7-9, 386: 19 <i>Poru</i> - 1-3, 55-63 <i>Maturai</i> - 99	<i>Porunar</i> merupakan golongan yang pandai dalam bidang lakonan dan dapat memainkan alat muzik yang diperbuat daripada kulit seperti <i>tāṭāri</i> , <i>kiṇai</i> dan <i>yāl</i> . Mereka turut ke medan peperangan bagi menyemarakkan semangat tentera melawan musuh.
<i>Iyavar</i>	<i>Ain</i> - 215: 3-4, 425: 1-2 <i>Akam</i> - 365: 3 <i>Puram</i> - 336: 6	Golongan <i>Iyavar</i> dapat memainkan pelbagai alat muzik.
<i>Pāṭiṇi</i>	<i>Patirru</i> - 14: 17, 46: 1-7, 61: 14-16 <i>Puram</i> - 11: 10-11, 15:24 <i>Poru</i> - 23-47	Golongan <i>Pāṭiṇi</i> merupakan kaum wanita yang pandai bernyanyi dan boleh memainkan alat muzik. Mereka ke medan peperangan untuk bernyanyi bagi mengubati kesakitan yang dialami oleh tentera yang tercedera. Ada yang ditugaskan untuk menghiburkan raja.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.1.6 Penyair

Selain golongan *Pāṇar*, terdapat juga golongan penyair yang menghasilkan puisi-puisi berbentuk lagu yang digunakan dalam persembahan. Kepakaran para penyair menghasilkan puisi-puisi yang indah yang penuh dengan pelbagai ajaran dan falsafah menjadi panduan kepada golongan pemerintah dan golongan diperintah. Mereka memiliki kepakaran dari segi bahasa, mempunyai hubungan yang akrab dengan raja dan juga

melakukan pelbagai kegiatan ekonomi untuk menyara hidup mereka. Selain itu, mereka juga mewarisi pelbagai sifat-sifat terpuji sebagai budaya kehidupan mereka. KTK mendedahkan beberapa ciri-ciri tersendiri tentang golongan penyair dapat dimaktubkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.15: Maklumat Tentang Golongan Penyair MTA

a. Kepakaran Penyair		
Kepakaran dan kemahiran berbahasa	<i>Akam-</i> 32: 12-17 <i>Puram-</i> 206: 13	Para penyair menghasilkan lagu dan puisi secara serta merta dan tidak menyampaikan puisi yang sedia wujud. Mereka juga mampu menghasilkan muzik mengikut rentak lagu yang dinyanyikan tanpa sebarang latihan.
Hubungan raja dengan para pemuzik	<i>Poru-</i> 64, 75-78 <i>Malai-</i> 51-55, 60-61, 75-76 <i>Perum-</i> 20, 23-26, 42 <i>Puram-</i> 101:1-10, 141: 1-6, 155: 1-8	Para pemuzik mencari raja kerana mempunyai hubungan yang baik dengan pemerintah. Mereka sedar raja yang meminati dan menghormati bidang seni akan menghilangkan kemiskinan hidup mereka.
Pujian terhadap raja	<i>Puram-</i> 70: 8-9, 107: 1-4, 141:12 <i>Poru-</i> 132 <i>Ciru</i> 50, 67, 83, 113-115, 124-125 <i>Perum-</i> 400-401, 460 <i>Malai-</i> 60-61, 71-93 <i>Patirru-</i> 18: 1-12	Para pemuzik memuji akan kegemilangan kerajaan yang diterajui oleh raja dan sikap terpuji raja untuk mendapatkan hadiah.
Pemberian hadiah	<i>Patirru-</i> 20; 21-2240: 21-24, 49: 2-3, 67: 1-4 <i>Puram-</i> 12: 1-2, 69: 16-21, 101: 1-10, 141: 1-2 <i>Perum-</i> 26, 420, 446-447, 481-486 <i>Malai-</i> 564-575 <i>Poru-</i> 159-162 <i>Maturai-</i> 210, 217-218, 749-752 <i>Ciru-</i> 124-125, 216-219, 143-145, 250- 262	Para raja memberikan makanan dan minuman terlebih dahulu bagi menghilangkan rasa kepenatan para penyair dan pemuzik sebelum memberikan hadiah berbentuk makanan, barangan kemas dan alat pengangkutan seperti gajah.

Bekerja sambil	<i>Puram</i> - 348: 4, 375: 4-7, 370: 1-3, 136 <i>Maturai</i> - 342 <i>Poru</i> - 121 <i>Perum</i> - 283-287, 321	Walaupun para penyair dan pemuzik sentiasa menggembara, namun mereka mempunyai petempatan kekal. Bagi mencari nafkah mereka turut terlibat dalam kegiatan ekonomi seperti menangkap ikan, dan mengutip hasil hutan.
b.Sikap Penyair		
Penerimaan hadiah	<i>Puram</i> - 121:1-6, 205:1-2, 208:6-9	Para penyair tidak akan menerima hadiah semata-mata atas belas kasihan seseorang tetapi kerana kualiti puisi yang disampaikan oleh mereka.
Bercakap benar	<i>Puram</i> - 139: 5-6, 154: 9-10	Pujian terhadap raja dan dermawan tidak diwarnai dengan kata-kata pujian yang berbentuk pembohongan semata-mata. Kata-kata pujian para penyair adalah bersifat benar.
Tidak mengadaikan maruah dan harga diri	<i>Puram</i> - 148: 159: 21-24, 5-7, 209:13	Walaupun para penyair mengharapkan bingkisan daripada dermawan, namun mereka tidak akan menerima hadiah daripada seseorang yang sengaja melambat-lambatkan pemberian dan tidak tahu menghormati para penyair dengan baik.
Suka berkongsi pemberian	<i>Puram</i> - 163:1-7 <i>Poru</i> - 168	Para penyair tidak bersikap tamak dan mementingkan diri sendiri malah sanggup membahagikan hadiah yang diperolehi dengan saudara mara dan masyarakat sekitarnya.
Tabah dan berani	<i>Puram</i> - 46:1-8, 145:1-10, 184:1-14	Para penyair sanggup menegur raja dengan berani apabila berlaku ketidakadilan dalam sistem pentadbiran negara dan masalah dalam keluarga di raja.
	<i>Puram</i> – 184:1-14	Para penyair memberikan nasihat kepada raja demi kesejahteraan dan pembangunan negara.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Maklumat-maklumat yang tertera di atas yang berkaitan dengan seni muzik yang dipaparkan dalam KTK dapat mendedahkan Pemikiran Kekreatifan MTA dalam bidang

seni muzik secara amnya. Maklumat-maklumat di atas dijadikan asas bagi penganalisan Pemikiran Kekreatifan MTA dalam bahagian seterusnya.

6.3.2 Seni Tarian MTA

Terdapat banyak maklumat dalam KTK yang dapat diketengahkan mengenai bidang seni tarian yang telah ada dalam kalangan MTA. Kewujudan golongan penari yang bergelar *Viraliyar*, paras rupa para penari, kehandalan dan kepakaran para penari dan jenis-jenis tarian yang dipersembahkan oleh mereka merupakan antara maklumat yang dapat dikesan dalam KTK. Maklumat tersebut dapat dipaparkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.16: Maklumat Seni Tarian MTA

a. Ciri-Ciri Seni Tarian		
Rupa paras Kaum penari (<i>Viraliyar</i>)	<i>Kurun</i> - 31: 4 <i>Pari</i> - 7: 17 <i>Patirru</i> - 18: 4-6, 40: 20-21, 43: 21-22, 51: 19-23, 54: 6 <i>Ciru</i> - 13-33, 162 <i>Poru</i> - 109-110 <i>Malai</i> - 357-358, 532-539 <i>Puram</i> - 32: 2-5, 64: 1-2, 70, 89: 1-4, 103: 1-4, 133: 1-2, 128: 6 <i>Nar</i> - 328:11 <i>Akam</i> - 206, 352: 4-6 <i>Kurinchi</i> - 192-194	Golongan <i>Viraliyar</i> yang merujuk kepada penari yang wanita mempunyai paras rupa yang cantik. Mereka pandai menyanyi dan gaya persembahan mereka boleh melembutkan hati para penonton. Mereka menghiaskan diri dengan cantik sebelum memulakan sesuatu persembahan.
Kehebatan penari	<i>Pari</i> - 12: 40-44 dan 17: 3-4	Para penari mempersembahkan tarian dengan begitu unik mengikut alunan muzik.
Penerimaan hadiah	<i>Puram</i> - 29:1-10 <i>Perum</i> - 486	Para dermawan dan raja memberi sumbangan kepada kaum penari sebagai galakkan perkembangan seni tarian.

Tempat persembahan	<i>Pari</i> - 16: 13 <i>Kurun</i> - 31: 4 <i>Maturai</i> - 284 <i>Perum</i> - 55	Tarian dipersembahkan di pentas yang dirujuk sebagai <i>Aṇaṅku</i> . Adakalanya persembahan diadakan di kawasan terbuka yang dirujuk sebagai <i>Ātukalam</i> .
Masa persembahan	<i>Patirru</i> - 52: 13-16	Persembahan tarian biasanya diadakan pada waktu malam.
b. Jenis-Jenis Tarian.		
Tarian <i>Tuṇaṅkaik kūttu</i>	<i>Maturai</i> - 26-27, 159-163, 329 <i>Perum</i> - 459 <i>Tiru</i> - 56 <i>Nar</i> - 50: 3 <i>Kurun</i> - 31:1, 364:6	Tarian <i>Tuṇaṅkai</i> ditarikan di medan peperangan bagi menaikkan semangat para tentera dan dalam pesta persembahan di bandar <i>Maturai</i> . Ia merupakan sejenis tarian beserta nyanyian yang mengisahkan kemenangan dewa <i>Murukan</i> di medan peperangan dan juga dipersembahkan kepada dewi <i>Korravai</i> .
Tarian <i>Kuravaik kūttu</i>	<i>Maturai</i> - 329, 613-619 <i>Tiru</i> - 197 <i>Malai</i> - 320-322 <i>Kali</i> - 42: 27-29, 102: 34-35	Tarian dipersembahkan dalam pesta. Selain itu, kaum wanita daripada golongan pemburu menari tarian <i>Kuravaik kūttu</i> mengikut rentak paluan gendang <i>parai</i> .
<i>Vallik Kūttu</i>	<i>Perum</i> - 370-371	Sebuah tarian yang memuji dan mengagungkan keperwiraan seorang wanita bernama <i>Valli</i> , iaitu pasangan dewa <i>Murukan</i> .

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.3 Seni Drama MTA

Bidang ketiga yang menjadi bahan kajian dalam Pemikiran Kekreatifan ialah bidang seni drama yang juga menampakkan perkaitan rapat dengan seni muzik dan seni tari. Biasanya mereka yang terlibat dalam bidang seni drama mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang nyanyian, tarian dan memainkan alat-alat muzik. Kewujudan golongan *Porunar*, *Kūttar*, *Vayiriyar* dan jenis-jenis seni drama merupakan beberapa maklumat yang dapat dikesan dalam KTK. Maklumat-maklumat tersebut dapat disenaraikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.17: Maklumat Seni Drama MTA

Jenis	Baris	Keterangan
<i>Porunar</i>	<i>Poru</i> - 1-3, 23-24, <i>Puram</i> - 394: 6-9, 397: 7-11	Golongan <i>Porunar</i> mempunyai kemahiran berlakon yang baik. Mereka pandai berlakon, bernyanyi sambil menari. Mereka boleh memainkan alat-alat muzik dan adakalanya membuat persembahan dalam kalangan tentera di kem tentera bagi menaikkan semangat perjuangan.
<i>Kūttar</i>	<i>Nar</i> - 212: 3-4 <i>Patirru</i> - 42: 14, 56: 1-3 <i>Kurun</i> - 78: 2 <i>Akam</i> - 352: 1-6, 45: 1-2, 301: 9-14 <i>Malai</i> - 236-237 <i>Maturai</i> - 523 <i>Pattina</i> - 253-254 <i>Akam</i> - 189:4-5	Golongan <i>Kūttar</i> merupakan golongan yang pakar dalam seni tarian, nyanyian dan memainkan alat muzik. Mereka sentiasa bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain dan mengadakan persembahan tarian di pesta-pesta perayaan.
<i>Vayiriyar</i>	<i>Patirru</i> - 20: 16, 23: 5-6, 29: 7-9 <i>Akam</i> - 45: 11-12	Golongan yang terlibat dalam bidang kesenian yang mengadakan persembahan di sepanjang jalan.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Terdapat beberapa maklumat mengenai jenis-jenis drama berunsur tarian yang dikenali sebagai *Kūttu*. Seni drama ini dipersembahkan oleh golongan *Porunar*, *Kūttar* dan *Vayiriyar*. Maklumat-maklumat mengenai seni drama MTA dapat diperincikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.18: Jenis-Jenis Seni Drama MTA

<i>Vaḷḷik Kūttu</i>	<i>Perum</i> - 370-371 <i>Puram</i> - 5
<i>Pēṭik Kūttu</i>	<i>Akam</i> - 206: 2-3
<i>Kalaik Kūttu</i>	<i>Nar</i> - 85: 1-2 <i>Kurun</i> - 7: 3-5
<i>Kūṭak Kūttu</i>	<i>Pari</i> - 3: 83

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Terdapat juga beberapa maklumat mengenai seni drama tarian *Kuravaik kūttu* dalam KTK. Tarian *Kuravaik kūttu* biasanya ditarikan ketika upacara *Veriyāṭṭu* oleh kaum wanita pengembala (Shanmugam Pillai, 1994: 157). Kanak-kanak perempuan pula dikatakan menjadikan tarian *Kuravaik kūttu* sebagai salah satu bentuk permainan (*Malai-* 320-322, *Tiru-* 194-197, *Kali-* 106: 31-33, 103, 104, *Maturai-* 611-615, 97, *Malai-* 322, *Nar-* 276: 10, *Patirru-* 73: 7, *Kali-* 39: 28-29, 102: 35, 104: 69, *Akam-* 232: 10, dan *Puram-* 22: 22).

6.3.3.1 Hubungan Antara Seni Muzik Dengan Seni Tarian Dan Seni Drama

Pengamatan terhadap KTK mendedahkan satu hubungan yang unik antara bidang seni muzik, seni tarian dan seni drama. Seseorang yang menguasai seni muzik adakalanya menguasai seni tarian dan seni drama. Jika seseorang hanya menguasai sejenis kemahiran seni sahaja, maka seniman tersebut memerlukan sokongan daripada para seniman yang mahir dalam kedua-dua bidang yang lain. Kesepaduan yang terjalin antara ketiga-tiga bidang dapat menghasilkan satu persembahan kesenian yang menarik. Antara maklumat yang dapat dikesan ialah tempat dan masa persembahan, kewujudan persatuan kesenian, pertandingan dalam kalangan ahli seni, dan kepenggunaan pelbagai alat muzik untuk sesuatu persembahan. KTK mendedahkan hubungan antara bidang seni muzik, seni tarian dan seni drama dapat dimaktubkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.19: Hubungan Seni Muzik Dengan Seni Tarian Dan Seni Drama MTA

Ciri-ciri	Baris	Keterangan
Pentas persembahan	<i>Pari- 7: 30-33</i>	Tempat berkumpul para penyanyi digelar sebagai <i>pāṭuvar pakkam</i> dan tempat tinggal penari digelar sebagai <i>āṭuvar ceṛi</i> .
	<i>Pari- 7: 79-81</i>	Seni tari dipersembahkan di balairung istana (<i>aracavai</i>). Raja prihatin dengan perkembangan seni menyampaikan pelbagai hadiah sebagai galakkan kepada para penari.
	<i>Perum- 55</i>	Tempat persembahan dinamakan sebagai <i>Āṭukaḷam</i> .
Kewujudan pesatuan kesenian	<i>Pattina- 252-255</i> <i>Patirru- 29: 8-9</i>	Persatuan kesenian mengadakan persembahan muzik, drama dan tarian sepanjang musim perayaan.
Masa persembahan	<i>Pattina- 113-114</i>	Golongan kaya menikmati persembahan yang dipentaskan pada waktu malam sebagai hiburan.
Pertandingan antara penari dan penyanyi	<i>Pari- 9: 71-78</i>	Di <i>Tiruparaṅkunṛam</i> , disediakan tempat khas untuk para penari dan penyanyi yang cabar mencabar dalam bidang masing-masing sehingga dapat mewujudkan pertandingan yang sihat.
Keindahan dan keunikan seni muzik, nyanyian dan tarian.	<i>Pari- 8: 34-35</i>	Tarian dan nyanyian mengikut rentak dan irama muzik yang mengembirakan, malah bunyi gendang yang dipantulkan oleh gunung-ganang menyemarakkan lagi keadaan.
	<i>Pari- 10: 113-117</i>	Keindahan dan kemerduan nyanyian dan alunan muzik sehingga diperbandingkan dengan bunyi lebah.
Persiapan para penari	<i>Pari- 21: 15-20</i>	Para penari menghiaskan diri mereka dengan cantik sebelum persembahan tarian dimulakan di <i>Tiruparaṅkunṛam</i> .
Kepentingan seni tarian dan nyanyian	<i>Pari- 10: 56-59</i> dan <i>7: 77-80</i>	Pelbagai lapisan masyarakat dapat menari dan menyanyi apabila berkumpul sebelum ke sungai <i>Vaiyai</i> dan semasa berlangsungnya pesta air di sungai <i>Vaiyai</i> .
	<i>Pari- 10: 22-25</i>	Muzik dan irama yang mengikut rentak yang sesuai amat merdu untuk didengarkan, menjadi unsur penting dalam kehidupan.

Kepelbagaian alat muzik yang terlibat dalam proses tarian dan nyanyian	<i>Pari- 7: 77-80</i>	Penggunaan alat muzik <i>yāl</i> , <i>kuḷal</i> dan <i>muracu</i> dalam persembahan.
	<i>Pari- 11: 125-128</i>	Para penyanyi yang menyanyi mengikut alunan muzik <i>yāl</i> yang dimainkan. Bunyi <i>yāl</i> seakan-akan bunyi kumbang meniup bunga-bunga semasa mencari madu.
	<i>Pari- 19: 40-47</i>	Para penari yang menari mengikut alunan muzik <i>vīnai</i> , <i>kuḷal</i> dan <i>yāl</i> yang dimainkan.
	<i>Pari- 8: 34-35, 12: 40-44 dan 15: 42-45</i>	Penggunaan alat muzik <i>maṅṅal</i> dan <i>muḷavu</i> (gendang besar) yang dipalu dengan kuat sehingga bunyinya berkemundang di kawasan sekitar. Selain itu juga digunakan alat muzik seperti <i>matāri</i> , <i>tāṭāri</i> dan <i>makuḷi</i> .
Kesan peperangan ke atas kesenian	<i>Pattina- 256-260</i>	Pusat kesenian tidak dapat memainkan peranan dalam perkembangan kesenian akibat sambutan perayaan dihentikan akibat peperangan.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Hubungan antara seni muzik, seni tarian dan seni drama menyebabkan golongan seniman ini hidup bersama dan bergerak dalam satu kumpulan besar bagi mencari nafkah dengan mengadakan persembahan atau untuk mendapatkan bingkisan daripada golongan dermawan. KTK mendedahkan akan kewujudan tujuh orang dermawan yang amat dikagumi iaitu *Pēkaṅ*, *Pāri*, *Kāri*, *Āy*, *Atikaṅ*, *Naḷḷi* dan *Ōri*. Para dermawan diminta mencontohi ketujuh-tujuh dermawan apabila menghukurkan bingkisan kepada para seniman (*Ciru- 85-110*, *Puram- 158*). Secara kesimpulan, terdapat beberapa ciri antara seniman yang terlibat dalam bidang muzik, tarian, nyanyian dan drama yang dapat disimpulkan dalam jadual seperti berikut:-

**Jadual 6.20: Ciri-Ciri Menarik Tentang Seni Muzik, Seni Tarian dan Seni Drama
MTA**

Ciri-ciri	Baris	Keterangan
Tempat persembahan	<i>Puram</i> - 29: 22-24 <i>Patirru</i> - 15: 19-20, 29: 6, 56: 1-2 <i>Akam</i> - 362 <i>Poru</i> - 1-3	Persembahan di adakan dalam pesta perayaan, di tempat kediaman orang kaya dan istana. Biasanya terdapat pelbagai pesta sepanjang tahun.
Cara hidup serba kekurangan	<i>Ciru</i> - 130-142 <i>Poru</i> - 61-63, 78-81, 153-154 <i>Perum</i> - 25	Para pengamal seni persembahan hidup dalam serba kekurangan kerana hidup mengharapkan bingkisan daripada orang berada. Mereka mempunyai sikap keyakinan tinggi terhadap kemahiran kesenian yang mereka miliki. Mereka sentiasa menjaga kebajikan kaum keluarga dan saudara mara.
Menjalankan pekerjaan lain	<i>Puram</i> - 348: 4, 375: 4-7, 370: 2-3, 370:1, 136 <i>Maturai</i> - 342 <i>Poru</i> - 121 <i>Perum</i> - 283-87 <i>Ain</i> - 47	Para ahli seni suka mengembara untuk menyampaikan persembahan mereka. Walaupun mereka sentiasa berpindah randah, namun mereka ada petempatan kekal. Mereka kembali dan menjalankan kegiatan ekonomi harian seperti menangkap ikan dan mengutip hasil hutan di petempatan kekal mereka.
Sifat kemegahan	<i>Puram</i> - 208, 54: 1-4	Para penyair mempunyai harga diri yang tinggi di mana mereka tidak akan menerima hadiah atas belas kasihan dan mengharapkan mereka dihormati dan disanjung oleh raja dan orang kaya. Mereka tidak mahu menerima bingkisan daripada seseorang yang tidak mengiktiraf sumbangan seni persembahan mereka.
Sifat keberanian	<i>Puram</i> - 46:1-9, 136:1-10, 184:1-11 <i>Kurun</i> - 292	Para penyair mempunyai sifat keberanian di mana mereka dengan berani dapat menyuarakan pandangan mereka apabila berasa raja melakukan kesilapan dan kesalahan. Mereka tidak gentar menegur walaupun sedar tindakan tersebut dapat mengundang bahaya kepada mereka.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Pemaparan nilai seni muzik, tarian, nyanyian dan drama menerusi KTK, dapat mendedahkan pemikiran MTA khususnya dalam Pemikiran Kekreatifan.

6.3.4 Seni Lukisan MTA

Seni lukisan yang merupakan sebuah bidang yang berkait rapat dengan Pemikiran Kekreatifan menjadi satu lagi elemen dalam budaya MTA. Seni lukisan tersebut dapat dilihat pada dinding rumah, tembok, istana dan juga di kawasan ibadat. Seni lukisan juga dapat dikesan dalam hasil tekstil. Terdapat maklumat mengenai kewujudan masyarakat pelukis, kehandalan dan kepakaran mereka dalam bidang lukisan. Kewujudan balai seni lukisan juga dapat dikesan dalam KTK. Maklumat mengenai seni lukisan yang terdapat dalam KTK dapat dimaktubkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.21: Pemikiran Kekreatifan MTA Dalam Seni Lukisan

Ciri-ciri	Baris	Keterangan
Istilah lukisan	<i>Maturai</i> - 365 <i>Akam</i> - 5:20, 54:4 <i>Patirru</i> - 61: 3 <i>Pattina</i> - 49 <i>Nedu</i> - 147 <i>Puram</i> - 251: 1	Seni lukisan dirujuk dengan istilah <i>ōvu</i> , <i>ōvam</i> , dan <i>ōviyam</i> . Adakalanya tempat kediaman iaitu rumah dirujuk sebagai hasil lukisan yang cantik
Gelaran pelukis	<i>Maturai</i> - 5: 6: 18 <i>Kali</i> - 22: 4-5	Para pelukis digelar sebagai <i>kaṇṇuḷ viṇaiṅar</i> kerana kehebatan mereka dapat melukis dengan begitu nyata dengan hanya melihat sesuatu objek.
Kehebatan hasil lukisan	<i>Pari</i> - 19: 46-53 <i>Maturai</i> - 511-516	Lukisan seakan benar yang menunjukkan keintiman antara pasangan <i>Matan</i> dan <i>Rati</i> (pasangan ideal dalam tradisi Tamil) yang terdapat di dinding kuil <i>Tiruparaṅkunram</i> .
Kepelbagaian hasil lukisan	<i>Maturai</i> - 516-518 <i>Patirru</i> - 61, 88 <i>Akam</i> - 98: 11-12	Terdapat pelbagai jenis lukisan yang mempunyai gambar-gambar di dinding, atap, mahkota raja, pakaian dan sebagainya.

	<i>Pari-</i> 10: 46-47, 19: 46-53 <i>Nar-</i> 268:4 <i>Akam-</i> 167: 14-15	
Kehandalan pelukis	<i>Maturai-</i> 516-518 <i>Puram-</i> 33:16	Kewujudan pelukis berkaliber dalam kalangan masyarakat Tamil.
Sanjungan masyarakat	<i>Pari-</i> 21: 27-28	Pelukis yang handal sentiasa dihormati dan disanjung tinggi oleh masyarakat.
Balai lukisan	<i>Pari-</i> 19: 46-53, 18: 27-29 <i>Puram-</i> 59 <i>Nedu-</i> 112-114	Terdapat sebuah balai lukisan di pusat ibadat <i>Tiruparaṅkuṅṅram</i> yang digelar sebagai <i>Ōviyaccālai</i> atau <i>Eḷuttelil ampalam</i> . Selain itu terdapat balai lukisan di rumah-rumah orang kaya dan di istana.
Melukis di atas pasir	<i>Pari-</i> 7: 25-26 <i>Puram-</i> 11: 2-4, 243: 1-3	Kanak-kanak perempuan bermain melukis atas pasir pada waktu lapang di kawasan pantai.
Lukisan pada dinding rumah	<i>Akam-</i> 98:11, 167: 15-16, 369: 7-8, 98: 11 <i>Nar-</i> 252: 6-7	Terdapat lukisan pada dinding rumah dan istana yang menampakkan kecantikan, sehingga rumah diibaratkan sebagai lukisan yang cantik.
Jenis lukisan dinding	<i>Pattina-</i> 41	Terdapat lukisan dewi <i>Ilaccumi</i> (dewi kekayaan) sebagai lambang kesuburan.
Dinding istana	<i>Pattina-</i> 50	Terdapat lukisan cantik di dinding istana yang diwarnai serba putih.
Tiang istana	<i>Nedu-</i> 111-113	Terdapat lukisan bunga dan tumbuhan pada tiang-tiang istana.
Kamar beradu raja	<i>Nedu-</i> 125-131	Terdapat lukisan singa memburu binatang di taman bunga pada dinding kamar beradu raja.
Lukisan pada kain	<i>Nedu-</i> 128-131, 159-163	Terdapat pelbagai lukisan pada kain seperti lukisan bunga, tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Lukisan seperti ini boleh dilihat pada kain alas katil, bantal, selimut dan sebagainya.
Lukisan pada bendera	<i>Kali-</i> 104:7 <i>Pattina-</i> 180-182	Terdapat lukisan ayam jantan yang merupakan lambang dewa <i>Murukan</i> dan gambar haiwan-haiwan yang lain pada bendera. Adakalanya bendera berwarna-warni dipasang di gerai-gerai jualan.

Lukisan tanpa warna	<i>Nedu- 147</i>	Lukisan yang tidak diwarnakan digelar sebagai <i>Puṇaiyā ōviyam</i> .
Lukisan kain lilin	<i>Nedu- 167-168</i>	Terdapat lukisan di kain lilin yang menggambarkan keadaan di angkasa lepas di kamar beradu diraja.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.5 Seni Ukiran dan Penganyaman MTA

Seni ukiran merupakan suatu lagi bidang yang menampakkan Pemikiran Kekreatifan. Seni ukiran MTA dapat dikesan dalam perkakas kayu, batu, logam, sumber haiwan, penenunan kain dan seni penganyaman. Pengamatan terhadap KTK membuktikan bahawa MTA memberi keutamaan kepada ukiran pada objek kayu, batu, logam dan pakaian bagi menampakkan kecantikan dan kehalusan seni. Antara maklumat-maklumat yang dapat dikesan dalam KTK dapat disenaraikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.22: Pemikiran Kekreatifan Dalam Seni Ukiran Dan Penganyaman MTA

a. Ukiran Kayu		
Pintu	<i>Pattina- 40</i> <i>Nedu- 82-85</i>	Terdapat ukiran yang berdasarkan simbol kerajaan <i>Chola</i> iaitu ukiran harimau pada pintu istana dan pintu kubu pertahanan yang diperbuat daripada papan yang kukuh.
Pembuatan katil	<i>Nedu- 120-135</i> <i>Akam- 93: 13</i> <i>Puram- 50: 14-15</i>	Tukang kayu dapat menghasilkan katil dengan begitu cantik dengan menyelitkan unsur-unsur kesenian.
Katil diraja	<i>Nedu- 79-86, 115-135</i>	Dapat menghasilkan katil diraja dengan corak yang menarik.
Kapal-kapal	<i>Maturai- 83-84</i> <i>Patina- 51-56, 76: 4-5</i> <i>Ain- 98: 2-3</i>	Terdapat kapal-kapal besar yang diperbuat dengan sumber kayu, dibina dengan corak rekaan yang menarik kerana adanya pakar-pakar pembuat kapal.

Kalungan	<i>Ciru- 51-56</i>	Terdapat kalungan yang diperbuat daripada sumber kayu.
Kenderaan rata (chariot)	<i>Puram- 87:1-4</i> <i>Perum- 46-50</i>	Terdapat tukang kayu yang dapat menyiapkan lapan kenderaan rata (chariot) dalam masa sehari dan menghasilkan dalam keadaan yang cantik dan beserta dengan ukiran-ukiran yang menarik.
b. Ukiran Batu		
Batu tunggul	<i>Puram- 264: 3-4</i> <i>Pattina- 78-79</i>	Terdapat ukiran nama dan kehebatan perajurit yang diukir pada batu tunggul yang didirikan.
Patung dewa	<i>Maturai- 723-724</i>	Terdapat tukang pembuat patung dewa <i>Murukan</i> .
Tiang dan dinding Istana	<i>Pattina- 108-11</i>	Bahagian dalam istana dicat putih dengan tiang-tiang yang kukuh dan dinding dihiasi dengan ukiran bunga.
Bangunan	<i>Pari- 10: 41-45</i>	Terdapat ukiran bentuk harimau pada bangunan yang begitu realistik.
c. Ukiran Logam		
Gangsa	<i>Nedu- 101-103</i> <i>Mullai- 85</i>	Terdapat pelbagai alat kegunaan harian yang diperbuat daripada gangsa yang mempunyai ukiran yang menarik.
Emas	<i>Akam- 127: 6, 169:8, 212:1</i> <i>Maturai- 410, 779-780</i> <i>Kurun- 292:4</i> <i>Poru- 86</i> <i>Ciru- 241-244</i> <i>Maturai- 217-218</i>	Terdapat ukiran berbentuk wanita yang dibuat daripada emas pada dinding. Selain itu terdapat bekas minuman dan makanan yang diperbuat daripada emas dengan ukiran yang menarik.
	<i>Maturai- 103</i>	Terdapat bunga emas berbentuk teratai yang dihadiahkan kepada para pemuzik oleh raja.
Perak	<i>Perum- 477-480</i> <i>Maturai- 280</i> <i>Nedu- 110</i> <i>Akam- 142: 16-17, 137: 13</i>	Terdapat bekas makanan yang diperbuat daripada logam perak dengan ukiran yang menarik.
Alat Perhiasan kaki	<i>Kali- 81: 3-4, 86: 9</i> <i>Kurun- 148:2</i> <i>Akam- 6:1</i>	Terdapat <i>Cilampu</i> dan <i>kinini</i> iaitu dua jenis gelang kaki yang diperbuat daripada emas dan perak dengan ukiran dan kepelbagaian bentuk.

d. Batu Permata		
Batu Permata	<i>Puram-</i> 28: 1-4 <i>Patirru-</i> 16: 15-16 <i>Tiru-</i> 83-85	Terdapat penghasilan beberapa barangan kemas yang diperbuat dengan menggunakan batu-batu permata seperti mutiara dan berlian.
	<i>Akam-</i> 315: 12, 293: <i>Patirru-</i> 67, 74	Kepakaran menyambungkan batu permata dengan benang untuk membuat kalungan manik.
	<i>Nedu-</i> 125-131	Tukang katil menghasilkan katil dengan begitu cantik dengan menyelitkan unsur-unsur kesenian.
e. Sumber Haiwan		
Cengkerang (<i>conch shell</i>)	<i>Nar-</i> 77: 8-9 <i>Kurun-</i> 11:1, 31: 5, 260: 3 <i>Akam-</i> 24: 1-2 <i>Nedu-</i> 141-142 <i>Akam-</i> 24:1	Para pengukir MTA menghasilkan gelang yang pelbagai rupa dengan corak ukiran yang menarik. Mereka memotong dan membuat ukiran pada cengkerang dalam proses menghasilkan gelang. Terdapat permintaan tinggi terhadap gelang cengkerang kerana ia dianggap sebagai keramat.
Gading gajah	<i>Puram-</i> 39: 2-3 <i>Akam-</i> 331: 1-2 <i>Ain-</i> 314:1	Kepakaran membuat ukiran pada gading gajah untuk dihiaskan pada katil dan lain-lain barangan.
	<i>Nedu-</i> 115-119	Pembinaan katil dengan gading gajah yang terkorban dalam medan peperangan.
	<i>Poru-</i> 168	Kepakaran membuat kenderaan rata (<i>chariot</i>) besar daripada gading gajah.
f. Corak Pada Pakaian		
Pakaian	<i>Maturai-</i> 434 <i>Puram-</i> 274: 1, 340: 1-2, 380: 15, 397: 15, 398: 20 <i>Patirru-</i> 11: 19-20 <i>Nar-</i> 90: 4 <i>Akam-</i> 198: 5-6	Pakaian yang mempunyai corak bunga yang cantik.
Bendera	<i>Pattina-</i> 159-183	Terdapat pelbagai bendera yang berlainan saiz, warna dan reka bentuk di beberapa tapak yang bertindak sebagai simbolik.
Baju	<i>Poru-</i> 80	Pakaian yang lembut bagaikan kulit ular dengan corak bunga yang cantik.
Pakaian sutera	<i>Poru-</i> 154-155	Terdapat pakaian sutera yang berukiran cantik.

g.Seni Penganyaman		
Payung	<i>Puram-</i> 290:7, 194: 7	Penciptaan payung yang dianyam dengan daun pokok palma dan kelapa digunakan untuk hari hujan.
Bakul	<i>Ain-</i> 48: 2 <i>Kurun-</i> 155: 2 <i>Kali-</i> 117: 7-9 <i>Akam-</i> 121: 12 <i>Puram-</i> 352: 4	Menganyam bakul daripada daun pokok palma dan kelapa dengan corak yang menarik.
Katil	<i>Puram-</i> 82: 3-4	Jarum digunakan untuk membuat jalinan kebal menggunakan benang dalam proses pembikinan katil.
Tali	<i>Poru-</i> 155	Penggunaan serabut tumbuh-tumbuhan untuk membuat tali untuk membuat tikar.
Bekas minum	<i>Akam-</i> 37: 10	Menganyam daun nipah (palma) untuk menghasilkan bekas minuman.
Penciptaan <i>muram</i>	<i>Puram-</i> 339: 13 <i>Kali-</i> 42: 2	Menganyam daun nipah (palma) untuk menghasilkan <i>muram</i> (tampi) yang digunakan dalam proses mengangin padi.
Tikar	<i>Akam-</i> 94: 4 <i>Nar-</i> 142: 4 <i>Puram-</i> 246: 9 <i>Kurun-</i> 222: 1	MTA menggunakan tikar yang dianyam daripada daun nipah sebagai alas tidur mereka.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Pengamatan terhadap seni ukir yang terdapat pada kayu, logam, batu, pakaian dan seni penganyaman menunjukkan MTA memberikan penekanan kepada nilai-nilai estetika, kecantikan dan kehalusan seni.

6.3.6 Seni Perhiasan diri MTA

KTK mendedahkan bahawa MTA memberi tumpuan kepada seni perhiasan, Kepakaran menghiaskan diri memerlukan seni kreatif. Pengamatan terhadap KTK membuktikan bahawa seni perhiasan diri melibatkan kaum lelaki dan wanita yang terdiri daripada peringkat kanak-kanak sehingga ke dewasa, yang membelanjakan banyak masa untuk menghiaskan diri mereka supaya kelihatan cantik. Alat-alat perhiasan yang digunakan berdasarkan sumber-sumber semulajadi ataupun diperbuat daripada pelbagai bahan logam. Terdapat pelbagai maklumat mengenai bidang seni perhiasan diri yang dilakukan oleh kaum wanita, lelaki, kanak-kanak, kerabat diraja dan haiwan peliharaan: Maklumat tersebut dapat diperincikan seperti berikut:-

6.3.6.1 Bahan Sumber Semulajadi

Elemen menghiaskan diri merupakan salah satu pemikiran MTA kaum wanita. Mereka menggunakan Pemikiran Kekreatifan mereka bagi menjadikan beberapa sumber alam semulajadi seperti bunga, tumbuhan yang menjalar, batang pokok yang lembut dan sebagainya sebagai alat perhiasan. Maklumat-maklumat tersebut dapat dimaktubkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.23: Bahan Sumber Alam Sebagai Alat Perhiasan diri MTA

Sumber alam	Baris	Keterangan
Bunga/ kalungan bunga	<i>Kurinchi</i> - 113-117 <i>Akam</i> - 264: 3-4 <i>Patirru</i> - 76: 11-13 <i>Pattina</i> - 88 <i>Puram</i> - 352: 3-4 <i>Kurun</i> - 168:5, 173;1-2	Bunga dipakai dalam bentuk sekuntum atau dalam bentuk kalungan oleh lelaki dan wanita. Mereka menganggap pemakaian bunga dapat mencantikkan diri mereka.
Bunga <i>vayalai</i>	<i>Ain</i> - 52: 1-2	Golongan wanita memetik bunga <i>vayalai</i> untuk membuat kalungan bunga untuk dipakai. Perbuatan memetik bunga-bunga jenis ini menjadikan jari-jari mereka bertukar warna merah yang cantik.
Kepelbagaian bunga	<i>Ain</i> - 191:2-3, 196: 1, 232: 1, 408: 1-2	Wirawati mengikat dan menghiaskan rambutnya dengan bunga-bunga seperti bunga <i>Kalippu</i> , <i>Mullai</i> dan sebagainya untuk kelihatan cantik dan berseri. Ada juga yang menyimpulkan siput laut pada rambut supaya kelihatan cantik.
Jenis-jenis kalungan bunga	<i>Pari</i> - 19: 80-82, 20: 20- 21, 11: 95 <i>Kurinchi</i> - 116-122 <i>Ciru</i> - 267 <i>Pattina</i> - 109-110	Kalungan bunga digelar dengan pelbagai nama seperti <i>kōtai</i> , <i>tār</i> , <i>mālai</i> , <i>cūtu</i> , <i>kaṇṇi</i> dan sebagainya dan diikat dengan pelbagai cara dan bentuk.
Bunga dan batang menjalar	<i>Pari</i> - 11: 95 <i>Puram</i> - 61:1	Kaum wanita menghiaskan diri dengan bunga dan batang pokok menjalar yang dikenali sebagai <i>koṭi</i> .
Batang pokok	<i>Puram</i> - 63:11-12, 248: 1	Memakai <i>tōṭi</i> yang diperbuat daripada batang pokok bunga <i>Āmpal</i> . Ada juga yang membuat pakaian daripada bunga <i>Āmpal</i>

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.6.2 Perhiasan Dalam Kalangan Kaum Wanita

Selain menggunakan sumber-sumber alam semulajadi sebagai bahan perhiasan, kaum wanita MTA turut menggunakan pelbagai alat perhiasan pada bahagian-bahagian

tertentu pada anggota badan mereka dengan cara tertentu untuk nampak jelita. Perhiasan pada rambut dan kepala, pemakaian barangan kemas pada anggota badan tertentu iaitu daripada hujung kaki ke hujung rambut, dan beberapa lagi ciri-ciri menarik yang berkaitan dengan seni perhiasan kaum wanita dapat dikesan dalam KTK. Maklumat-maklumat tersebut dapat disenaraikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.24: Perhiasan Dalam Kalangan Kaum Wanita MTA

a. Perhiasan Pada Rambut dan Kepala		
Perhiasan di kepala	<i>Kali</i> - 8: 6, 81: 3 <i>Tiru</i> - 23 <i>Nar</i> - 86: 5-7 <i>Pari</i> - 16: 8	Terdapat beberapa perhiasan yang dipakai di kepala oleh kaum wanita seperti <i>tōyakam</i> , <i>teyvayunti</i> , <i>cirittakam</i> , <i>muñjam</i> , dan <i>pirai</i> selain bunga.
Penjagaan rambut	<i>Puram</i> - 146: 9-10, 147: 6, 279: 9, 300: 1-2 <i>Kurinchi</i> - 108 <i>Patirru</i> - 89: 16 <i>Pari</i> - 12: 19 <i>Kali</i> - 77:16-17	Kaum wanita meletakkan minyak pada rambut di kepala bagi memberikan kedinginan dan menghembuskan asap pada rambut selepas mandi. Mereka meletakkan pelbagai haruman wangi pada rambut. Mereka memotong rambut dari masa ke semasa.
Perhiasan rambut	<i>Perum</i> - 485 <i>Tiru</i> - 23 <i>Nar</i> - 42:8, 145:3-4 <i>Pari</i> - 16:7-8 <i>Kali</i> - 81:2-3 <i>Patirru</i> - 45:1 <i>Ain</i> - 232:1	Kaum wanita meletakkan bunga, dan mengikat rambut dengan pelbagai corak. Manakala kanak-kanak pula memakai <i>muñjam</i> dan <i>pirai</i> sebagai alat perhiasan rambut di kepala.
Ikatan rambut Menocang rambut	<i>Kali</i> - 32:1, 22:12-13 <i>Nedu</i> - 137 <i>Akam</i> - 73:1-2, 117:10-11, 123:6, 126:20, 145:18, 181: 23, 261:3 <i>Ciru</i> - 190-191 <i>Maturai</i> - 552 <i>Nar</i> - 23:2, 100:4, 160:6 <i>Kurun</i> - 116:1, 229:1 <i>Malai</i> - 182 <i>Ain</i> - 93: 5, 285:1 <i>Poru</i> - 160 <i>Puram</i> - 61: 1 <i>Patirru</i> - 31:24, 43:1-2	Para wanita mengikat dan menojeng rambut dengan lima cara yang dikenali sebagai <i>koñtai</i> , <i>kuḷal</i> , <i>pañiccai</i> , <i>muṭi</i> dan <i>curuḷ</i> .

Haruman rambut	<i>Nedu-</i> 50-58 <i>Maturai-</i> 552-554 <i>Nar-</i> 52:1-3, 166:1-3, 265: 8-9 <i>Kurun-</i> 52:2, 132:2, 286: 3, 300:1-2 <i>Ain-</i> 222:1, 240:1, 290:3 <i>Akam-</i> 141:12-13 <i>Puram-</i> 146:9	Kaum wanita memakai serbuk <i>Kastūri</i> sebagai bahan haruman pada rambut. Ada juga yang meletakkan bunga untuk mengharumkan rambut.
b. Perhiasan Pada Anggota Badan Yang Lain		
Dahi	<i>Pari-</i> 11: 99-100 <i>Kali-</i> 92: 35, 97: 11, 143: 3 <i>Akam-</i> 253:25	Kaum wanita memakai <i>tilakam</i> berwarna merah pada dahi.
Leher	<i>Patirru-</i> 16: 15-16 <i>Poru-</i> 162	Kaum wanita memakai kalungan di leher yang diperbuat daripada emas, mutiara dan berlian dengan corak yang menarik.
Telinga	<i>Pattina-</i> 20-23 <i>Nedu-</i> 38, 140-141 <i>Pattina-</i> 23	Kaum wanita memakai anting-anting emas yang cantik yang boleh memancarkan cahaya.
Bahu dan tangan	<i>Ain-</i> 38:4, 40:2, 194:2, 196: 2, 389:3	Kaum wanita memakai sejenis barang perhiasan yang digelar sebagai <i>ōṅṭōṭi</i> dan <i>āytōṭi</i> . <i>Ōṅṭōṭi</i> dipakai pada kedua-dua belah bahu dan tangan untuk mencantikkan diri. <i>Ōṅṭōṭi</i> ini dibuat daripada kepingan logam yang disaluti oleh emas dan didapati dalam pelbagai corak.
Tangan	<i>Nar-</i> 77: 9-10 <i>Kali-</i> 43: 9, 85: 6 <i>Mullai-</i> 45, 82 <i>Nedu-</i> 36, 142-143 <i>Pattina-</i> 154 <i>Perum-</i> 334 <i>Ciru-</i> 176, 192	Kaum wanita memakai <i>kaṭakam</i> , <i>tōṭi</i> dan <i>valaiyal</i> iaitu gelang tangan yang diperbuat daripada cengkerang, mutiara dan gangsa. Terdapat gelang tangan berwarna putih.
	<i>Ain-</i> 191:1, 194: 1-2, 196: 1-2, 199:1, 200:1, 389:1 <i>Kurun-</i> 243:3, 269:3, 365:1 <i>Akam-</i> 219:1	Pergelangan tangan wirawati penuh dengan gelang. Gelang-gelang ini diperbuat daripada siput laut yang bermutu tinggi dan mempunyai ciri-ciri kesenian yang halus. Gelang-gelang ini bukan bertindak sebagai alat perhiasan semata-mata malah sebagai lambang percintaan. Perpisahan antara wira akan menjadikan jiwa dan tubuh wirawati menjadi lemah, menyebabkan gelang tangan terkeluar daripada pergelangan tangannya.

Jari	<i>Nedu- 143-144</i> <i>Kali- 84: 20-23</i> <i>Nar- 120:3-4, 188: 3-4</i> <i>Nedu- 143</i>	Kaum wanita memakai cincin yang pelbagai corak dan bentuk. Terdapat cincin yang berbentuk mulut ikan <i>vaḷai</i> .
Pinggang	<i>Kali- 85: 3-4</i> <i>Ain- 316:1</i> <i>Tiru- 16</i>	Kaum wanita memakai <i>mēkalai</i> , <i>pandil</i> , <i>podrorai</i> dan <i>Kāñci</i> di bahagian pinggang badan untuk mengikat pakaian mereka. Adakalanya <i>mēkalai</i> tersebut diperbuat daripada emas ataupun batu permata.
Bahagian pusat dan pinggang	<i>Ain- 306: 2, 232: 3-4</i>	Alat perhiasan <i>mēkalai</i> dipakai untuk menutup bahagian pusat perut, manakala <i>addighai</i> dipakai pada bahagian pinggang terutamanya dalam upacara perkahwinan untuk menambahkan keceriaan paras rupa wanita.
Kaki	<i>Akam- 321: 15</i> <i>Nar- 12: 5, 110: 45</i> <i>Kali- 85: 1-2, 86: 9</i> <i>Kurun- 148: 2</i> <i>Ain- 382: 3, 389</i> <i>Puram- 40: 3- 4, 259:7</i> <i>Maturai- 444</i>	Kaum wanita memakai <i>cilampu</i> (gelang kaki) dan <i>kiṅkiṇi</i> di bahagian kaki yang diperbuat daripada emas dan perak. Di dalamnya diisi batu permata atau mutiara.
c. Ciri-Ciri Menarik		
Pemakaian bunga	<i>Nar- 144</i> <i>Kali-107: 9-10, 115: 5-6</i> <i>Kurun- 312, 62, 225</i> <i>Akam- 104:15-16</i> <i>Ain- 294:5</i>	Hanya kaum wanita yang sudah berkahwin dibenarkan memakai bunga di kepala. Oleh itu, jika seseorang lelaki meletakkan bunga di atas kepala si wanita, maka ini bererti si lelaki tersebut sudah memiliki wanita tersebut.
Wanita lanjut usia	<i>Maturai- 413-418</i>	Kaum wanita yang berlanjutan usia juga turut memakai alat perhiasan dan pandai menghiaskan diri.
Kepelbagaian alat perhiasan	<i>Akam- 219: 15-16</i> <i>Ain- 310: 1-2</i> <i>Ciru- 192</i> <i>Puram- 48:1-2</i> <i>Kali- 92: 33-38, 56: 11</i> <i>Kurun- 233: 3-4, 295:1-2</i> <i>Nar- 308: 1-3</i>	Kaum wanita memakai pelbagai alat perhiasan iaitu pergelangan kaki <i>cilampu</i> , gelang tangan, kalungan bunga, anting-anting yang diperbuat daripada emas, mutiara dan manik untuk menghiaskan diri.
Penghiasan diri	<i>Pari- 12: 11-25</i> <i>Pattina- 22</i> <i>Kurun- 335:1-2</i> <i>Akam- 261: 3-6</i>	Kaum wanita menghiaskan diri mereka mengikut keperluan masa, tempat dan suasana. Hal ini termasuklah penggunaan pakaian yang sesuai.

Persiapan masuk tidur	<i>Maturai- 554</i> <i>Ain- 493: 3-5</i> <i>Nedu- 53-56</i>	Para wanita menghiaskan diri dan memakai pakaian kapas yang lembut sebagai persiapan masuk tidur untuk tatapan suami mereka.
Penggunaan cermin	<i>Pari- 21: 23-24</i>	Kaum wanita menghabiskan masa untuk menghiaskan diri di depan cermin.
Kepelbagaian gelang tangan	<i>Kurinchi- 138- 139</i> <i>Akam- 6: 2, 24: 1-2</i> <i>Nedu- 141</i>	Kaum wanita memakai gelang tangan. Gelang tangan diperbuat daripada tumbuhan yang menjalar, kulit cengkerang siput dan emas. Gelang yang diperbuat daripada cengkerang dianggap sebagai keramat dan mempunyai ukiran yang menarik.
Barangan emas	<i>Pattina- 147</i> <i>Kurun- 21;1-3, 147:3</i>	Barangan kemas yang diperbuat daripada emas menjadi pilihan kaum wanita.
Bekas barangan kemas	<i>Kurun- 233: 3</i> <i>Akam- 105: 5</i>	Terdapat bekas penyimpanan barangan kemas yang dapat ditutup. Adakalanya bekas ini bertatakan batu berlian.
Bahan Wangi	<i>Poru- 97</i>	Kaum penari menyapu bahan wangi pada badan mereka.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.6.3 Perhiasan Oleh Kaum Lelaki

Terdapat beberapa maklumat dalam KTK yang mendedahkan bahawa kaum lelaki juga turut memberi perhatian dalam hal menghiaskan diri. Mereka memakai pelbagai barangan kemas seperti cincin, *ka_lal*, *ka_takam* dan sebagainya bagi mencantikkan mereka. Selain itu, kaum lelaki juga memakai *vīrakkalal* sebagai simbol kemenangan dalam peperangan ayang melambangkan keperwiraan. Butiran tersebut dapat diperincikan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.25: Perhiasan Oleh Kaum Lelaki MTA

Alat	Baris	Keterangan
Cincin	<i>Nedu</i> - 143-144 <i>Kali</i> - 84: 22-23 <i>Nar</i> - 188: 3-4	Kaum lelaki memakai cincin yang pelbagai bentuk dan bercorak.
<i>Kaḷal</i>	<i>Puram</i> - 4:3-4, 40: 3- 4, 77: 1, 259: 7 <i>Perum</i> - 102-103 <i>Kurinchi</i> - 113-127	Kaum lelaki memakai <i>kaḷal</i> yang bercorak cantik yang diperbuat daripada emas.
	<i>Puram</i> - 7: 2, 40: 3-4, 31: 9, 77: 1, 91: 2, 120: 19-20, 77, 120, 40 <i>Ciru</i> - 95, 123 <i>Maturai</i> - 436 <i>Kurinchi</i> - 126 <i>Patina</i> - 294 <i>Patirru</i> - 32: 2, 38: 7 <i>Akam</i> - 177:14	Kaum lelaki yang dewasa yang terdiri daripada anggota tentera memakai alat <i>kaḷal</i> di pergelangan kaki yang menjadikan kaki menjadi kuat. Mereka merekodkan kejayaan peperangan di alat <i>kaḷal</i> .
<i>Kaṭakam</i> dan <i>tōṭi</i>	<i>Nar</i> - 77: 9-10	Kaum lelaki memakai <i>kaṭakam</i> dan <i>tōṭi</i> di tangan.
Pemakaian serbuk cendana	<i>Tiru</i> - 193 <i>Maturai</i> - 493 <i>Patirru</i> - 88: 30 <i>Ain</i> - 240:3-4 <i>Akam</i> - 26:14, 102:10, 186:12, 288:2	Kaum lelaki memakai serbuk cendana pada bahagian dada.
Gelang <i>vīra vaḷai</i>	<i>Perum</i> - 102-103	Kaum lelaki memakai gelang <i>vīra vaḷai</i> (gelang keperwiraan) pada bahagian lengan.
Gelang lengan	<i>Perum</i> - 12-13	Gelang lengan yang dapat dilaraskan mengikut kesesuaian saiz tangan.
Bunga Mālai	<i>Pattina</i> - 84-85 <i>Akam</i> -102:10	Para nelayan menghiaskan diri dengan bunga mālai yang diperbuat daripada bunga <i>Veṇṭāli</i> . Terdapat malai dibuat daripada bunga
Daun <i>vēmpu</i>	<i>Perum</i> - 59	Kaum peniaga memakai kalungan daun <i>Vēmpu</i> untuk tujuan pengenalan diri dan atas faktor keselamatan.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.6.4 Perhiasan Pada Kanak-Kanak

Kanak-kanak MTA dikenakan pelbagai alat perhiasan oleh ibu bapa bagi tujuan kecantikan, lambang kemewahan dan sebagai tali azimut yang dapat memberi perlindungan daripada anasir-anasir jahat. Adakalanya barangan kemas dikenakan untuk kanak-kanak sebagai tanda melambangkan status hidup mereka. Perincian terhadap perhiasan terhadap kanak MTA dapat dikesan dalam KTK seperti berikut:-

Jadual 6.26: Perhiasan Oleh Kanak-Kanak MTA

Ciri	Baris	Keterangan
Kepelbagaian alat perhiasan.	<i>Kali</i> - 81: 6, 85: 1-18 <i>Nar</i> - 58: 1, 250;1-3 <i>Puram</i> - 77: 1-7 <i>Kurun</i> - 148: 12 <i>Ain</i> - 254:3, 441:5 <i>Akam</i> - 18	Kanak-kanak dipakaikan <i>kiṅkiṇi</i> , <i>aintām paṭaittāli</i> dan <i>imaippūṇ</i> oleh ibu bapa.
Perhiasan oleh ibu	<i>Kali</i> - 81: 1-9, 85: 1-18 <i>Kurun</i> - 148	Para ibu menghiaskan anak dengan memakaikan pelbagai alat perhiasan daripada hujung kaki ke hujung rambut supaya kelihatan cantik.
	<i>Akam</i> - 146: 13, 195: 5-11, 219: 8-9	Ibu gemar memperhiaskan anaknya dengan pelbagai barangan kemas.
Anak-anak golongan kaya	<i>Kali</i> - 81: 1-6, 85: 1-16 <i>Akam</i> - 54: 18, 7: 18 <i>Kurun</i> - 161: 3	Kanak-kanak dari keluarga kaya diperhiaskan dengan pelbagai alat perhiasan bagi menunjukkan kemewahan dan bagi menampakkan kecantikan.
Perhiasan di leher	<i>Puram</i> - 77:6-8 <i>Akam</i> - 54:18	Kalungan mutiara, bunga mālai dan kalungan <i>aimpaṭaittāli</i> dipakai untuk melindungi kanak-kanak daripadada anasir jahat.
Perhiasan di kaki	<i>Kali</i> - 85: 1-2, 86: 9 <i>Kurun</i> - 148:2 <i>Pattina</i> - 24 <i>Ain</i> - 389:5	Kanak-kanak memakai <i>cilampu</i> dan <i>kiṅkiṇi</i> yang diperbuat daripada emas dan perak dengan ukiran dan kepelbagaian bentuk.

Pemakaian <i>cilampu</i>	<i>Ain</i> - 369:25, 399:1-3 <i>Nar</i> - 279: 10-11 <i>Akam</i> - 219, 385, 294 <i>Kurun</i> -7	Semasa anak perempuan berusia kecil ibu bapa akan memakaikan gelang kaki (<i>cilampu</i>) kepadanya. Kanak-kanak tersebut akan memakai gelang kaki tersebut sehingga mencapai usia untuk berkahwin. Ibu bapa akan mengadakan satu upacara secara besar-besaran untuk membuka gelang kaki sebagai tanda anak tersebut akan melangsungkan majlis perkahwinan tidak lama lagi.
-----------------------------	---	---

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.6.5 Perhiasan Pada Kaum Kerabat diRaja

Kaum kerabat raja yang terdiri daripada raja, permaisuri dan anak-anak raja menghiaskan diri mereka dengan baik kerana mereka sentiasa menjadi bahan pandangan masyarakat. Mereka memberi perhatian serius dalam hal pemakaian pakaian, barangan kemas yang biasanya diperbuat daripada emas dan batu permata. Perincian terhadap perhiasan terhadap kanak MTA dapat dikesan dalam KTK seperti berikut:-

Jadual 6.27: Perhiasan Oleh Kaum Kerabat Diraja MTA

Jenis Perhiasan	Baris	Keterangan
Pakaian raja	<i>Puram</i> - 239: 1-4	Pakaian keselamatan raja diperbuat daripada emas bertatahkan mutiara. Raja juga menghabiskan banyak masa untuk menghiaskan diri.
<i>Katakam</i>	<i>Mullai</i> - 76	Raja memakai <i>katakam</i> di tangannya.
Perhiasan kaki	<i>Pattina</i> - 291	Raja <i>Karikālan</i> memakai alat perhiasan kaki yang diperbuat daripada batu permata.
Raja	<i>Maturai</i> - 715-724	Raja <i>Neṭuñceliyan</i> menghiaskan diri dengan menyapu <i>cantāṇam</i> , memakai cincin emas dan pakaian yang bertatahkan emas.
	<i>Pattina</i> - 297-299	Raja memakai alat perhiasan yang bersinar.
	<i>Poru</i> - 159-160	Raja memakai mahkota emas berupa bunga teratai.

	<i>Patirru-</i> 14: 11-12, 16: 14-17	Adakalanya mahkota tersebut diperbuat daripada mahkota-mahkota raja kalah yang dileburkan.
Anak raja	<i>Pattina-</i> 295	Putera raja memakai gelang tangan yang diperbuat daripada emas.
Permaisuri	<i>Pattina-</i> 296	Permaisuri memakai alat perhiasan yang diperbuat daripada emas.

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

6.3.6.6 Perhiasan Pada Haiwan

Selain seni perhiasan diri pada manusia, KTK turut memaparkan maklumat akan kewujudan seni perhiasan bagi kepada haiwan-haiwan tertentu khususnya gajah dan kuda. Gajah dihiasi dengan melembarkan kain yang cantik dan barangan yang diperbuat daripada emas (*Puram-* 126, *Nar-* 399:1-2). Selain itu gading gajah juga dipasang dengan barangan kemas oleh tukang logam (*Perum-* 436, *Ain-* 314:1), mencerminkan Pemikiran kreatififan MTA dalam bidang seni perhiasan diri.

Dalam hal ini, MTA yang menyebatkan kehidupan mereka dengan sumber alam, menguasai pelbagai bidang kesenian yang terdiri daripada seni muzik, seni tarian, seni drama, seni lukisan, seni ukiran dan seni perhiasan diri. Pemaparan maklumat dalam KTK mendedahkan MTA memberikan perhatian yang penting dalam bidang-bidang yang dimaksudkan di atas dengan menyerlahkan Pemikiran Kreatififan sebagai pemikiran dalam kehidupan seharian mereka.

6.4 Penganalisan Pemikiran Kekreatifan Masyarakat Tamil Awal

Pemaparan maklumat Pemikiran Kekreatifan MTA dalam KTK dalam bahagian 6.3, mendedahkan Pemikiran Kekreatifan MTA. Antara bidang yang dianalisis oleh pengkaji dalam bahagian ini ialah bidang seni muzik, seni tarian, seni drama, seni lukisan dan seni perhiasan diri yang dapat menyerlahkan Pemikiran Kekreatifan MTA.

Penggumpulan data bagi Pemikiran Kesaintifikkan MTA daripada KTK yang dihuraikan dalam bahagian 6.3, menunjukkan pelbagai maklumat mengenai Pemikiran Kekreatifan MTA. Dalam hal ini, pengkaji menggunakan tiga jenis pendekatan bagi membuat penganalisan terhadap Pemikiran Kekreatifan MTA. Pertamanya, penganalisan dijalankan berdasarkan penggumpulan data pada bahagian 6.3. Keduanya, pandangan para sarjana yang berdasarkan sumber-sumber sekunder KTK diteliti. Dalam usaha ini pandangan dan tulisan para sarjana dalam bidang ini juga dimanfaatkan. Kedua-dua data tersebut tersebut dianalisis dan disintesis bersama-sama bagi mengukuh dan mengesahkan penemuan kajian.

Akhirnya dapatan tersebut diperbandingkan dengan Teori SPB4K bagi melihat setakat mana Pemikiran Kekreatifan yang dipaparkan dalam KTK menunjukkan keserasian dan sebaliknya dengan konsep pemikiran yang dibawa oleh Teori SBP4K. Namun demikian, pengkaji tidak memisahkan ketiga-tiga pendekatan secara berasingan tetapi mengabungjalinkan secara sistematik dalam proses penganalisan Pemikiran Kekreatifan MTA. Bagi memudahkan proses penganalisan setiap bidang dianalisis secara berasingan seperti berikut:-

- i. Seni Muzik, Seni Tarian dan Seni Drama
- ii. Seni Lukisan
- iii. Seni Ukiran
- iv. Seni Perhiasan Diri
- v. Penganalisan Pemikiran Kekreatifan MTA berdasarkan Teori SPB4K

6.4.1 Seni Muzik, Seni Tarian dan Seni Drama

Seni muzik yang diamalkan oleh MTA tergolong dalam kategori bidang muzik klasik. C.Saradhambal (1993: 18), yang mengungkap pandangan Dominique Secreten menjelaskan pengertian muzik klasik seperti berikut:-

“Music written in particular style aiming at the embodiment of a certain ideal, the chief element of which is beauty or form. In classical music in this sense form is first and emotional subordinate in romantic music content is first and form subordinate”.

Menurut Dominique Secreten, elemen utama penulisan muzik adalah kecantikan atau bentuk. Dalam muzik klasik pula, elemen emosi dan romantis merupakan dasar dalam penghasilan seni muzik.

Penganalisan terhadap bidang seni muzik, seni tarian dan seni drama MTA, mendedahkan ianya selari dengan pengertian konsep muzik klasik yang dibawa oleh Dominique Secreten yang menekankan elemen alunan muzik dan fakta.

Penganalisan terhadap konsep *uripporul* yang didukung oleh KTK mendedahkan penggunaan alat muzik dapat dikenalpasti berdasarkan bentuk muka bumi yang

membuktikan kehidupan MTA yang sehati dengan elemen alam sekitar (Backiamary, 2011: 139-140). Maklumat tersebut dapat dirangkumkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.28: Perkaitan Antara Bentuk Muka Bumi Dengan Alat Musik


Bentuk Mukabumi	Jenis Gendang	Jenis <i>Yāl</i>	Jenis Irama
<i>Kuṛiñci</i>	<i>Toṇṭakam</i>	<i>Kuṛiñci yāl</i>	<i>Kuṛiñci paṇ</i>
<i>Mullai</i>	<i>Ēru koṭ paṛai</i>	<i>Mullai yāl</i>	<i>Mullai paṇ</i>
<i>Marutam</i>	<i>Maṇamuḷḷa nellariḱḱiṇai</i>	<i>Marutha yāl</i>	<i>Marutam paṇ</i>
<i>Neytal</i>	<i>Miṅkor paṛai</i>	<i>Vilari yāl</i>	<i>Cevvaḷip paṇ</i>
<i>Pālai</i>	<i>Tuṭi</i>	<i>Pālai yāl</i>	<i>Pañcurap paṇ</i>

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat KTK

Teks *Perumpānārrippaṭai*, *Ciruppānārrippaṭai*, *Porunārrippaṭai* dan *Malaipaṭukaṭām* merupakan antara teks KTK yang banyak mendedahkan maklumat mengenai bidang kesenian iaitu seni muzik, tarian dan drama yang telah wujud dalam kalangan MTA (K.Ramanathan, 1964: 106). Seni muzik dapat dipersembahkan secara tersendiri manakala seni tarian dan seni drama memerlukan sokongan seni muzik bagi merencanakan sesuatu persembahan supaya dapat menghasilkan satu persembahan yang menarik (Sami Sitamparanar, 2012: 100-104). Hal ini mendedahkan hubungan erat antara ketiga-tiga bidang kesenian.

Pemikiran Kekreatifan MTA dalam bidang seni muzik bermula daripada proses penghasilan alat muzik tersebut sehinggalah kepada proses persembahan seni. T.Sumathi merekodkan bahawa terdapat lebih daripada 500 jenis alat muzik dalam tradisi MTA dan

ianya tidak dapat dikesan dalam mana-mana tradisi negara lain pada zaman tersebut. Hal ini membuktikan kecemerlangan MTA dalam bidang muzik (1994: 2017). MTA mencipta pelbagai alat muzik yang dapat dikategorikan mengikut bahan pembuatannya iaitu sama ada yang diperbuat daripada kulit untuk menghasilkan gendang, alat muzik kayu untuk menghasilkan seruling dan jalinan tali untuk menghasilkan alat muzik kecapi yang disebut *yāl* (A.Thachanamorthy, 2005:264). Pembuatan alat-alat muzik tersebut memerlukan pemikiran rekacipta yang bersifat teknikal. Pengkategorian alat-alat muzik yang dihasilkan oleh MTA dapat disenaraikan dalam rajah seperti berikut:-



Rajah 6.11: Jenis-Jenis Alat Muzik MTA

Sumber: Rajah disediakan berdasarkan maklumat KTK

MTA mencipta pelbagai jenis alat gendang iaitu terdapat lebih kurang lapan puluh empat jenis gendang yang dinamakan mengikut saiz dan tujuan penggunaannya. Penganalisan data seni KTK mendedahkan penggunaan alat gendang *muracu* dan *mulavam* telah menjadi dominan dari segi maklumat rujukkan berbanding dengan alat

gendang yang lain. Gendang *muracu* dianggap sebagai alat kebesaran diRaja dan khazanah negara yang perlu dipertahankan (R.Alavandar, 1981:9).

Selain alat gendang *muracu*, terdapat alat muzik *yāl* dan *kuḷal* yang menjadi alat muzik pilihan MTA. Terdapat maklumat mengenai beberapa jenis *yāl* iaitu *vil yāl*, *periyāl*, *ciriyāl* dan *makara yāl*. Setipa satu alat ini berbeza dari segi cara pembuatannya dan cara bermain alat muzik tersebut (A.Varaga Pandian, 2001: 83-100). Alat muzik *yāl* yang dicipta oleh MTA mempunyai jalinan empat hingga tujuh, tujuh belas atau dua puluh enam tali dan diperbuat daripada pelbagai jenis kayu bagi menghasilkan bunyi yang dikehendaki (K.Govindan, 1992: 105). Menurut K.D.Tirunavukkarasu (2009: 53), alat muzik *vīnai* yang digunakan oleh masyarakat Tamil hari ini merupakan hasil daripada perkembangan alat muzik *yāl* yang digunakan oleh MTA pada zaman dahulu.

Dalam teks *Paripāṭal* terdapat maklumat mengenai dua jenis alat muzik *kuḷal* iaitu seruling berlubang lima (*aimpulai*) dan seruling berlubang tujuh (*ēḷpulai*). Menurut V.T.Cellam (2000: 131), para sarjana berpendapat bahawa masyarakat Dravida merupakan pencipta alat muzik *kuḷal* berdasarkan penamaan alat seruling dengan nama *kuḷal* di seluruh pelusuk benua India. Pembuatan ketiga-tiga jenis alat muzik iaitu gendang, *yāl* dan *kuḷal* oleh MTA dapat dilihat dari dua konsep iaitu alat muzik yang membawa bunyi irama dan yang menghasilkan bunyi rentak. (Rujuk lampiran E).

Kewujudan guru muzik ataupun golongan komposer dalam kalangan MTA dapat merancang penggunaan alat-alat muzik secara teratur. Ketiga-tiga jenis alat muzik ini adakalanya dimainkan secara berasingan ataupun serentak dengan alat muzik yang lain berdasarkan situasi, irama dan kehendak masyarakat (M.Rasa Manikkanar, 2011: 40-41).

Penggabungan alat-alat muzik yang terdiri daripada pelbagai kategori bagi menghasilkan alunan muzik yang sedap didengar, yang memerlukan pemikiran aras tinggi yang terdiri daripada komponen aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian seperti mana yang digariskan oleh Teori SPB4K.

MTA berfikir secara kreatif dalam proses mencipta alat muzik mereka yang tersendiri. Ilham dan idea penghasilan alat muzik secara kreatif oleh MTA dikatakan terhasil daripada bunyian semula jadi yang didengari dalam kehidupan seharian mereka (K.Kannan, 1994: 15). Budaya MTA yang menyebatkan diri dengan alam sekitar menyebabkan mereka menghasilkan alat muzik yang boleh mengeluarkan bunyi menyerupai bunyian serangga, burung, gajah dan ataupun fenomena alam yang selalu mereka lalui (K.Murugesan, 2008:152). Tindakan MTA yang menggunakan sumber alam dalam mencipta muzik merupakan teknik analogi alam yang digunakan dalam Pemikiran Kekreatifan dan menggunakan domain psikomotor, seperti mana yang digariskan oleh Teori SPB4K. Menurut S.Jeyalakshmi (2006: 30), tujuh nota muzik iaitu *Sa, Ri, Ga, Ma, Pa, Da, Ni* yang dihasilkan oleh MTA dapat diperbandingkan dengan bunyi semulajadi yang dapat dipadankan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.29: Tujuh Nota Muzik dan Bunyi Semulajadi

Tujuh Jenis Nota Muzik	Bunyi semulajadi
<i>Sa</i> (Doh)	Bunyi kumbang
<i>Ri</i> (Re)	Bunyi kicauan burung nuri
<i>Ga</i> (Me)	Bunyi kuda meringkik
<i>Ma</i> (Fa)	Bunyi gajah trampet
<i>Pa</i> (So)	Bunyi burung merak
<i>Da</i> (La)	Bunyi lembu berteriak
<i>Ni</i> (Ti)	Bunyi kambing berteriak

Diubah suai daripada, S.Jeyalakshmi (2006: 30)

Penganalisan KTK mendedahkan bahawa muzik bukan hanya digunakan semata-mata sebagai alat hiburan oleh MTA, malah digunakan untuk pelbagai tujuan dalam kehidupan seharian (A.Sitambaranatar, 2011: 46). Menurut K.A Jothi Rani (2011: 81-82), ahli-ahli muzik memainkan peranan dalam setiap aktiviti MTA bermula daripada proses kelahiran sehingga kepada proses kematian. Muzik dimainkan dalam upacara keagamaan, aktiviti pertanian, penternakan, peperangan, perubatan, proses kecintaan, dan permainan (I.Amutha, 2014: 662-664). MTA menganggap muzik sebagai instrumen yang dapat membawa ketenangan, melembutkan hati, menaikkan semangat, menghilangkan penat lelah dan dapat mewujudkan perasaan ketakutan kepada seseorang (S.Subramanian, 2013:183). Keadaan ini membawa kepada penggubalan pelbagai jenis irama dan lagu mengikut masa, tema dan keperluan masyarakat yang mendiami sesuatu kawasan tersebut oleh MTA (R.Sarangabani, 2006: 49). Penggunaan seni muzik sebagai alternatif merupakan satu ciri pemikiran lateral yang digariskan oleh Teori SPB4K.

Teks *Paripāṭal* dan *Kalittokai* yang terdapat dalam KTK diklasifikasikan sebagai kesusasteraan berirama (M.Arunachalam, 1980:2). Penganalisan terhadap teks *Paripāṭal* mendedahkan maklumat mengenai nama pengubal tiga jenis irama (*pan*) iaitu *Pālai yāl*, *Nōttiram* dan *Kāntāram* (R.Chandra Sekaran, 2009: 6-7). Ciri ini menjadikan teks *Paripāṭal* sebagai teks pertama yang dicipta berdasarkan irama (S.Jeyalakshmi, 2006: 31). Kebiasaannya lagu-lagu yang terdapat dalam teks *Paripāṭal* ditulis oleh seorang penyair dan irama bagi lagu tersebut digubal oleh seorang komposer yang lain. Hanya penyair yang menyanyikan lagu ke 14 iaitu *Kēcavaṇār* yang mengubal muzik bagi lagunya bersendirian. Maklumat ini membuktikan kewujudan kerjasama antara golongan penyair dan golongan komposer lagu yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing yang dapat dimuatkan dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 6.30: Maklumat Irama Dalam Teks *Paripāṭal*

No Lagu	Nama Penyair	Nama Penggubal Irama	Jenis Irama
2	<i>Kirantaiyar</i>	<i>Naṇṇākaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
3	<i>Kaṭuvaṇ ḷaveyiṇar</i>	<i>Peṭṭaṇākaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
4	<i>Kaṭuvaṇ ḷaveyiṇar</i>	<i>Peṭṭaṇākaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
5	<i>Kaṭuvaṇ ḷaveyiṇar</i>	<i>Kaṇṇaṇākaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
6	<i>Ācīriyar Nalantuvaṇār</i>	<i>Maruttuvaṇ Nallaccuttaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
7	<i>Maiyōṭak Kōvaṇar</i>	<i>Pitāmātar</i>	<i>Pālai yāl</i>
8	<i>Ācīriyar Nalantuvaṇār</i>	<i>Maruttuvaṇ Nallaccuttaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
9	<i>Kuṇram Pūtaṇār</i>	<i>Maruttuvaṇ Nallaccuttaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
10	<i>Karuppiḷḷai Pūtaṇār</i>	<i>Maruttuvaṇ Nallaccuttaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
11	<i>Ācīriyar Nalantuvaṇār</i>	<i>Nākaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
12	<i>Nallavaḷittiyār</i>	<i>Nākaṇār</i>	<i>Pālai yāl</i>
13	<i>Nallavaḷittiyār</i>	Tidak diketahui	<i>Nōttiram</i>
14	<i>Kēcavaṇār</i>	<i>Kēcavaṇār</i>	<i>Nōttiram</i>
15	<i>ḷamperu Vaḷittiyār</i>	<i>Maruttuvaṇ Nallaccuttaṇār</i>	<i>Nōttiram</i>
16	<i>Nallācīriyar</i>	<i>Nallaccuttaṇār</i>	<i>Nōttiram</i>
17	<i>Nallācīriyar</i>	<i>Nallaccuttaṇār</i>	<i>Nōttiram</i>
18	<i>Kuṇram Pūtaṇār</i>	<i>Nallaccuttaṇār</i>	<i>Kāntāram</i>
19	<i>Nāppaṇār</i>	<i>Maruttuvaṇ Nallaccuttaṇār</i>	<i>Kāntāram</i>
20	<i>Ācīriyar Nalantuvaṇār</i>	<i>Nallaccuttaṇār</i>	<i>Kāntāram</i>
21	<i>Nallaccuttaṇār</i>	<i>Kaṇṇaṇākaṇār</i>	<i>Kāntāram</i>
22	Tidak diketahui	Tidak diketahui	Tidak diketahui

Sumber: Jadual disediakan berdasarkan maklumat teks *Paripāṭal*


Penganalisan KTK turut mendedahkan akan kewujudan buku muzik berupa buku panduan irama muzik. MTA dapat mempelajari dan mengenali irama dan cara-cara memainkan alat-alat muzik berdasarkan buku-buku muzik tersebut (M.Suppaiyah, 2014: 1429-1433). Tindakan ini dapat memastikan ilmu muzik tersebut dapat diwarisi dan melalui pindah kaedah, ubah cara dan kemasukkan idea baru oleh generasi akan datang seperti yang digariskan oleh Pemikiran Lateral. Antara buku panduan muzik yang terdapat pada masa tersebut ialah *Akattiyam*, *Icai Nuṇukkam*, *Intira Kāḷiyam*, *Kūṭta Nūḷ*, *Cēṛṛiyam*, *Talavakaikkottu*, *Pañca Pāratiyam*, *Pañca Marapu*, *Pārata Cēṇātipatīyam*, *Pāratam*, *Peruṅkuruku*, *Perunārai*, *Nāṭakat Tamiḷ Nūḷ* dan sebagainya. Malangnya kesemua teks-teks tersebut tidak dapat dikesan pada hari ini (S.M. Venkataswami, 2001: 148-174).

Penganalisan Pemikiran Kekreatifan MTA, mendedahkan akan kewujudan pelbagai jenis seniman yang dikenali sebagai *Pāṇar*, *Iyavar*, *Porunar*, *Pāṭiṇi* dan *Viṛaliyar* yang bukan sahaja mahir dalam bidang seni muzik malah berkebolehan dalam seni tarian dan drama (P.Mathayan, 2006: 130-132). Kewujudan beberapa jenis *Pāṇar* iaitu *Yāl Pāṇar*, *Ciru Pāṇar* dan *Perum Pāṇar* berdasarkan saiz alat muzik *yāl* yang dimainkan; golongan *porunar*, *Pāṭiṇi* dan *Iyavar* yang dapat memainkan pelbagai alat muzik seperti *tāṭāri*, *kiṇai* dan *yāl*; golongan *Viṛaliyar* yang pakar dalam bidang tarian; golongan *Porunar*, *Kūttar*, *Vayiriyar* yang terlibat dalam seni drama; golongan penyair yang dapat menghasilkan lagu atau puisi, (K.Subramanian, 1987: 90-94), mendedahkan konsep pengkhususan dalam bidang kesenian yang dapat merancakkan lagi Pemikiran Kekreatifan.

K.Rasa Rattinam, mengklasifikasikan golongan seniman MTA kepada dua kategori iaitu golongan seniman beremosi (*Uṇarccik kalaiṇar*) dan seniman berintelekt (*Aṛivuk kalaiṇar*). *Kuttar*, *Pāṇar*, *Porunar*, *Viṛaliyar* tergolong dalam kumpulan seniman beremosi, manakala golongan penyair dikelaskan dalam kumpulan seniman berintelekt. Para seniman MTA mengaplikasikan gaya pemikiran emotif yang bersifat humanistik dan sensitif yang mengambil kira situasi dan perasaan orang lain. Selain itu, kebolehan dan kehandalan kaum wanita dan kanak-kanak MTA yang terlibat dalam bidang seni muzik, tarian dan drama setanding dengan kaum lelaki mendedahkan peranan muzik sebagai elemen utama dalam budaya MTA (2011:87-89).

Bentuk persembahan para seniman MTA bukan sahaja mengutamakan unsur keseronokkan, malah mengutamakan unsur kelainan dari segi jenis irama, lagu dan tarian dalam setiap persembahan mereka dengan menyelitkan teknik analogi fantasi yang dapat menghidupkan suasana. Jika para seniman menyampaikan bentuk persembahan yang

sama, para penonton akan berasa jemu dan tidak lagi berminat menonton persembahan tersebut (V.C.Sasivalli, 1989: 281-282). Data dari KTK menyatakan bahawa setiap kali diadakan persembahan, tempat tersebut akan dikerumuni oleh orang ramai yang membuktikan bahawa para seniman MTA mengaplikasikan pemikiran kreatif dalam proses penyampaian persembahan (S.C.Kersenboom, 1981:19-20). Kewujudan pelbagai irama, lagu dan tarian yang menunjukkan kelainan dalam KTK dapat dijelaskan seperti berikut:-



Rajah 6.12: Kepelbagaian Irama, Lagu dan Tarian MTA

Sumber: Rajah disediakan berdasarkan maklumat KTK

Penelitian terhadap data-data KTK menunjukkan bahawa para seniman menjalankan hidup bersifat *'being different'*. Hal ini bermaksud terdapat kelainan dalam gaya hidup mereka di mana mereka menjadikan elemen kreatif sebagai gaya hidup, proses intelektual,

penghasilan produk dan dasar kepada aktiviti imaginasi. Keadaan ini seiring dengan pandangan Edward de Bono (1998: 2) tentang ciri-ciri Pemikiran Kekreatifan.

Irama *Kuriñci*, *Mullai*, *Marutam*, *Neytal* dan *Pālai* merupakan lima irama utama yang telah menerbitkan kira-kira 11, 991 irama sampingan yang lain (S.Bala Sundaran, 1956: 83). Walaupun tidak dapat ditentukan dengan tepat sumber kelahiran irama-irama sampingan tersebut, tetapi ianya dapat mendedahkan kecemerlangan Pemikiran Kekreatifan MTA dalam bidang muzik (S.Subramanian, 2013: 185). Kelima-lima irama utama dinyanyikan oleh MTA mengikut waktu yang tertentu, iaitu *Marutam pan* pada waktu subuh, *Pālai pan* pada waktu tengahari, *Mullai pan* pada waktu petang, *Neytar pan* pada waktu senja dan *Kuriñci pan* pada waktu malam. Hal ini membuktikan MTA mementingkan penggunaan irama yang mengikut masa bersesuaian dengan mood yang dibawa oleh waktu tersebut (M.Arokiaswami, 2011: 113-114).

Data yang dikutip daripada KTK menunjukkan bahawa, terdapat beberapa tindakan yang diambil oleh para seniman MTA dalam proses mengembangkan Pemikiran Kekreatifan dalam bidang kesenian. Antaranya ialah pertandingan antara para penyanyi dan penari yang dapat mewujudkan suasana persaingan yang sihat antara seniman (Nyana Saraswathy, 2000: 94-95). Selain membawa idea-idea baru dalam persembahan supaya dapat memenangi pertandingan, para seniman dapat belajar teknik dan idea baru yang dipersembahkan oleh para peserta pertandingan. Pendedahan ilmu baru tersebut ditiru dan diperbaiki oleh seniman lain pada masa hadapan. Tindakan para seniman MTA dalam situasi di atas menampakkan keserasian dengan teknik menjana idea iaitu teknik alternatif, mencabar, penyertaan secara rawak dan provokasi yang dipeloporkan oleh Edward de Bono (1999: 65), seperti mana yang digariskan dalam Teori SPB4K.

Persatuan-persatuan kesenian yang sedia ada dalam kalangan MTA pula menyediakan tapak untuk para seniman mengadakan persembahan sepanjang tahun yang membuka peluang kepada perkembangan bidang kesenian (A.M.Paramasivanandam, 1994: 134). Selain itu, aktiviti sambutan pesta perayaan juga membuka peluang kepada para seniman bagi mempamerkan bakat masing-masing (S.Kerasi Rani, 2014: 24). Antara perayaan yang disambut oleh MTA ialah *perayaan Kārttikai, Tiruvōṇam, Poṅkal, Tai Nīrāṭu, Iḷavēṇil Viḷā, Intira Viḷā, Kāmaṇ Viḷā, Pūntōrnīr Viḷā, Cirucōrru Viḷā, Tiruparaṅkunrattu Viḷā, Tiruppatiyil Viḷā, Ūḷi viḷā, Paṅkuṇi Viḷā, koṭiyar Viḷā, Veriyāṭṭu viḷā* dan majlis sambutan hari keputeraan Raja yang diiringi dengan aktiviti persembahan kesenian (K.Rasa Rattinam, 2011: 171-176). Kegiatan aktiviti kesenian yang berlangsung sepanjang masa dapat membawa kepada pencetusan idea-idea baru, hasil daripada Pemikiran Kekreatifan yang didukung oleh MTA.

Walaupun kebanyakan seniman hidup serba kekurangan, namun ianya tidak menghalang kegiatan kesenian mereka kerana mereka sentiasa dilindungi oleh golongan berada. Bantuan Raja dan golongan kaya yang menjaga kebajikan golongan seniman memastikan bidang kesenian terus berkembang kerana Raja dan golongan kaya dilihat sebagai pelindung bidang kesenian. Para seniman dapat menumpukkan perhatian kepada perkembangan bidang seni secara lebih aktif kerana golongan berada sentiasa bersedia menghulurkan bantuan dan mudah mereka didekati oleh para seniman sepanjang masa (A.Thachanamoorthy, 2001:302-303).

Keadaan ini membawa kepada satu suasana yang aman yang membantu proses penjanaan idea-idea baru yang merupakan elemen penting dalam aras pemikiran tinggi. KTK menyatakan bahawa golongan kaya yang menganggap seni muzik sebagai sejenis

hiburan mengambil usaha untuk membelajari secara formal. Oleh itu, golongan seniman menurunkan ilmu kesenian kepada anak-anak secara informal. Bantuan dan sokongan golongan berada tersebut memastikan para seniman menurunkan ilmu itu kepada anak-anak mereka supaya bidang seni dapat diwarisi. Tindakan para seniman MTA merupakan pengaplikasian pemikiran projektif dan salah satu ciri dalam Pemikiran Kekreatifan iaitu meminati seni dan didorong oleh motivasi dalaman seperti mana yang digariskan dalam Teori SPB4K.

S.Senthil Kumar, menjelaskan bahawa para seniman khususnya penyair MTA, mengaplikasikan empat jenis pendekatan dalam proses menghasilkan puisi-puisi secara kreatif. Puisi dihasilkan berdasarkan pengalaman, membuat perkaitan, menjelaskan sesuatu peristiwa ataupun hanya sebagai hasil angan-angan (2004: 209-212). Menurut Tamillannal (1994: 169), kebanyakan KTK dipersembahkan dalam bentuk drama dan dialog (*dramatic monologue*) iaitu seolah-olah watak-watak berkongsi pengalaman kepada para pembaca dalam bentuk monolog dalaman ataupun luaran. Penghasilan puisi sebegitu rupa memerlukan penggunaan gaya imaginatif yang tinggi serta kemahiran berpuisi yang cemerlang.

Tindakan para penyair yang menyelitkan unsur nasihat dan ajaran falsafah hidup kepada golongan pemerintah secara tersirat dalam puisi-puisi dilihat sebagai pengaplikasian gaya pemikiran proaktif yang sentiasa mengambil kira langkah berjaga-jaga. Hal ini dapat dilihat dalam puisi-puisi KTK. C.Kathir Mahadevan (1981: 142), berpandangan bahawa MTA menggunakan muzik, tarian dan drama sebagai medium untuk menyampaikan nilai kerohanian dan falsafah. Tindakan para penyair yang menegur kaum pemerintah secara tersirat merupakan pengaplikasian gaya pemikiran projektif kerana tindakan tersebut boleh

mengundang bahaya kepada diri mereka sendiri. Tindakan tersebut merupakan salah satu ciri dalam Pemikiran Kekreatifan iaitu tidak dahagakan ganjaran, sedia berhadapan risiko, kritikan, berpendirian teguh dan mempunyai peribadi yang stabil, seperti mana yang digariskan oleh Teori SPB4K.

Para penyair juga bertindak menegur ahli masyarakat yang melanggar peraturan sosial yang sedia ada, melalui puisi-puisi yang disampaikan dalam bentuk lagu (K.A.Jothi Rani, 2011: 82). Bagi tujuan tersebut, para penyair MTA perlu melalui empat fasa iaitu fasa penyediaan, pemeraman, penyinaran atau pencetusan dan pengesahan (Yew Kam Keong, 2002: 27) sebelum mengeluarkan sesuatu falsafah yang dapat diterima umum. Kesemua tindakan tersebut perlu dilakukan secara kreatif supaya elemen nasihat dapat disepadukan tanpa memingkirkan nilai keindahan puisi yang dititikberatkan dalam penggubalan puisi-puisi klasik.

Hubungan mesra antara para seniman dengan kelompok MTA, mewujudkan interaksi sosial yang sihat di mana nasihat dan falsafah yang dididik oleh para seniman diterima oleh semua lapisan masyarakat secara amnya. Selain itu, wujud satu kerjasama yang erat antara para pemuzik dengan penari dan pelakon supaya dapat menghasilkan satu persembahan baik yang dapat menarik perhatian orang ramai (M.Rasa Manikkanar, 2011: 41). Interaksi sosial antara golongan seniman dengan masyarakat dan dalam kumpulan golongan seniman itu dapat mewujudkan satu kelompok masyarakat yang saling hidup bergantung antara satu sama lain.

Secara kesimpulannya, para seniman MTA mengaplikasikan pemikiran aras tinggi yang mengguna pakai analisis, sintesis dan penilaian dalam segala aktiviti dalam bidang

kesenian. Selain itu, para seniman MTA didapati turut memberi penekanan kepada beberapa kemahiran seperti meramal, membuat inferens, menjanakan idea, menghubungkan, mengitlak, mensintesis, membuat gambaran mental dan hipotesis dalam proses menjanakan Pemikiran Kekreatifan.

6.4.2 Seni Lukisan

Bidang seni lukisan yang diamalkan oleh MTA tergolong dalam bidang seni lukisan klasik. Ianya merupakan satu gambaran alam semulajadi yang nyata dan mencerminkan kecemerlangan dan kebitaraan kehidupan manusia. C.Saradhambal (1993: 18), yang mengungkap pandangan Dominique Secreten menjelaskan seni lukisan seperti berikut:-

“The classical landscape, properly so called, is therefore the representative of perfectly trained and civilized human life, associated with perfect natural scenery and with decorative spiritual powers”.

Menurut Dominique Secreten, seni lukisan klasik mewakili kehidupan manusia sempurna, terlatih dan bertamadun, yang berkaitan dengan pemandangan alam yang sempurna dan dengan kuasa rohani hiasan.

Bidang seni lukisan (*oviyam*) mendapat perhatian daripada semua lapisan masyarakat kerana MTA mewarisi pemikiran yang turut mengutamakan nilai keindahan (J.M.Somasundaram Pillai, 1967: 339). T.Sumathi (1994: 206), mentakrifkan seni lukisan MTA sebagai *‘it is naturalistic and it is idealistic’*. Menurutnya, elemen naturalistik mengambil kira kecintaan terhadap alam semula jadi, manakala elemen idealistik pula merupakan satu cara eksperasi bagaimanakah kehidupan manusia harus dijalankan. Para pelukis MTA didapati mengaplikasikan gaya pemikiran emotif dan divergen yang menghubungkan dunia internal dan eksternal dalam proses melukis sesuatu lukisan.

Terdapat lukisan pada dinding rumah, tiang, tembok, istana dan tempat ibadat yang membuktikan kecemerlangan MTA dalam bidang seni lukisan. MTA menggunakan teknik analogi fantasi bagi mewujudkan tempat kediaman mereka seakan-akan gambar lukisan iaitu menghiasi tempat kediaman dengan pelbagai lukisan cantik (S.Vityanandan, 1985: 301). Kewujudan balai seni lukisan di tempat ibadat, istana dan di ruang tamu rumah orang kaya membuka peluang kepada para pelukis menghasilkan lukisan-lukisan yang bermutu (M.Arokiaswami, 2011: 113-114). Para pelukis MTA didapati mengaplikasikan gaya pemikiran projekatif dalam proses penghasilan lukisan kerana ia menyediakan punca pendapatan kepada para pelukis. Tindakan para pelukis MTA menampakkan ianya selari dengan ciri-ciri Pemikiran Kekreatifan yang digariskan dalam Teori SPB4K.

Para pelukis MTA mahir menghasilkan lukisan berwarna, lukisan menggunakan lilin pada kain dan lukisan tanpa warna. Lukisan tersebut dikatakan amat realistik sehingga digelar sebagai *Kaṇṇuḷ viṇaiṇar* (G.Selva Raj, 2000: 141). Kehebatan para pelukis mendapat sanjungan dan pengiktirafan daripada MTA. Pengiktirafan tersebut merupakan tonik kepada kaum pelukis MTA untuk mengembangkan bakat seni.

Kebanyakan lukisan yang dihasilkan oleh MTA, berupa gambar flora dan fauna yang berkait rapat dengan unsur alam semulajadi (S.Vaithia Lingam, 1986: 461). Hal ini merupakan salah sebuah teknik dalam pemikiran Kekreatifan iaitu teknik analogi alam. Lukisan-lukisan tersebut dicorakkan pada kain bendera, alas katil, bantal dan selimut bagi menghidupkan suasana yang menyegarkan. Setiap lukisan yang dihasilkan bersesuaian dengan tempat dan membawa tema-tema tertentu sambil menyerapkan falsafah dan pengajaran sebagai panduan hidup (Sami Sitampananar, 2012: 112-115). Penerapan falsafah dalam seni lukisan merupakan satu pengaplikasian gaya pemikiran nilai yang berasaskan

pegangan agama, moral dan adat yang dipegang oleh MTA. Penggabungan elemen corak, keindahan dan falsafah secara sistematik memerlukan Pemikiran Kekreatifan yang matang.

Maklumat daripada KTK menunjukkan bahawa kemahiran lukisan diterapkan sejak kanak-kanak di mana mereka belajar bermain melukis di atas pasir pada waktu lapang bersama-sama dengan kawan-kawan. Aktiviti lukisan dalam kalangan kanak-kanak dapat menyerapkan Pemikiran kekreatifan sejak kecil lagi. Namun demikian, kesemua hasil lukisan tinggalan zaman *Sangam* dipercayai musnah kerana penggunaan warna yang tidak tahan lama (K.K.Pillai, 1974: 101-102). MTA berkemungkinan tidak mahu menghasilkan lukisan yang tahan lama kerana ingin melihat lukisan baru setiap masa ataupun memang tidak memiliki kepakaran dalam bidang tersebut.

6.4.3 Seni Ukiran

Bidang seni lukisan dan seni ukiran merupakan dua bidang yang mempunyai perkaitan rapat. Menurut A.Thachanamoorthy (2005: 337-338), para pengukir MTA perlu melakar ataupun melukis terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu ukiran supaya ianya dapat menyerlahkan keindahan sesuatu objek. Para tukang ukiran MTA berkemahiran tinggi dalam proses membuat gambaran mental yang merupakan salah satu kemahiran penting dalam Pemikiran Kekreatifan. Penganalisan KTK menunjukkan bahawa terdapat seni penganyaman dan seni ukiran MTA dapat dikesan terdapat pada kayu, batu, logam, dan pakaian. Hal ini membuktikan kewujudan Pemikiran Kekreatifan dalam kalangan MTA.

C.Saradhambal (1993: 17-18), yang mengungkap pandangan Dominique Secreten menjelaskan bahawa seni ukiran klasik dapat dikesan dalam bidang arkitek dan ukiran batu (*classical architecture, sculpture*) adalah sebahagian daripada bidang seni klasik (*classical arts*), kerana ianya membawa sesuatu keindahan yang nyata (*serene beauty*), susunan yang sistematik dan dapat membawa kepuasan yang maksimum. Penganalisan data KTK menunjukkan bahawa seni ukiran MTA, mendukung kesemua ciri-ciri yang dimaksudkan di atas sehingga dapat dianggap sebagai seni ukir klasik yang mempunyai nilai estetika yang tinggi.

KTK turut memuatkan maklumat mengenai para pengukir kayu MTA yang menghasilkan pelbagai jenis ukiran berbentuk flora dan fauna pada pintu, katil, kapal dan kenderaan rata bagi menyerlahkan nilai kecantikan. Selain memiliki kepakaran, para pengukir MTA didapati mengamalkan gaya pemikiran konstruktif dalam soal penghasilan ukiran kayu supaya dapat menampakkan kelainan dengan seni ukir tempat lain. Keadaan sama dapat dikesan pada ukiran batu seperti ukiran rupa perajurit pada tunggul batu dan pembuatan patung-patung berhala yang diukir secara realistik (M.Rasa Manikkanar, 2011: 19-20).

KTK turut mendedahkan fakta bahawa kebanyakan seni ukiran logam MTA diperbuat daripada gangsa, emas, dan perak, digunakan untuk menghasilkan bekas makanan, bekas minuman, barangan kemas dan bekas menyimpan barangan kemas. (V.T.Cellam, 2000: 133). MTA percaya ukiran yang cantik pada alat logam tersebut dipercayai melambangkan status dan dapat mewujudkan rasa kepuasan yang tidak terhingga kerana objek tersebut akan dikagumi oleh orang lain atas sifat kekemasan dan kecantikkannya. Oleh kerana itu, objek seni seperti ini dikatakan mendapat permintaan

tinggi dalam kalangan MTA (V.C.Sasivalli, 1989: 99-104). Penggunaan batu permata dan sumber haiwan sebagai bahan sampingan bersama-sama dengan alat kayu, batu dan logam oleh tukang-tukang logam MTA secara kreatif telah mewujudkan barangan yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Para pengukir logam MTA mengamalkan gaya pemikiran projektif dan proaktif yang memerlukan daya imaginasi yang tajam dalam proses penghasilan penghasilan barangan logam.

Penganalisan terhadap KTK mendedahkan bahawa nilai kecantikan dan kekemasan adalah antara agenda penting dalam gaya hidup MTA. MTA memilih pakaian yang mempunyai corak bunga yang menarik kerana baju bersulaman adalah cantik. Ianya turut dapat membina keyakinan diri dan mudah diterima oleh masyarakat sekitarnya (K.Ramanathan, 1964: 104). Para tukang kain MTA didapati mengutamakan corak pada pakaian dengan menghasilkan pelbagai jenis corak yang berbeza-beza supaya dapat wujudkan kelainan yang memerlukan pengaplikasian Pemikiran Kekreatifan dan pemikiran rekacipta. Keadaan yang sama juga dapat dilihat dalam proses penganyaman di mana penghasilan payung, bakul, katil, tali, bekas minuman, *muram* (tampi) dan tikar.

6.4.4 Seni Perhiasan Diri

Penganalisan terhadap KTK mendedahkan bahawa MTA bukan sahaja memberi keutamaan kepada aspek keindahan sesuatu objek malah menghabiskan banyak masa untuk menghiaskan diri mereka sendiri secara kreatif (S.C.Chitty, 1992: 74-79). MTA menjadikan seni perhiasan diri sebagai pemikiran MTA secara am di mana ianya dilakukan oleh semua lapisan masyarakat yang terdiri daripada lelaki, wanita, kanak-kanak dan kaum kerabat diRaja. Namun demikian, kebanyakan maklumat yang didapati dalam KTK ialah


mengenai seni perhiasan yang berkaitan dengan kaum wanita MTA (P.Sinnasamy, 1999:10).

Bagi tujuan perhiasan diri, bahan-bahan semulajadi seperti bunga, dahan yang menjalar dan batang pokok yang lembut dibentuk menjadi pelbagai jenis kalungan bunga oleh kaum wanita. Kaum wanita secara kreatif membentuk anting-anting daripada tumbuhan *Kōrai* (S.Singaravelu, 2001: 80-84). Selain itu, tindakan memetik bunga *vayalai* bagi menjadikan jari-jari bertukar menjadi warna kemerah-merahan yang dinyatakan dalam KTK, menyerlahkan Pemikiran Kekreatifan MTA. Penggunaan bahan semula jadi sebagai bahan perhiasan merupakan pemikiran lateral yang berciri inovatif, imaginatif dan kreatif, seperti mana yang digariskan oleh Teori SPB4K.

Objek semulajadi yang paling banyak digunakan sebagai alat perhiasan diri dalam kalangan MTA ialah bunga. Kaum wanita MTA gemar menghiaskan diri dengan meletakkan bunga pada rambut mereka. Salah satu ciri yang menarik yang dapat diperhatikan dalam kalangan MTA ialah hanya wanita yang sudah berkahwin dibenarkan meletakkan bunga pada rambut. Namun demikian, dalam kes-kes tertentu anak dara yang berada dalam ambang kecintaan akan menghiaskan diri dengan meletakkan bunga pada rambut sebagai simbolik, hatinya sudah dimiliki oleh seorang teruna. Antara bunga yang menjadi pilihan wanita MTA ialah *Kalippu*, dan *mullai*. Selain itu, bunga juga digunakan untuk mengikat kalungan bunga malai seperti *ootai*, *thar*, *maalai*, *soodhu* dan *kanni* yang dipakai oleh kaum wanita dan lelaki. Penggunaan bunga sebagai bahan semulajadi juga dikaitkan dengan nilai perubatan. (sila rujuk bab 5.4 bahagian perubatan). Terdapat maklumat dalam KTK mengenai kewujudan amalan permainan berbentuk pertandingan

dalam kalangan kanak-kanak perempuan MTA yang membuat pelbagai jenis kalungan bunga, yang menyerlahkan Pemikiran Kekreatifan mereka.

MTA memberikan keutamaan kepada seni perhiasan diri di mana setiap anggota badan diperhiasi secara cermat (S.Bala Sundaran, 1956: 55). Ikatan rambut dan menojeng dengan lima cara dan memakai pelbagai alat perhiasan di kepala, dahi, leher, bahu, tangan, jari, pinggang, bahagian pusat dan kaki merupakan antara bahagian-bahagian anggota badan yang diperhias secara kreatif (K.Latha, 2003: 199-206). Kebanyakan alat perhiasan yang digunakan diperbuat daripada bahan logam emas dan perak yang diukir secara kreatif kerana setiap barangan kemas tersebut dikenali dengan pelbagai nama bagi menunjukkan kelainannya (K.Pordkalai, 2014: 1196-1200). Kaum wanita MTA dikatakan memakai 29 jenis alat kemas daripada hujung rambut ke hujung kaki. (Rujuk lampiran F). Jenis-jenis alat perhiasan yang digunakan oleh MTA dapat digambarkan menerusi rajah seperti berikut:-



Rajah 6.13: Jenis-Jenis Alat Perhiasan MTA

Sumber: Rajah disediakan berdasarkan maklumat KTK

Seni perhiasan diri MTA bukan sahaja dapat dikesan dalam kalangan wanita muda, tetapi juga dalam kalangan wanita yang berusia. Hal ini membuktikan bahawa MTA mementingkan aspek penampilan diri mengikut masa, tempat dan suasana. Ketekunan kaum wanita yang sudah kahwin menghiaskan diri untuk tatapan suami sebelum masuk tidur, penggunaan cermin, pemakaian minyak wangi, penyapuan serbuk wangi seperti cendana dan sebagainya membuktikan keperihatinan MTA terhadap isu perhiasan diri.

Selain menyerlahkan kecantikan, seni perhiasan diri yang diamalkan oleh MTA adalah bertujuan untuk menampilkan status hidup mereka. Keadaan ini dapat dilihat dalam kalangan golongan kaya dalam MTA yang mengenakan pelbagai barangan kemas kepada anak-anak (S.Avvai Thurai Samy, 2011: 157-158). Menurut K.Govindan (1992: 126-127), MTA bukan sahaja ingin menjadikan diri mereka kelihatan cantik malah ingin melihat segala objek dan orang yang berada di sekeliling mereka juga kelihatan cantik, menyebabkan banyak masa dibelanjakan bagi proses perhiasan diri.

Penelitian KTK menunjukkan bahawa Raja dan kaum kerabat raja MTA juga didapati memberi tumpuan serius terhadap pakaian, barangan kemas dan proses menghiaskan diri mereka. Hal ini sedemikian, kerana seni perhiasan diri mereka perlu melambangkan kemewahan dan kesempurnaan. Kebanyakan barangan yang digunakan kemas yang digunakan oleh kaum kerabat diRaja diperbuat daripada emas yang bertatahkan batu permata. Walaupun para tukang logam yang diarahkan membuat barangan kemas diRaja menghadapi tekanan bagi menghasilkan hasil barangan yang lain daripada yang lain, namun situasi cemas tersebut dapat menghasilkan satu keadaan pencarian ilham yang baru. Tukang logam MTA menggunakan gaya pemikiran pragmatik yang mengutamakan perkara-perkara ideal dan fasa pengesahan yang berpandukan kriteria yang disediakan.

Permintaan dan persaingan daripada golongan berada ini menyebabkan para tukang logam, khasnya tukang emas mencipta pelbagai barangan kemas yang mempunyai corak-corak yang menarik. Kewujudan dua pusat pembuatan barangan kemas iaitu *Kodumanam* dan *Panthar* menunjukkan bahawa aktiviti rekacipta dan penghasilan barangan kemas sudah mencapai suatu tahap yang tinggi hinggalah ada pusat-pusat khusus untuk tujuan penghasilannya. Selain itu, MTA juga menjadikan seni perhiasan diri sebagai simbol yang

mewakili sesuatu kumpulan masyarakat. Misalnya pemakaian daun *Vēmpu* sebagai kalungan dikhaskan kepada golongan peniaga atas faktor pengenalan diri dan keselamatan merupakan pengaplikasian gaya pemikiran nilai.

Secara kesimpulannya, seni perhiasan diri MTA mempunyai tujuan dan nilai-nilai seperti berikut:-

- i. Menyerlahkan kecantikan
- ii. Membuat orang di sekeliling rasa bahagia
- iii. Menunjukkan status
- iv. Membawa lambang-lambang tertentu
- v. Mempunyai nilai perubatan

6.4.5 Penganalisan Pemikiran Kekreatifan Berdasarkan Teori SPB4K

Penganalisan Pemikiran Kekreatifan yang berkait rapat dengan perkembangan MTA berdasarkan KTK merupakan satu bidang yang mendapat perhatian daripada ramai sarjana. Namun demikian, tiada usaha daripada para sarjana untuk mengaitkan Pemikiran Kekreatifan MTA dengan teori-teori kekreatifan yang wujud hari ini, lebih-lebih lagi yang berdasarkan Teori Pemikiran Kekreatifan SPB4K.

Penganalisan terhadap KTK menunjukkan bahawa MTA menggunakan otak kanan yang mengutamakan elemen fiksyen, subjektif, rekaan yang memberi penekanan kepada bentuk, corak, ruang, lukisan, muzik, imej, visual, gambar, imaginasi, kreativiti dan global. MTA berjaya menerbitkan idea-idea bersifat generatif untuk mencapai sesuatu

matlamat. Hal ini membuktikan bahawa MTA mewarisi ciri-ciri pemikiran bersifat kreativiti, imaginatif dan inovatif yang selari dengan Teori SPB4K.

Walaupun KTK tidak pernah dikaji dari perspektif pemikiran lateral iaitu dari segi kaedah enam topi berfikir, enam kasut tindakan, akat-alat CoRT, konsep Po dan lima prinsip revolusi positif, namun penelitian terhadap KTK mendedahkan bahawa terdapat unsur-unsur yang berkaitan dengan pemikiran lateral dalam KTK. Penemuan ini membawa kepada usaha pengkaji menerokai bidang ini dengan lebih mendalam dengan membuat kajian terhadap KTK dengan pemikiran lateral secara mendalam.

Penganalisan menunjukkan bahawa mendedahkan KTK dapat diwakilkan mengikut enam jenis topi, enam kasut tindakan, alat CoRT 1 yang digariskan oleh pemikiran lateral. Setakat ini, pengkaji telah menerbitkan tiga buah artikel yang mengaitkan KTK dengan kaedah enam topi berfikir dan enam kasut tindakan dalam tiga persidangan antarabangsa. Dalam kajian-kajian tersebut pengkaji melihat sejauh manakah KTK menepati kaedah-kaedah yang dibawa oleh pemikiran lateral. Pengkaji telah menerbitkan artikel berjudul, '*Caṅka ilakkiyamum āru cintaṅait toppikaḷum*' (Kesusasteraan *Sangam* dan Kaedah Enam Topi Berfikir) di persidangan *Secound International Conference on Research in Tamil Education, 2014* di Pulau Pangkor dan '*Eṭṭarṭ ṭi pōṅṅō pārvaiyil caṅka ilakkiyap payaṅpāṭu*' (Penggunaan hasil kesusasteraan *Sangam* dalam proses pengajaran pemikiran Edward de Bono) di *Kāñcippuram*, India pada tahun 2014.

Kedua-dua kajian ini mengaitkan KTK dengan kaedah enam topi berfikir. Pengkaji juga telah membentangkan artikel dalam persidangan *The 9th International Conference-Seminar On Tamil Studies* pada 29 Jan- 1 Feb 2015, yang berjudul, '*Eṭṭarṭ ṭi pōṅṅō āru*

ceyal kālaṅikaḷ cintaṅaip pārvaiyil caṅka ilakkiyap payaṅpāṭu’ di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini mendedahkan hubungkait antara KTK dengan enam kasut tindakan yang diperkenalkan oleh Edward de Bono. Hasil kajian-kajian di atas membuktikan, akan kewujudan ciri-ciri pemikiran lateral dalam kalangan MTA secara tersirat.

Penelitian terhadap KTK menerusi kaedah ekstrinsik menunjukkan bahawa terdapat pelbagai nilai estetika dan keindahan seni yang dapat dikesan dalam pemikiran MTA. Ia juga mendedahkan kelahiran masyarakat seniman yang mementingkan elemen-elemen inovatif, kreatif, reka cipta, berjiwa seni sehingga dapat mewujudkan pelbagai kreativiti dalam bidang sastera dan kesenian yang selari dengan Teori SPB4K.

Penganalisaan terhadap Pemikiran Kekreatifan MTA dapat membuktikan penggunaan ketiga-tiga domain iaitu domain kognitif, efektif dan psikomotor seperti mana yang digariskan oleh Taxanomi Bloom. Perkembangan domain kognitif yang melibatkan enam tingkat iaitu pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian perlu dilalui bagi menghasilkan sesuatu yang hasil yang dapat diterima umum. Selain itu, perkembangan efektif yang melibatkan ekspresi, perasaan, atau pendapat terhadap hal-hal yang relatif sederhana juga diberi perhatian. Hal ini adalah kerana Pemikiran Kekreatifan bukan berdasarkan kepada fakta semata-mata tetapi sikap atau nilai telah mendalam di sanubarinya hasil daripada pengalaman lama dan pendedahan yang diterima daripada masyarakat sekitarnya. Perkembangan domain efektif dilihat sampai kemuncaknya kerana MTA bukan sahaja pandai menilai dan mengorganisasi, malah dapat mendukung perwatakan tertentu yang dapat mempengaruhi masyarakat persekitarnya.

Penganalisaan terhadap Pemikiran Kekreatifan MTA membuktikan perkembangan domain psikomotor melibatkan keterampilan kemahiran dan kemampuan. Penguasaan kedua-dua elemen dalam domain psikomotor yang melibatkan lima peringkat iaitu peniruan, penggunaan, ketepatan, perangkaian dan naturalisasi, membolehkan Pemikiran Kekreatifan MTA menunjukkan kelainan dan keunikannya yang tersendiri. Keadaan ini berbeza dengan masyarakat Tamil hari ini yang mengutamakan keperluan materialistik.

Selain itu pandangan Cropley (1967) yang menyatakan bahawa keluarga khasnya ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam perkembangan Pemikiran Kekreatifan (M. Runco, 2007: 49-64) juga dapat dikesan dalam kehidupan MTA. Kanak-kanak MTA yang dibesarkan dalam dibentuk mengikut naluri kreativiti yang dikehendaki oleh ibu bapa. Walaupun pada peringkat awal perkembangan kreativiti seolah-olah dikongkong oleh ikatan keluarga dan keadaan sosio ekonomi, namun apabila mereka menjadi dewasa Pemikiran Kekreatifan semakin menyerlah akibat daripada pertembungan dengan dunia luar.

6.4.6 Kesimpulan

Penganalisan Pemikiran Kekreatifan MTA berdasarkan KTK dengan menggunakan Teori SPB4K mededahkan Pemikiran Kekreatifan MTA yang dapat dirumuskan seperti berikut:-

- i. Penciptaan alat-alat muzik dan persembahan kesenian MTA adalah berdasarkan Pemikiran Kekreatifan.

- ii. Pemikiran Kekreatifan yang dihasilkan oleh MTA, berkait rapat dengan unsur alam semulajadi, yang merupakan elemen penting dalam budaya MTA.
- iii. Penghasilan irama dan lagu dibuat mengikut masa, tema dan keperluan masyarakat setempat secara kreatif.
- iv. Elemen penurunan ilmu kesenian kepada generasi akan datang dititikberatkan oleh MTA bagi memastikan bidang kesenian dan seni ukir mengalami proses inovasi dan rekacipta dari masa ke semasa.
- v. Kewujudan pelbagai jenis seniman yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang kesenian.
- vi. Kewujudan unsur kelainan dalam setiap persembahan supaya ianya tidak mewujudkan perasaan kebosanan.
- vii. Golongan kaya dan Raja sentiasa menghulurkan bantuan dan sokongan kepada perkembangan bidang seni.
- viii. Para seniman bersikap berani dengan menyelitkan unsur nasihat dan falsafah hidup secara tersirat dalam persembahan mereka.
- ix. Para seniman memiliki beberapa ciri-ciri Pemikiran Kekreatifan seperti sedia menerima kritikan, risiko, meminati seni dan berjiwa halus, tidak dahagakan ganjaran, berpendirian teguh dan mempunyai peribadi yang stabil dan berkeinginan tinggi.
- x. Seni ukiran dan seni perhiasan diri dikaitkan dengan nilai kecantikan, status dan identiti sesuatu masyarakat.
- xi. MTA memberi keutamaan kepada elemen-elemen keindahan, kekemasan dan kecantikan dalam penciptaan bahan-bahan yang digunakan dalam kehidupan seharian.

- xii. Seni perhiasan diri dibuat untuk menyerlahkan kecantikan diri, membuat orang sekeliling gembira, menunjukkan status, membawa lambang-lambang tertentu dan mempunyai nilai perubatan.
- xiii. Kewujudan pertandingan dalam kalangan para seniman dan tukang logam dapat mewujudkan persaingan sihat menyebabkan penambahbaikan dalam bidang kesenian dan penghasilan barangan kemas.
- xiv. MTA mengaplikasikan beberapa gaya pemikiran iaitu pemikiran nilai, pemikiran projekatif, pemikiran proaktif, pemikiran lateral, pemikiran emotif dan pemikiran teknikal.

Rumusan yang tertera di bahagian atas yang dikutip daripada KTK, dapat memberi satu gambaran mengenai Pemikiran Kekreatifan MTA. Dapatan tersebut membuktikan bahawa MTA telah menjadikan Pemikiran Kekreatifan sebagai salah satu pemikiran dalam kebanyakan aktiviti harian, khasnya yang berkaitan dengan bidang kesenian.